



AVG PC TuneUp

Manual Pengguna

Semakan dokumen AVG.06 (22/01/2017)

Hak cipta AVG Technologies CZ, s.r.o. Hak cipta terpelihara.
Semua tanda dagangan lain adalah hak milik pemilik masing-masing.



Kandungan

1. Selamat datang ke AVG PC TuneUp!	3
1.1 Keperluan Sistem	3
1.2 Bantuan dan Sokongan	3
2. Proses Pemasangan AVG PC TuneUp	4
2.1 Selamat datang!	4
2.2 Masukkan nombor lesen anda	5
2.3 Sesuaikan pemasangan anda	7
2.4 Memasang AVG PC TuneUp	8
2.5 Dialog alu-aluan	9
3. Papan Pemuka	10
3.1 Perlindungan Sistem	12
4. Mod PC	15
4.1 Mod Ekonomi	15
4.2 Mod Standard	19
4.3 Mod Turbo	19
5. Mod Pesawat	24
6. Bar Menu	25
7. Penyelenggaraan	26
7.1 Penyelenggaraan 1 Klik	26
7.2 Penyelenggaraan Automatik	27
7.3 Menukar Tetapan Penyelenggaraan	28
8. Lajukan	29
8.1 Mengkonfigurasi Pengoptimuman Langsung	31
8.2 Melumpuhkan Program Latar Belakang dan Permulaan	32
8.3 Cadangan sistem	35
8.4 Mengurus Proses Berjalan	37
8.5 Mengoptimumkan Permulaan dan Penutupan Sistem	39
8.6 Menunjukkan Maklumat Sistem	41
9. Kosongkan Ruang	43
9.1 Membersihkan cache & log Windows	45
9.2 Membersihkan pelayar	47
9.3 Mencari dan Mengalih Keluar Fail Pendua	49
9.4 Mencari dan Menghapuskan Fail dan Folder Bersaiz Besar	50
9.5 Menghapuskan Data Dengan Selamat	55
9.6 Menyahpasang program yang tidak digunakan	58



10. Betulkan Masalah	60
10.1 Membetulkan Masalah Biasa	61
10.2 Mengemas kini perisian usang	61
10.3 Menyemak Ralat pada Cakera Keras	64
10.4 Memulihkan Fail Yang Dihapuskan	66
11. Semua Fungsi	69
11.1 Membersihkan Daftaran	74
11.2 Membersihkan iPhone, iPad atau iPod touch	79
11.3 Menyahfragmen Daftaran	83
11.4 Menyahfragmen Cakera Keras	84
11.5 Menyunting Daftaran	87
11.6 Menukar Penampilan Windows	88
11.7 Mengubah Suai Tetap Windows	101
11.8 Mengalih Keluar Pintasan Rosak	122
11.9 Menunjukkan Laporan Pengoptimuman AVG	123
12. AVG PC TuneUp dalam Kawasan Pemberitahuan Bar Tugas	124



1. Selamat datang ke AVG PC TuneUp!

Tahniah kerana memilih **AVG PC TuneUp**! Anda baru sahaja mendapat koleksi komprehensif melebihi 30 alat berbeza untuk mengoptimumkan PC anda. Gunakan perisian ini untuk mencergaskan semula PC, notebook atau netbook tanpa perlu bersusah payah.

Dengan **AVG PC TuneUp**, anda boleh memulihkan keupayaan prestasi penuh sistem pengendalian, permainan dan program anda. **AVG PC TuneUp** turut boleh menjalankan tugas penyelenggaraan penting secara automatik seperti membersihkan cakera keras dan daftaran anda atau anda boleh menjalankannya secara manual. Zaman komputer yang perlahan dan tidak bersih kini sudah berlalu. **AVG PC TuneUp** mengenal pasti sama ada terdapat sebarang masalah pada sistem anda dan menawarkan penyelesaian mudah. Anda juga boleh menggunakan **AVG PC TuneUp** untuk menyesuaikan penampilan sistem Windows anda mengikut keperluan peribadi anda.

Kami berharap anda gembira menggunakan **AVG PC TuneUp** dan PC baharu anda yang telah dicergaskan semula.

1.1. Keperluan Sistem

Untuk membolehkan anda memasang dan menjalankan **AVG PC TuneUp**, komputer anda mesti memenuhi keperluan berikut:

- Windows XP (versi 32 bit sahaja, Pek Khidmat 3 atau lebih tinggi), Windows Vista, Windows 7, Windows 8 dan 8.1, Windows 10 (semua versi 32 bit atau 64 bit)
- Pemproses min. 300 MHz
- RAM 256 MB
- Resolusi skrin sekurang-kurangnya 1024x768 piksel
- Versi dalam talian: sekurang-kurangnya 150 MB ruang cakera kosong
- Versi CD: sekurang-kurangnya 400 MB ruang cakera kosong (dan pemacu CD-ROM atau DVD)
- Internet Explorer 6 atau lebih tinggi

1.2. Bantuan dan Sokongan

Bantuan dan sokongan tersedia dalam talian di www.avg.com/customer-support. Anda akan menemui maklumat lanjut mengenai pilihan sokongan di sana.



2. Proses Pemasangan AVG PC TuneUp

Untuk memasang **AVG PC TuneUp** pada komputer anda, anda perlu mendapatkan fail pemasangan terkini. Untuk memastikan anda memasang versi terkini **AVG PC TuneUp**, anda disyorkan supaya memuat turun fail pemasangan daripada tapak web AVG (<http://www.avg.com/>). Bahagian **Sokongan** memberikan gambaran keseluruhan berstruktur bagi fail pemasangan untuk setiap produk AVG. Sebaik sahaja anda telah memuat turun dan menyimpan fail pemasangan pada cakera keras anda, anda boleh melancarkan proses pemasangan. Pemasangan ialah urutan dialog yang ringkas dan mudah untuk difahami. Setiap dialog menerangkan secara ringkas apa yang perlu dilakukan pada setiap langkah proses pemasangan. Kami menawarkan penerangan terperinci bagi setiap tettingkap dialog di bawah:

2.1. Selamat datang!

Proses pemasangan bermula dengan dialog **Selamat datang ke AVG PC TuneUp** :



Pemilihan bahasa

Dalam dialog ini anda boleh memilih bahasa yang digunakan untuk proses pemasangan. Klik kotak kombo di sebelah opsiyen **Bahasa** untuk menggulung ke bawah menu bahasa. Pilih bahasa yang dikehendaki dan proses pemasangan akan diteruskan selanjutnya dalam bahasa pilihan anda. Aplikasi turut akan berkomunikasi dalam bahasa yang dipilih.



Perjanjian Lesen Pengguna Akhir dan Dasar Privasi

Sebelum anda meneruskan proses pemasangan, kami mencadangkan supaya anda membaca dan memahami dokumen **Perjanjian Lesen Pengguna Akhir** dan **Dasar Privasi**. Kedua-dua dokumen boleh diakses melalui pautan aktif di bahagian bawah dialog. Klik pada mana-mana hiperpautan untuk membuka dialog baharu / tetingkap pelayar baharu yang memberikan pernyataan penuh perjanjian berkenaan. Sila baca dengan teliti dokumen perundangan ini. Apabila anda mengklik butang **Pasang sekarang**, anda mengesahkan bahawa anda bersetuju dengan dokumen ini.

Teruskan dengan pemasangan

Untuk meneruskan dengan pemasangan, hanya klik butang **Pasang sekarang**. Anda akan diminta untuk memasukkan nombor lesen anda dan proses pemasangan akan dijalankan dalam mod automatik sepenuhnya. Kebanyakan pengguna disyorkan supaya menggunakan opsyen standard ini untuk memasang **AVG PC TuneUp** anda dengan semua tetapan yang telah ditentukan oleh vendor program.

Sebagai alternatif, terdapat opsyen **Pemasangan tersuai** yang tersedia dalam bentuk hiperpautan yang terdapat di bawah butang **Teruskan**. Pemasangan tersuai seharusnya digunakan oleh pengguna berpengalaman sahaja. Jika ingin melakukannya, anda akan dihalakan semula ke dialog **Sesuaikan pemasangan anda** yang membolehkan anda menentukan tetapan anda (sebelum itu, anda akan diminta untuk mengisi nombor lesen anda).

2.2. Masukkan nombor lesen anda

Dalam dialog **Masukkan nombor lesen anda**, anda dijemput untuk mengaktifkan lesen anda dengan menaipnya (atau lebih baik menggunakan kaedah salin dan tampal) dalam medan teks yang disediakan:

The screenshot shows a dialog box with the following elements:

- AVG logo in the top left corner.
- A back arrow icon on the left side.
- Title: **Masukkan nombor lesen anda**
- A white text input field.
- Link below the input field: [Di manakah boleh saya dapatkannya?](#)
- A button labeled **Teruskan** at the bottom right.

Harap maklum bahawa dialog ini tidak akan dipaparkan jika anda memasang versi Percubaan AVG PC TuneUp 14 hari. Namun demikian, anda boleh membeli nombor lesen pada bila-bila masa dan



mengaktifkan aplikai anda daripada [Papan Pemuka](#) – buka menu "Bantuan" dalam [bar Menu](#), klik item "Aktifkan produk" dan masukkan nombor lesen anda (anda boleh menggunakan kaedah *Salin & Tampil* yang diterangkan di bawah).

Di mana saya boleh menemui nombor lesen saya?

Nombor jualan boleh ditemui pada pembungkusan CD dalam kotak **AVG PC TuneUp** anda. Nombor lesen akan berada dalam e-mel pengesahan yang anda terima selepas membeli **AVG PC TuneUp** anda dalam talian. Anda mesti menaip nombor betul-betul seperti yang ditunjukkan. Jika bentuk digital bagi nombor lesen tersedia (*dalam e-mel*), adalah disyorkan supaya anda menggunakan kaedah salin dan tampil untuk memasukkannya.

Cara menggunakan kaedah *Salin & Tampil*

Menggunakan kaedah ***Salin & Tampil*** untuk memasukkan nombor lesen **AVG PC TuneUp** anda dalam program memastikan nombor itu dimasukkan dengan betul. Sila ikuti langkah-langkah ini:

- Buka e-mel yang mengandungi nombor lesen anda.
- Klik butang tetikus kiri pada permulaan nombor lesen, tahan dan seret tetikus ke hujung nombor, dan kemudian, lepaskan butang. Sekarang, nombor perlu diserlahkan.
- Tekan dan tahan ***Ctrl***, kemudian tekan ***C***. Tindakan ini akan menyalin nombor.
- Tuding dan klik tempat yang hendak ditampil nombor yang disalin, cth. dalam medan teks dialog ***Masukkan nombor lesen anda***.
- Tekan dan tahan ***Ctrl***, kemudian tekan ***V***. Tindakan ini menampal nombor ke lokasi yang anda pilih.


Teruskan dengan pemasangan

Dalam bahagian bawah dialog, anda boleh melihat butang ***Teruskan***. Butang tersebut menjadi aktif dengan memasukkan nombor lesen anda. Sebaik sahaja diaktifkan, hanya klik butang untuk melancarkan proses pemasangan.



2.3. Sesuaikan pemasangan anda


Dialog **Sesuaikan pemasangan anda** membenarkan anda untuk menetapkan parameter tambahan untuk pemasangan:



Di manakah anda ingin memasangnya?

Di sini anda boleh menentukan di mana anda ingin aplikasi dipasang. Alamat dalam medan teks membaca lokasi yang dicadangkan dalam folder Program Files anda. Sekiranya anda membuat keputusan untuk lokasi lain, klik pautan **Tukar lokasi** untuk membuka tettingkap baharu dengan struktur pepohon cakera anda. Kemudian, navigasi ke lokasi yang anda ingini dan sahkan.

Teruskan dengan pemasangan

Untuk meneruskan dengan pemasangan, hanya klik butang **Pasang sekarang**. Secara alternatifnya, sekiranya anda perlu mengubah atau mengesahkan tetapan bahasa anda, anda boleh kembali satu langkah ke belakang ke dialog sebelumnya menggunakan anak panah butang  di bahagian atas dialog ini.



2.4. Memasang AVG PC TuneUp

Pelancaran pemasangan telah disahkan dalam dialog sebelumnya, proses pemasangan berjalan dalam mod automatik sepenuhnya dan tidak memerlukan sebarang gangguan:




Selepas proses pemasangan selesai, anda akan dihalakan semula secara automatik ke dialog berikutnya.



2.5. Dialog alu-aluan

Dialog ini ialah perkara pertama yang dipaparkan selepas berjaya memasang **AVG PC TuneUp**:



Apabila mengklik butang **Imbas Sekarang**, anda dibenarkan untuk menjalankan [Penyelenggaraan](#) dengan serta-merta dan memeriksa komputer anda untuk mengesan isu yang memerlukan perhatian. Jika anda tidak mahu mengimbas ralat dan fail sarap yang tersembunyi pada PC anda, klik pautan **Langkau Imbasan**. [Papan Pemuka AVG PC TuneUp](#) utama akan dibuka, membolehkan anda (selain daripada melakukan perkara lain) untuk menjalankan penyelenggaraan pada bila-bila masa kemudian.



3. Papan Pemuka

Papan Pemuka **AVG PC TuneUp** baharu ialah titik akses pusat untuk semua fungsi dan opsiyen pengoptimuman.



Status pengoptimuman keseluruhan

Status pengoptimuman keseluruhan (bulatan di sebelah atas skrin ini) menunjukkan berapa baik anda menggunakan opsiyen yang diberikan kepada anda oleh **AVG PC TuneUp**. Peratusan yang dipaparkan sebenarnya ialah jumlah keputusan pengoptimuman dalam kategori penalaan berasingan ([Penyelenggaraan](#), [Lajukan](#), [Kosongkan Ruang](#) dan [Betulkan Masalah](#)).

Mod PC

Dalam kawasan **mod PC**, anda boleh menentukan mod yang perlu dihidupkan untuk sistem pengendalian Windows anda.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Mod PC](#).

Mod Pesawat

Bahagian ini hanya aktif pada komputer riba, jika tidak ia dikelabukan. Suis ringkas membenarkan anda mematikan semua aktiviti rangkaian wayarles pada komputer riba anda.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Mod Pesawat](#).



Rescue Center

Gunakan butang ini untuk membuat asal perubahan yang anda buat dengan **AVG PC TuneUp** atau untuk melakukan pemulihan sistem.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Perlindungan Sistem](#).

Bar Menu

Dalam bar menu, anda mempunyai akses ke dialog tetapan pusat **AVG PC TuneUp** dan akses ke maklumat mengenai program dan modul individu.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Bar Menu](#).

Jubin lima kategori

Kawasan utama dalam Papan Pemuka **AVG PC TuneUp** terdiri daripada lima jubin kategori, memberikan anda akses pantas ke ciri utama **AVG PC TuneUp** yang diisih mengikut topik.

Penyelenggaraan

Kategori ini membolehkan anda menyelenggara prestasi sistem yang dioptimumkan dan membersihkan komputer anda dengan satu klik tetikus.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Penyelenggaraan](#).

Lajukan

Di bawah kategori ini, anda boleh melumpuhkan atau menyahpasang program yang tidak dikehendaki dan membersihkan sistem dan data anda.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Lajukan](#).

Kosongkan Ruang

Di bawah kategori ini, anda boleh menghapuskan data yang tidak diperlukan secara sistematik daripada sistem anda.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Kosongkan Ruang](#).

Betulkan Masalah

Di bawah kategori ini, anda akan menemui penyelesaian ringkas untuk sebarang masalah yang mungkin berlaku.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Betulkan Masalah](#).

Semua Fungsi

Kategori terakhir ini menyenaraikan semua fungsi yang tersedia dalam **AVG PC TuneUp**, diisih mengikut kawasan aplikasi.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Semua Fungsi](#).



3.1. Perlindungan Sistem

Dalam bab berikut, anda akan mengetahui **cara** menggunakan modul **AVG Rescue Center** untuk membuat asal perubahan yang anda telah lakukan dengan **AVG PC TuneUp**. Anda juga boleh menggunakan **AVG Rescue Center** untuk melaksanakan pemulihan sistem, iaitu untuk membuat asal perubahan yang anda **tidak** lakukan dengan **AVG PC TuneUp**.

Pemulihan Sistem

AVG Rescue Center juga membolehkan anda membuat asal perubahan yang tidak dilakukan oleh **AVG PC TuneUp** tetapi oleh aplikasi lain. **AVG Rescue Center** menawarkan penyepaduan dengan fungsi pemulihan sistem Windows untuk ini.

Windows mencipta titik pemulihan dengan kerap. Sekiranya sistem anda berhenti bertindak seperti yang sepatutnya, anda boleh kembali semula kepada satu daripada titik pemulihan ini pada bila-bila masa. Kemudian, status sistem sebelum ini dipulihkan dan sebarang perubahan yang dilakukan selepas titik ini akan hilang.

Di Manakah Saya Boleh Menemui AVG Rescue Center?

AVG Rescue Center sentiasa bersedia: untuk mengakses **AVG Rescue Center**, klik butang **Rescue Center** di penjuror bawah sebelah kanan Papan Pemuka anda. Butang ini juga terdapat dalam modul individu.

3.1.1. Membuat Asal Perubahan

Mulakan modul **AVG Rescue Center** dengan mengklik butang **Rescue Center** di penjuror bawah sebelah kanan Papan Pemuka anda.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Buka Rescue Center** di bawah **AVG PC TuneUp**.

Dalam lajur sebelah kanan, **AVG Rescue Center** menunjukkan kepada anda senarai semua sandaran disimpan yang diatur mengikut modul atau tarikh dan menentukan setiap entri bilangan tetapan yang diubah suai, masa perubahan dan ruang cakera yang dikosongkan oleh perubahan.

Menunjukkan butiran

Butang **Butiran** membawa anda kepada log tepat bagi perubahan yang dijalankan. Walau bagaimanapun, anda hanya boleh melihat log ini. Anda tidak boleh membuat asal perubahan yang dipilih. Atas sebab ini, anda mungkin perlu memulihkan sejumlah fail yang tidak diperlukan sebelum anda boleh menggunakan sekali lagi hanya satu fail yang anda hapuskan secara tidak sengaja.

Hapuskan

Jika anda agak pasti yang anda tidak lagi memerlukan sandaran, anda boleh menghapuskannya secara kekal menggunakan butang ini.



Pulihkan

Gunakan butang ini untuk memulihkan sistem kepada statusnya sebelum sandaran dipilih.

3.1.2. Pemulihan Sistem

Mulakan modul **AVG Rescue Center** dengan mengklik butang **Rescue Center** di penjuru bahawa sebelah kanan Papan Pemuka anda.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Buka Rescue Center** di bawah **AVG PC TuneUp**.

Klik pada **Pemulihan Sistem**.

Dalam lajur bahagian kanan, **AVG Rescue Center** menunjukkan kepada anda senarai semua sandaran yang disimpan dan juga masa bagi setiap entri diubah.

Cipta Sandaran

Guna butang ini untuk mencipta titik pemulihan sistem. Berikan titik ini nama untuk mengingatkan status sistem ini kemudian.

Oleh sebab titik pemulihan sistem menjimatkan status konfigurasi dan fail sistem anda, anda dinasihatkan untuk mencipta titik pemulihan sistem sebelum membuat sebarang perubahan ketara kepada sistem (seperti memasang program). Jika sesuatu tidak kena semasa pemasangan atau komputer anda tidak lagi berfungsi seperti biasa, anda sentiasa boleh memulihkannya kembali ke status asalnya pada bila-bila masa.

Hapuskan

Jika anda agak pasti yang anda tidak lagi memerlukan sandaran, anda boleh menghapuskannya secara kekal menggunakan butang ini.

Pulihkan

Gunakan butang ini untuk memulihkan sistem kepada statusnya sebelum sandaran dipilih. Anda perlu memulakan sistem anda.

Fungsi ini berguna jika komputer anda tidak lagi berfungsi dengan betul mengikut perubahan kepada sistem.

Kami mengesyorkan anda memilih titik pemulihan yang terbaharu mungkin, bagi mengelak membuat asal terlalu banyak perubahan sistem.

3.1.3. Menukar Tetapan

Anda boleh menukar beberapa tetapan **AVG Rescue Center**. Dalam **AVG Rescue Center** klik pada butang

Tetapan.

Selain itu, anda boleh memasukkan tetapan ini daripada Papan Pemuka. Dalam [Bar Menu](#), klik **Tetapan** dan cari item perlindungan **Rescue Center** (dalam senarai di sebelah kiri dialog pengesahan yang baru sahaja dilancarkan).



Perlindungan Rescue Center

Setiap modul **AVG PC TuneUp** dilindungi oleh **AVG Rescue Center** sebagai standard. Anda boleh melumpuhkan sokongan ini untuk modul individu dengan mengosongkan kotak semak yang berkaitan.

Sandaran


Di sini anda boleh menetapkan jumlah masa sandaran individu **AVG Rescue Center** patut disimpan. Tetapan standard adalah supaya sandaran dihapuskan secara automatik selepas dua minggu dan maksimum 60 sandaran akan disimpan.

Jangan sekat perlindungan AVG Rescue Center terlalu banyak untuk menjimatkan ruang cakera. Jika berlaku masalah, fungsi perlindungan sangat berguna sebagai pilihan terakhir dan secara umumnya lebih penting daripada menjimatkan sedikit ruang pada cakera keras anda.



4. Mod PC

Dalam kawasan **mod PC**, anda boleh menentukan mod yang perlu dihidupkan untuk sistem pengendalian Windows anda.



Mod Ekonomi

Menggunakan Mod Ekonomi AVG, anda boleh mengurangkan penggunaan tenaga komputer anda dengan mematikan skrin, komponen perkakasan atau fungsi yang tidak diperlukan.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Mod Ekonomi](#).

Mod Standard

Mod Standard mewakili keadaan pengendalian normal Windows.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Mod Standard](#).

Mod Turbo

Anda boleh menggunakan Mod Turbo AVG untuk memberikan sistem anda pengalakkan prestasi tambahan pada bila-bila masa dan mengubahnya mengikut kesesuaian anda.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Mod Turbo](#).

4.1. Mod Ekonomi

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **apa yang sebenarnya berlaku** apabila anda bertukar kepada **Mod Ekonomi** dan **bila masa yang sesuai untuk melakukannya**. Anda juga akan menerima arahan mengenai **cara untuk menghidupkan dan mengkonfigurasi** Mod Ekonomi.

Apakah Mod Ekonomi?

Mod Ekonomi ialah modul pintar **AVG PC TuneUp** untuk menjimatkan tenaga. **Mod Ekonomi** menyediakan penjimatan tenaga segera bila-bila masa anda perlukan. Apabila anda menukar komputer anda ke **Mod Ekonomi**, ia mengurangkan tenaga yang digunakan oleh perkakasan dan tugas, program dan ciri yang sedang berjalan di latar belakang dan benar-benar tidak diperlukan. Ia dimatikan, yang dapat mengurangkan penggunaan tenaga (dan kos elektrik) dengan ketara.

Bilakah Saya Perlu Menukar ke Mod Ekonomi?

Menggunakan Mod Ekonomi, anda boleh mengurangkan penggunaan tenaga PC desktop anda dengan ketara dan melanjutkan hayat bateri komputer riba anda, jika tiada soket kuasa yang tersedia. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa apabila anda menukar ke Mod Ekonomi, sesetengah kefungsi dimatikan dan tidak akan tersedia lagi sehingga anda mematikan Mod Ekonomi.




Bagaimanakah Saya Boleh Ketahui Jumlah Tenaga Yang Telah Dijimatkan dalam Mod Ekonomi?

Wizard Konfigurasi Mod Ekonomi menggunakan sistem lampu trafik untuk menunjukkan kepada anda jumlah tenaga yang anda jimatkan sebenarnya dengan tetapan anda. Jika bar ke kanan jumlah penjimatan ialah hijau, penjimatan tenaga anda adalah tinggi. Bar kuning mewakili penjimatan tenaga sederhana dan bar merah mewakili penjimatan tenaga rendah.

Tahap sebenar penjimatan tenaga, contohnya dalam kawasan **Perkhidmatan**, boleh dilihat daripada warna bar yang ditunjukkan ke kanan kawasan dalam bar navigasi.

Cara Menukar Komputer ke Mod Ekonomi

Di bahagian bawah sebelah kiri Papan Pemuka **AVG PC TuneUp**, terdapat tiga suis. Suis sebelah kiri adalah untuk Mod Ekonomi. Apabila anda mengklik suis ini, komputer ditukar ke Mod Ekonomi. Kemudian ikon AVG muncul dalam kawasan pemberitahuan bar tugas, memaklumkan kepada anda bahawa Mod Ekonomi dihidupkan.



Sebagai alternatif, anda boleh mengakses suis untuk Mod Ekonomi secara terus melalui ikon **AVG PC TuneUp** dalam kawasan pemberitahuan bar tugas. Klik kiri pada ikon. Satu tettingkap timbul terbuka, menunjukkan suis Mod Ekonomi di kiri bawah.

Cara Mengetahui sama ada Mod Ekonomi Hidup

Jika Mod Ekonomi hidup, ikon **AVG PC TuneUp** muncul dalam kawasan pemberitahuan bar tugas (di sudut kanan bawah sebelah masa), yang memberitahu anda bahawa Mod Ekonomi hidup. Anda turut boleh mengenal pasti ini daripada suis dalam Papan Pemuka.

Cara Mengkonfigurasi Mod Ekonomi AVG Anda

Kali pertama anda menghidupkan Mod Ekonomi, satu tettingkap terbuka yang membenarkan anda untuk membuat tetapan anda sendiri untuk Mod Ekonomi. Tentukan di sini sama ada anda ingin menggunakan tetapan lalai untuk Mod Ekonomi atau sama ada anda ingin mengkonfigurasikannya sendiri untuk keperluan anda sendiri.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Tetapan Mod Ekonomi](#).



4.1.1. Tetapan Mod Ekonomi

Mulakan wizard untuk mengkonfigurasi **AVG Mod Ekonomi** dengan mengklik pada **Tetapan** dalam bar menu Papan Pemuka, memilih kawasan **Mod Ekonomi** dan mengklik butang **Buka Wizard Konfigurasi** yang terdapat di sana. Selain itu, buka skrin **Semua fungsi** daripada Papan Pemuka dan klik butang roda gear kecil di sebelah entry **Hidupkan Mod Ekonomi** (di bawah **Komputer**).

Sila ambil perhatian jika Mod Ekonomi sudah dihidupkan, anda tidak perlu menjalankan Wizard sekali lagi. Anda boleh mengubah terus tetapan Mod Ekonomi dalam dialog konfigurasi pusat bagi AVG (item Mod Ekonomi) anda. Hanya tandakan (atau nyahtanda) kotak sewajarnya dan klik Gunakan.

Kini sediakan Mod Ekonomi anda sendiri dengan memilih komponen perkakasan, perkhidmatan dan ciri yang boleh dimatikan sementara bagi menjimatkan tenaga apabila Mod Ekonomi dihidupkan. Semakin banyak anda benarkan untuk dimatikan, semakin ketara penjimatan tenaga.

Tetapan Umum

Di sini anda boleh menentukan sama ada fungsi konfigurasi juga perlu ditawarkan bagi mengurangkan prestasi sistem dan mematikan kesan visual. Anda juga boleh menentukan sama ada Mod Ekonomi perlu kekal dihidupkan apabila komputer dimulakan semula.

Skrin

Skrin komputer anda mungkin menggunakan lebih tenaga berbanding komponen perkakasan seperti contohnya cakera keras atau pemproses. Mengurangkan kecerahan skrin atau mematikan skrin selepas masa yang singkat jika anda tidak menggunakan komputer akan mengurangkan penggunaan tenaga dengan ketara.

Kecerahan skrin (hanya untuk komputer riba)

Umum: Tetapan ini menentukan sejauh mana kecerahan skrin umum perlu dikurangkan semasa Mod Ekonomi hidup.

Apabila malap: Tetapan ini menentukan sejauh mana kecerahan skrin umum perlu dikurangkan apabila skrin dimalapkan semasa Mod Ekonomi hidup.

Kelakuan skrin

Matikan: Tetapan ini menentukan tempoh masa skrin perlu dimatikan semasa Mod Ekonomi hidup.

Memalapkan (hanya untuk komputer riba): Tetapan ini menentukan tempoh masa sehingga skrin dimalapkan semasa Mod Ekonomi hidup.

Perkakasan

Jika anda mematikan komponen perkakasan sementara, penggunaan tenaga komputer anda akan dikurangkan. Selain itu, setiap komputer mempunyai banyak perkhidmatan berjalan di latar belakang yang mengesan peranti bersambung dan menyediakan anda dengan fungsi yang diperlukan untuk menggunakan peranti ini. Anda boleh menghadkan jumlah sokongan ini bagi mengurangkan penggunaan tenaga komputer anda.



Komponen perkakasan

Tunggu sedia cakera keras: Tetapan ini menentukan tempoh masa cakera keras perlu memasuki mod tunggu sedia semasa Mod Ekonomi hidup.

Tetapan penjimatan tenaga pemproses: Tetapan ini menentukan sejauh mana penjimatan tenaga untuk pemproses semasa Mod Ekonomi hidup.

Tetapan penjimatan tenaga penyesuai wayarles (hanya di Windows Vista dan 7): Opsyen ini menentukan sejauh mana penjimatan tenaga untuk penyesuai wayarles semasa Mod Ekonomi hidup.

Sambungan kepada peranti luaran

Penyegerakan dengan peranti mudah alih: Tetapan ini akan menghalang penyegerakan alamat, e-mel, fail muzik, dsb. dengan telefon bimbit anda atau pemain media mudah alih dan program berkaitan tidak akan bermula secara automatik apabila peranti disambungkan semasa Mod Ekonomi hidup.

Sokongan untuk kamera digital dan pengimbas: Tetapan ini bermaksud anda tidak boleh mengimport imej daripada kamera digital anda atau mengimbas imej semasa Mod Ekonomi hidup.

Perkhidmatan

Sistem pengendalian menjalankan banyak lagi tugas berbanding yang disedari kebanyakan pengguna. Banyak program dan perkhidmatan berjalan di latar belakang secara kekal, meskipun program dan perkhidmatan itu benar-benar tidak diperlukan dan menggunakan tenaga yang tidak diperlukan. Jika anda tidak pernah menggunakan sesetengah daripada fungsi ini, anda boleh melumpuhkannya dan mengurangkan penggunaan tenaga komputer anda secara kekal.

Fungsi latar belakang

Perkongsian rangkaian pustaka media: Tetapan ini memastikan bahawa peranti rangkaian lain tidak boleh mengakses imej, video atau muzik anda dalam pustaka media semasa Mod Ekonomi hidup. Namun begitu, Mod Ekonomi tidak menjejaskan perkongsian folder dalam rangkaian.

Carian pantas menggunakan ciptaan indeks: Tetapan ini memastikan Windows tidak mencipta indeks fail dan e-mel anda semasa Mod Ekonomi hidup. Mematikan tetapan ini memperlahankan sebarang carian dengan ketara.

Pelaporan Ralat: Tetapan ini memastikan bahawa tiada data akan dikumpulkan berkenaan ralat dan tiada komunikasi dengan Microsoft mengenai program ranap atau ralat lain semasa Mod Ekonomi hidup.

Sokongan untuk mesin maya: (Tetapan ini hanya tersedia jika komputer anda memasang perisian untuk mesin maya.) Tetapan ini mematikan fungsi latar belakang untuk kegunaan mesin maya semasa Mod Ekonomi hidup.

Pelbagai perkhidmatan

Perkhidmatan jarang digunakan: Tetapan ini mematikan perkhidmatan yang hanya diperlukan dalam keadaan (misalnya rangkaian syarikat) atau situasi tertentu (misalnya pemasangan program baharu) semasa Mod Ekonomi hidup.



Perkhidmatan penyulitan khas: Semasa Mod Ekonomi hidup, tetapan ini mematikan perkhidmatan untuk melog ke domain.

Perkhidmatan komunikasi rangkaian: Semasa Mod Ekonomi hidup, tetapan ini mematikan perkhidmatan komunikasi rangkaian yang jarang digunakan, misalnya faks atau perkhidmatan rakan ke rakan.

Paparan

Kesan visual menyediakan paparan grafik Windows tetapi menggunakan banyak ruang dalam memori. Dengan kad grafik berprestasi rendah terutamanya, anda boleh meningkatkan prestasi komputer dengan mematikan kesan visual.

Petua: Ini merupakan cara popular untuk meningkatkan prestasi komputer buku secara berterusan.

Kesan visual

Kesan khas visual untuk tettingkap: Tetapan ini mematikan kesan kelutsinaran dan bayang tettingkap, tettingkap pratonton dalam bar tugas dan navigasi tiga dimensi antara tettingkap semasa Mod Ekonomi hidup.

Gaya tettingkap klasik: Tetapan ini menggunakan reka bentuk Windows klasik untuk penampilan tettingkap, menu dan butang semasa Mod Ekonomi hidup. Selain itu, antara muka Windows XP yang berwarna-warni dilumpuhkan dalam Windows XP, manakala dalam Windows yang lebih baharu, kesan kelutsinaran dan imej kecil tettingkap dalam bar tugas dilumpuhkan.

Latar belakang desktop

Tayangan slaid: Tetapan ini menghentikan tayangan slaid untuk latar belakang desktop semasa Mod Ekonomi hidup.

4.2. Mod Standard

Mod Standard dihidupkan secara lalai (jika anda tidak bertukar kepada [Mod Ekonomi](#) atau [Mod Turbo](#)).

Dalam **Mod Standard** semua fungsi **AVG PC TuneUp** tersedia tanpa sekatan.

4.3. Mod Turbo

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **apa yang sebenarnya berlaku** apabila anda bertukar kepada **Mod Turbo** dan **bila masa yang sesuai untuk melakukannya**. Anda juga akan menerima arahan mengenai **cara untuk menghidupkan dan mengkonfigurasi** Mod Turbo.

Apakah Mod Turbo?

Mod Turbo menyediakan lonjakan prestasi segera apabila anda memerlukannya. Apabila anda meletakkan komputer anda dalam **Mod Turbo**, satu analisis dilaksanakan untuk melihat program dan fungsi yang berjalan dalam latar belakang yang benar-benar tidak diperlukan. Program ini dihentikan atau diperlahankan, membenarkan kuasa pemrosesan tambahan diperoleh untuk digunakan secara eksklusif oleh program yang sebenarnya anda sedang jalankan.



Bagaimanakah Mod Turbo Berfungsi?

Grafik berikut mengilustrasikan kerja-kerja dalaman PC anda dengan program yang anda sedang guna (hijau) dan program yang sedang berjalan dalam latar belakang (biru). Di sini anda boleh melihat bagaimana PC anda dibantu sebaik sahaja anda mendayakan Mod Turbo:



Bulatan hijau mewakili program yang anda ingin lajukan menggunakan Mod Turbo. Permata biru ialah semua program dan fungsi yang tidak diperlukan langsung semasa Mod Turbo hidup. Oleh itu, ini dimatikan supaya semua kuasa pemprosesan PC tersedia kepada program yang diperlukan.


Selain program yang sedang digunakan (hijau), banyak lagi yang berjalan di latar belakang yang benar-benar tidak begitu penting untuk kerja anda (biru). Jika proses latar belakang sedemikian bermula dengan tiba-tiba untuk mendapatkan sejumlah besar kuasa pemprosesan, ia diberikan keutamaan lebih rendah supaya program anda yang lain boleh terus berjalan dengan lancar.

Bilakah saya perlu menghidupkan Mod Turbo?

Menggunakan Mod Turbo boleh melajukan permainan komputer contohnya, menjadikannya lebih mudah untuk berfungsi dengan program yang menjejaskan prestasi atau menghalang video daripada berkelip atau membeku apabila ia dimainkan. Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa apabila anda mendayakan Mod Turbo, anda juga mematikan beberapa kefungsiian yang tidak akan tersedia sekali lagi sehingga anda mematikan Mod Turbo.

Cara Menukar Komputer ke Mod Turbo

Di bahagian bawah sebelah kiri Papan Pemuka **AVG PC TuneUp**, terdapat tiga suis. Suis sebelah kanan adalah untuk Mod Turbo. Apabila anda mengklik suis ini, komputer ditukar kepada Mod Turbo. Kemudian ikon AVG muncul dalam kawasan pemberitahuan bar tugas, memaklumkan kepada anda bahawa Mod Turbo dihidupkan.



Sebagai alternatif, anda boleh mengakses suis untuk Mod Turbo secara terus melalui ikon **AVG PC TuneUp** dalam kawasan pemberitahuan bar tugas. Klik kiri pada ikon. Satu tettingkap timbul terbuka, menunjukkan suis Mod Turbo di bahagian kiri bawah.



Cara Mengetahui sama ada Mod Turbo Hidup

Jika Mod Turbo hidup, ikon **AVG PC TuneUp** muncul dalam kawasan pemberitahuan bar tugas (di sudut kanan bawah sebelah masa), yang memberitahu anda bahawa Mod Turbo hidup. Anda turut boleh mengenal pasti ini daripada suis dalam Papan Pemuka.

Cara Mengkonfigurasi Mod Turbo AVG Anda

Apabila anda memulakan Mod Turbo untuk kali pertama, **Wizard Konfigurasi Mod Turbo** akan dipaparkan untuk membantu anda mencipta Mod Turbo anda yang telah disesuaikan. Wizard ini disepadukan dalam dialog konfigurasi pusat baharu **AVG PC TuneUp**.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Tetapan Mod Turbo](#).

4.3.1. Tetapan Mod Turbo

Mulakan wizard untuk mengkonfigurasi Mod Turbo **AVG** dengan mengklik pada **Tetapan** dalam bar menu Papan Pemuka, memilih kawasan **Mod Turbo** dan mengklik butang **Buka Wizard Konfigurasi** yang terdapat di sana. Selain itu, buka skrin **Semua fungsi** daripada Papan Pemuka dan klik butang roda gear kecil di sebelah entry **Hidupkan Mod Turbo** (di bawah **Komputer**).

Sila ambil perhatian jika Mod Turbo sudah dihidupkan, anda tidak perlu menjalankan Wizard sekali lagi. Anda boleh mengubah terus tetapan Mod Turbo dalam dialog konfigurasi pusat AVG (item Mod Turbo) anda. Hanya tandakan (atau nyahtanda) kotak sewajarnya dan klik Gunakan.

Dalam **Wizard Konfigurasi Mod Turbo**, sediakan Mod Turbo anda sendiri dalam enam langkah mudah - hanya pilih tugas, program dan fungsi yang boleh dilumpuhkan buat sementara untuk memberikan lonjakan prestasi semasa Mod Turbo didayakan. Lebih banyak anda benarkan untuk dimatikan, lebih baik prestasi yang akan diperolehi. Anda sentiasa boleh mematikan buat sementara semua fungsi dan tugas yang dicadangkan di sini. Tiada ciri perisian anda untuk keselamatan Internet atau perlindungan virus yang akan dimatikan.

Langkah 1: Tunda tugas penyelenggaraan automatik sehingga sebentar lagi

Langkah penyelenggaraan yang dimulakan secara automatik di latar belakang adalah penting untuk penyelenggaraan komputer anda tetapi biasanya bukan suatu keperluan yang perlu dijalankan dengan segera. Tugas ini boleh dijalankan pada tarikh kemudian untuk mengosongkan sumber yang diperlukan untuk program anda.

Tunda nyahfragmentasi berjadual: Ini akan menghalang nyahfragmentasi cakera keras berjadual oleh Microsoft atau pengeluar lain yang terkenal daripada dimulakan semasa Mod Turbo hidup.

Tunda tugas penyelenggaraan berjadual: Ini akan menghalang tugas penyelenggaraan automatik dan tugas berjadual untuk Microsoft dan pengeluar lain daripada dijalankan semasa Mod Turbo hidup. Ini termasuk Penyelenggaraan Automatik **AVG** dan penciptaan sandaran automatik.

Tunda kemas kini automatik: Jika anda memilih opsyen ini, anda akan dimaklumkan bahawa kemas kini program tersedia tetapi tidak akan dimuat turun atau dipasang secara automatik semasa Mod Turbo hidup.



Langkah 2: Hadkan sambungan dengan peranti luaran.

Setiap komputer mempunyai banyak perkhidmatan berjalan di latar belakang yang mengesan peranti bersambung dan menyediakan anda dengan fungsi yang diperlukan untuk menggunakan peranti ini. Anda boleh menghadkan sokongan ini dan mempunyai lebih banyak sumber tersedia untuk program anda.

Matikan penyegerakan dengan peranti mudah alih: Tetapan ini akan menghalang penyegerakan alamat, e-mel, fail muzik, dsb. dengan telefon bimbit anda atau pemain media mudah alih dan program berkaitan tidak akan bermula secara automatik apabila peranti disambungkan semasa Mod Turbo hidup.

Hadkan sokongan untuk kamera digital dan pengimbas: Apabila Mod Turbo dihidupkan, anda tidak boleh mengimport imej dari kamera digital anda atau mengimbas imej.

Langkah 3: Kurangkan kesan visual

Kesan visual menyediakan paparan grafik Windows tetapi menggunakan banyak ruang dalam memori. Dengan kad grafik berprestasi rendah terutamanya, anda boleh meningkatkan prestasi komputer dengan mematikan kesan visual.

Petua: Ini merupakan cara popular untuk meningkatkan prestasi komputer buku secara berterusan.

Matikan kesan khas visual: Tetapan ini mematikan kesan kelutsinaran dan bayang tetingkap, tetingkap pratonton dalam bar tugas dan navigasi tiga dimensi antara tetingkap semasa Mod Turbo hidup.

Tukar kepada reka bentuk tetingkap klasik: Tetapan ini menggunakan reka bentuk Windows klasik untuk penampilan tetingkap, menu dan butang semasa Mod Turbo hidup. Selain itu, antara muka Windows XP yang berwarna-warni dilumpuhkan dalam Windows XP, manakala dalam Windows yang lebih baharu, kesan kelutsinaran dan imej kecil tetingkap dalam bar tugas dilumpuhkan.

Langkah 4: Konfigurasi sumber komputer untuk menghasilkan prestasi yang optimum

Sumber komputer anda dalam permintaan. Penyelesaian perkongsian pintar untuk sumber akan membantu meningkatkan prestasi komputer anda dengan banyak.

Petua: Memandangkan proses ini tidak menghadkan sebarang fungsi, tetapan ini juga amat disyorkan untuk jangka masa panjang.

Pastikan prestasi optimum tanpa mengambil kira penggunaan tenaga: Tetapan ini menggunakan pelan penjimatan tenaga Windows yang "berprestasi tinggi" semasa Mod Turbo hidup. Ini memastikan prestasi maksimum tanpa mengambil kira jumlah tenaga yang digunakan.

Langkah 5: Lumpuhkan fungsi latar belakang

Sistem pengendalian menjalankan banyak lagi tugas berbanding yang disedari kebanyakan pengguna. Banyak program dan perkhidmatan berjalan di latar belakang secara kekal, meskipun program dan perkhidmatan itu tidak benar-benar perlu dan menggunakan sumber yang berharga. Jika anda tidak pernah menggunakan sesetengah daripada fungsi ini, anda boleh melumpuhkannya dan meningkatkan prestasi komputer anda secara kekal.

Lumpuhkan perkongsian pustaka media dalam rangkaian tempatan: Tetapan ini memastikan bahawa peranti rangkaian lain tidak boleh mengakses imej, video atau muzik anda dalam pustaka media



semasa Mod Turbo hidup. Walau bagaimanapun, Mod Turbo tidak menjejaskan perkongsian folder dalam rangkaian.

Matikan carian pantas menggunakan ciptaan indeks: Tetapan ini memastikan bahawa Windows tidak mencipta indeks fail dan e-mel anda semasa Mod Turbo hidup. Sila ambil perhatian bahawa mematikan fungsi ini memperlambatkan carian dengan ketara.

Matikan pelaporan ralat: Tetapan ini memastikan bahawa tiada data akan dikumpulkan berkenaan ralat dan tiada komunikasi dengan Microsoft mengenai program ranap atau ralat lain semasa Mod Turbo hidup.

Matikan sokongan untuk mesin maya: (Opsyen ini hanya tersedia jika komputer anda memasang perisian untuk mesin maya.) Tetapan ini mematikan fungsi latar belakang untuk kegunaan mesin maya semasa Mod Turbo hidup.

Langkah 6: Penggalak prestasi tambahan

Setiap kali Windows bermula, ia memulakan perkhidmatan yang jarang atau tidak pernah digunakan. Perkhidmatan ini boleh menggunakan sejumlah besar sumber sistem dan memperlambatkan PC anda. Untuk menghalang perkhidmatan ini daripada tidak berfungsi semasa anda memerlukannya, anda hendaklah mematakannya buat sementara sahaja untuk lonjakan prestasi tambahan.

Matikan perkhidmatan yang jarang digunakan: Tetapan ini mematikan perkhidmatan yang hanya diperlukan dalam keadaan (misalnya rangkaian syarikat) atau situasi tertentu (misalnya pemasangan program baharu) semasa Mod Turbo hidup.

Matikan perkhidmatan penyulitan khas: Semasa Mod Turbo hidup, tetapan ini mematikan perkhidmatan untuk melog masuk ke domain.

Matikan perkhidmatan komunikasi rangkaian: Semasa Mod Turbo hidup, tetapan ini mematikan perkhidmatan komunikasi rangkaian yang jarang digunakan, misalnya faks atau perkhidmatan rakan ke rakan.

Langkah 7: Berapa lamakah Mod Turbo perlu kekal dihidupkan?

Mod Turbo boleh dimatikan secara automatik apabila komputer ditutup atau kekal hidup sehingga anda mematakannya secara manual. Jika anda membiarkan Mod Turbo sentiasa hidup, ini juga boleh melajukan proses permulaan.

Walaupun bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa untuk meningkatkan prestasi sistem, ciri yang anda pilih dalam wizard konfigurasi mesti dimatikan. Jika, semasa Mod Turbo hidup, anda kehilangan ciri yang diperlukan, matikan Mod Turbo dan ubah suai tetapan anda supaya apabila anda memulakan semula Mod Turbo, ciri ini tersedia sekali lagi.

Klik **Selesai** untuk menutup wizard.



5. Mod Pesawat

Ciri ini hanya aktif pada komputer riba, jika tidak seluruh bahagian ini dikelabukan.

Suis **Mod Pesawat** membenarkan anda untuk mematikan sebahagian aktiviti rangkaian wayarles pada komputer riba anda. Ini termasuk:

- *Wifi* - teknologi yang membolehkan peranti elektronik untuk bertukar data atau menyambung ke Internet secara wayarles menggunakan gelombang radio.
- *Bluetooth* - standard teknologi wayarles untuk pertukaran data melalui jarak dekat menggunakan penghantaran radio jarak gelombang pendek.

Sila ambil perhatian bahawa apabila anda mengakses ciri ini buat kali pertama, dialog maklumat muncul bertanya sama ada anda benar-benar ingin mengaktifkan **Mod Pesawat**. Walau bagaimanapun, anda boleh memilih untuk tidak memaparkan mesej ini lagi (dengan menandakan kotak semak yang sesuai).



6. Bar Menu

Dalam bar menu, anda mempunyai akses ke dialog tetapan pusat **AVG PC TuneUp** dan akses ke maklumat mengenai program dan modul individu.

Menu "Tetapan"

Mengklik pada **Tetapan** membawa anda ke dialog konfigurasi pusat **AVG PC TuneUp**. Di sini anda boleh menyesuaikan program ini mengikut keperluan anda, menggunakan tetapan penyelenggaraan dan konfigurasi Pengoptimuman Langsung **AVG**, Mod Turbo **AVG**, semakan kemas kini dan banyak modul **AVG PC TuneUp** yang lain.

Menu "Bantuan"

Menu **Bantuan** memberi anda akses ke bantuan program ini. Anda juga boleh mengklik pautan di sana dan pergi terus ke tapak web AVG. Anda turut boleh menggunakan item **Aktifkan produk** untuk memasukkan nombor lesen dan mengaktifkan **AVG PC TuneUp** anda atau item **Daftar produk** untuk mendapatkan akses ke sokongan pengguna tambahan dan tawaran istimewa. Akhir sekali, entri **Perihal** membuka tettingkap dengan maklumat terperinci tentang versi **AVG PC TuneUp** anda. Maklumat ini boleh menjadi berguna jika anda perlu menghubungi sokongan teknikal.



7. Penyelenggaraan

Dalam bab ini, anda akan mengetahui cara **Penyelenggaraan 1 Klik** atau **Penyelenggaraan Automatik** boleh membantu anda menyelenggarakan **prestasi sistem yang dioptimumkan** dan **komputer yang bersih**, supaya sistem berjalan dengan cepat dan boleh dipercayai.



7.1. Penyelenggaraan 1 Klik

Penyelenggaraan 1 Klik khususnya sesuai dengan pengguna yang lebih suka menetapkan masa untuk penyelenggaraan sendiri dan ingin memantau kemajuannya. Penyelenggaraan 1 Klik boleh dimulakan dengan mengklik jubin **Penyelenggaraan** (jubin paling kiri dalam Papan Pemuka). Selepas penyelenggaraan dilaksanakan oleh **Penyelenggaraan 1 Klik**, butiran lanjut mengenai apa-apa masalah yang ditemui juga dipaparkan.

Secara lalainya, **Penyelenggaraan 1 Klik** melaksanakan tugas berikut untuk anda:

- Membersihkan daftaran anda

Dari semasa ke semasa, daftaran Windows pusat menjadi penuh dengan beratus-ratus entri yang tidak diperlukan. Ini termasuklah rujukan kepada fail yang tidak wujud, tunggakan program yang dihapuskan satu masa dahulu dan entri yang rosak. Daftaran anda dibersihkan, menjadikan sistem Windows anda laju dan bebas masalah.

- Mengalih keluar pintasan rosak

Penyelenggaraan 1 Klik menyemak sama ada terdapat sebarang pintasan rosak pada desktop anda atau dalam menu Mula atau bar tugas Lancar Pantas dan kemudian menghapuskannya



secara automatik. Pada masa yang sama, satu carian juga dilakukan bagi mencari entri rosak dalam senarai sejarah pelbagai atur cara seperti Windows Media Player atau Microsoft Office.

- Mengosongkan ruang cakera dengan menghapuskan fail yang tidak diperlukan

Fail yang dikenali sebagai fail "sementara" adalah sesuatu yang mengganggu. Windows dan atur cara mencipta fail sementara pada cakera keras, bagi menyimpan tetapan atau data tertentu secara sementara. Jika program yang berkenaan ditutup, fail ini hendaklah benar-benar dihapuskan daripada program. Walau bagaimanapun, program yang berkenaan kerap "terlupa" untuk membersihkan sendiri oleh itu, dari semasa ke semasa cakera keras anda boleh dipenuhi dengan banyak data yang tidak diperlukan. **Penyelenggaraan 1 Klik** menghapuskan semua fail dan folder sementara dengan pasti dari cakera keras anda.

- Membersihkan pelayar anda

Semasa anda melayari Internet, penyemak imbas anda menyimpan pelbagai jenis data pada komputer anda. Penyelenggaraan 1 Klik membersihkan cache dan sejarah muat turun penyemak imbas anda.

- Mengoptimumkan permulaan dan penutupan sistem

Sesetengah program yang dijalankan setiap kali anda memulakan sistem memperlambatkan proses permulaan sehingga ke satu tahap yang tidak diperlukan. Program yang diketahui tersebut yang sudah pasti tidak diperlukan dimatikan di sini.

- Menyahfragmen cakera keras anda

Di latar belakang, **AVG PC TuneUp** mengubah susunan fail dan folder supaya ia boleh dibaca dengan lebih cepat. Nyahfragmentasi yang kerap adalah penting - terutamanya jika struktur data cakera keras anda kerap berubah, contohnya kerana anda memindahkan atau menghapuskan fail atau memasang program baharu. Nyahfragmentasi hanya dilakukan apabila perlu. Dan anda turut boleh memilih sama ada - jika telah ditentukan bahawa nyahfragmentasi itu perlu - nyahfragmentasi yang menyeluruh atau cepat perlu dilakukan atau sama ada perkara ini perlu bergantung kepada keputusan analisis.

Solid-state drives (Pemacu keadaan stabil - SSD) dikesan oleh **AVG PC TuneUp**. Pemacu ini tidak dianalisis atau dinyahfragmen kerana pemacu keadaan stabil tidak boleh dioptimumkan menerusi nyahfragmentasi dan pemacu ini boleh rosak menerusi proses nyahfragmentasi.

7.2. Penyelenggaraan Automatik

Penyelenggaraan Automatik amat berguna kepada semua pengguna yang tidak mahu bimbang tentang penyelenggaraan komputer mereka. Seperti namanya, **Penyelenggaraan Automatik** melaksanakan tugas penyelenggaraan paling penting secara kerap dan automatik pada sistem anda untuk memastikan Windows kekal pantas dan stabil.

Fungsi **Penyelenggaraan Automatik** juga dikonfigurasi supaya ia melaksanakan semua tugas penyelenggaraan ini. Walau bagaimanapun, ia berjalan di latar belakang dan hanya pemberitahuan memberitahu anda masa ia dijalankan.



Menjalankan Penyelenggaraan

Anda boleh menentukan sama ada dan bila **Penyelenggaraan Automatik** perlu dijalankan secara automatik di latar belakang. Anda juga boleh menjalankan penyelenggaraan automatik dalam mod melahu, iaitu ia hanya bermula apabila anda tidak menggunakan komputer anda dan tiada program diperlukan di latar belakang. Dengan cara ini **Penyelenggaraan Automatik** tidak sekali-kali akan mengganggu kerja anda. Jika anda memilih opsyen ini, berdasarkan bilangan hari yang anda tentukan, penyelenggaraan akan dilakukan sebaik sahaja komputer anda berada dalam mod melahu. Tiga hari dipilih secara lalai.

Jika, selepas tempoh seminggu, tidak dapat menjalankan penyelenggaraan penuh kerana komputer anda tidak berada dalam mod melahu untuk masa yang cukup lama - jika anda mendayakan opsyen ini - penyelenggaraan akan tetap dijalankan. Ini menghalang komputer anda daripada tidak diselenggara dalam satu tempoh masa yang lama.

Jika anda memilih penyelenggaraan berjadual, prosedurnya adalah serupa: Jika komputer anda tidak dihidupkan semasa penyelenggaraan berjadual, **Penyelenggaraan Automatik** dilaksanakan 5 minit selepas anda memulakan PC anda. Opsyen ini boleh dilumpuhkan juga.

Jika anda bekerja dengan komputer mudah alih, anda juga boleh menentukan - selain opsyen lain - bahawa anda tidak mahu penyelenggaraan dilaksanakan apabila komputer menggunakan tenaga bateri, supaya tidak mengurangkan hayat bateri tanpa diperlukan. Opsyen ini didayakan secara lalai.

7.3. Menukar Tetapan Penyelenggaraan

Dalam Papan Pemuka, klik pada butang roda gear pada jubin **Penyelenggaraan** (jubin paling kiri). Dialog konfigurasi **AVG PC TuneUp** dibuka, dengan kawasan untuk **Penyelenggaraan Automatik** dan satu untuk **Penyelenggaraan 1 Klik**. Konfigurasikan tetapan anda di sini.

Selain itu, anda boleh membuka tettingkap tetapan penyelenggaraan dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Tetapan** di bawah **AVG PC TuneUp** atau mengklik pada **Tetapan** dalam bar menu Papan Pemuka dan memilih kawasan **Penyelenggaraan Automatik** atau **Penyelenggaraan 1 Klik**.

Oleh sebab **AVG PC TuneUp** sebaik-baiknya mahu menyediakan penyelenggaraan komprehensif untuk komputer anda, semua tugas penyelenggaraan diaktifkan secara lalai untuk kedua-dua **Penyelenggaraan Automatik** dan **Penyelenggaraan 1 Klik**. Walau bagaimanapun, jika anda tidak mahu tugas penyelenggaraan tertentu dilaksanakan, anda boleh mengecualikannya daripada penyelenggaraan. Contohnya, jika anda lebih suka menyahfragmen cakera keras anda secara manual, hanya kosongkan kotak semak **Nyahfragmen cakera keras**.



8. Lajukan

Komputer anda tidak sentiasa bekerja seperti mana yang anda ingini. Ia seolah-olah kerap mengambil masa yang sangat lama untuk memanggil program individu atau untuk menyimpan fail dan anda mula meragui keupayaan prestasi komputer anda. Tetapi dalam banyak kes, hal ini tiada kaitan dengan perkakasan. Masalah tersebut disebabkan oleh program yang bermula, tanpa anda dimaklumkan mengenainya atau lebih program yang tidak dialih keluar sepenuhnya daripada komputer anda semasa proses penyahpasangan.

Semua pengubahsuaian kepada sistem anda akan dipantau oleh AVG Rescue Center dan boleh dibuat asal jika perlu.



Potensi Meningkatkan Kelajuan

Dalam skrin ini, anda boleh menggunakan graf untuk melihat betapa meluasnya anda sudah menggunakan opsyen **AVG PC TuneUp** untuk meningkatkan prestasi dan menyelenggara sistem serta potensi untuk pengoptimuman yang masih ada.

Dalam graf, bahagian hijau di sebelah kiri mewakili modul yang anda telah gunakan untuk membuat kemajuan pengoptimuman anda setakat ini, sementara bahagian kelabu di sebelah kanan mewakili opsyen pengoptimuman terbuka. Mesej ditetapkan untuk setiap bahagian graf: mesej di bawah bahagian hijau mengandungi maklumat semata-mata, memaklumkan anda tentang pengoptimuman yang sudah selesai. Mesej di bawah bahagian kelabu, mewakili potensi pengoptimuman yang masih boleh dieksploitasi, adalah lebih interaktif, membenarkan anda mengakses masalah secara terus dan segera mengendalikannya.

Di bawah graf, anda boleh melihat mesej semasa mengenai pengoptimuman sudah selesai dan potensi belum diterokai. Jika anda menunjukkan kursor tetikus anda pada mana-mana bahagian, mesej yang sesuai akan dipaparkan. Sekiranya terdapat bahagian yang mengandungi beberapa potensi tidak digunakan, beberapa



butang (seperti **Imbasan**, **Baiki** atau **Tunjukkan**) akan tersedia; mengkliknya membuka modul **AVG PC TuneUp** yang tepat yang anda boleh gunakan untuk mencapai potensi tidak digunakan.

Apakah yang digunakan untuk mengira Potensi Meningkatkan Kelajuan?

Potensi Meningkatkan Kelajuan dikira berdasarkan keputusan analisis bahagian berikut:

Penyelenggaraan

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, satu daripada syarat berikut mesti dipenuhi:

- [Penyelenggaraan Automatik](#) mesti diaktifkan dengan mendayakan semua tugas penyelenggaraan penting atau
- [Penyelenggaraan 1 Klik](#) dijalankan dalam masa 14 hari penggunaan semua tugas penyelenggaraan penting.

Pengoptimuman Langsung

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, dua pilihan **Pengoptimuman Langsung** hendaklah didayakan. Dua pilihan ini mempunyai pemberat yang sama.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Mengkonfigurasi Pengoptimuman Langsung](#).

Cadangan

Sila ambil perhatian bahawa anda mesti menjawab soalan-soalan pada profil anda untuk menerima cadangan yang sesuai untuk sistem anda.

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, anda mesti menerima atau menyembunyikan semua cadangan.

Cadangan yang anda telah sembunyikan selama 30 hari akan menyebabkan status diklasifikasikan semula apabila tempoh ini berakhir dan cadangan akan dipaparkan sekali lagi.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Cadangan sistem](#).

Mod Turbo

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, anda perlu [menyediakan profil Mod Turbo anda](#) dengan betul (cth. Mod Turbo tidak perlu dihidupkan tetapi perlu bersedia untuk digunakan).

Program latar belakang dan permulaan

Potensi Pengoptimuman menganalisis jumlah program latar belakang sedia ada yang menggunakan sumber sistem anda dan mencadangkan anda supaya mengoptimumkan ini melalui **AVG Program Deactivator**. Semasa berbuat demikian, Potensi Pengoptimuman mengambil kira fakta bahawa anda telah mengklasifikasikan sesetengah program anda sebagai penting berbanding beban sistemnya dan ia hendaklah kekal aktif. Oleh itu, bahagian graf ini dianggap sebagai teroptimum selepas sejumlah program tertentu telah dilumpuhkan.

Untuk maklumat lanjut, lihat [Melumpuhkan program latar belakang](#).



Modul lain yang berguna

Terdapat modul lain yang berguna yang tidak dimasukkan dalam pengiraan **Potensi Meningkatkan Kelajuan** yang mungkin anda ingin jalankan untuk meningkatkan lagi prestasi sistem anda. Modul ini disenaraikan pada reben di bahagian bawah dialog ini:

- [Menunjukkan program yang menggunakan CPU](#)
- [Menunjukkan maklumat sistem](#)
- [Mengoptimumkan permulaan dan penutupan](#)

8.1. Mengkonfigurasi Pengoptimuman Langsung

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** dan **mengapa** anda boleh meningkatkan prestasi komputer anda dengan menghidupkan Pengoptimuman Langsung **AVG**.

Pengoptimuman Langsung **AVG** mengandungi dua kaedah pengoptimuman bijak yang memantau bebanan yang ditanggung oleh komputer anda dalam masa nyata dan dengan itu, boleh campur tangan jika perlu bagi mengelakkan penurunan mengejut dalam prestasi. Kedua-dua kaedah pengoptimuman berfungsi untuk meningkatkan prestasi - satu kaedah meningkatkan kadar respons komputer, satu kaedah yang lain meningkatkan kelajuan program bermula - tetapi hanya apabila perlu.

Ini dilakukan dengan mengutamakan program yang sedang berjalan dengan bijak. Jika komputer anda sudah berfungsi pada kapasiti yang hampir penuh dan anda memulakan program, program ini akan bermula dengan lebih cepat jika diperuntukkan keutamaan yang lebih tinggi dengan cepat. Dan jika program latar belakang secara tiba-tiba meningkat dan memerlukan jumlah kuasa pengkomputeran yang agak tinggi, ia akan diberikan keutamaan lebih rendah supaya program yang anda sedang gunakan akan berjalan dengan lebih lancar. Ini membolehkan kerja dilakukan dengan pantas, walaupun pada kapasiti tinggi.

Mulakan modul Pengoptimuman Langsung **AVG** dengan pergi ke skrin [Lajukan](#) dan mengklik pada bahagian **Pengoptimuman Langsung** graf **Potensi Meningkatkan Kelajuan**.

Sebagai alternatif, anda boleh membuka modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Konfigurasi Pengoptimuman Langsung** di bawah **AVG PC TuneUp**. Anda turut boleh mengklik pada **Tetapan** dalam bar menu Papan Pemuka dan memilih kawasan **Pengoptimuman Langsung**.

Di sini anda boleh memilih dua kaedah pengoptimuman. Memandangkan kedua-duanya merupakan pengoptimuman bijak dalam masa nyata, ia tidak sentiasa berkesan dengan serta-merta. Sebaliknya anda nyatakan di sini bahawa mulai sekarang beban yang dikendalikan oleh komputer hendaklah dipantau supaya kedua-dua pengoptimuman boleh digunakan jika diperlukan.

Pilih kaedah pengoptimuman di sini untuk dijalankan sekiranya perlu:

Meningkatkan Kadar Respons

Kaedah pengoptimuman ini memantau semua proses latar belakang dan memberikannya keutamaan lebih rendah jika ia menggunakan terlalu banyak kuasa komputer. Ini memastikan kadar respons optimum dan menghalang gegaran oleh tettingkap atau program. Pengoptimuman bijak ini mengenal pasti keperluan dan memastikan kadar respons komputer sentiasa optimum.



Gambar berikut mewakili bahagian dalam komputer anda sebelum dan selepas opsyen **Tingkatkan kadar respons** didayakan. Di sini anda boleh melihat bagaimana bebanan pada PC anda dikurangkan:



Selain program yang sedang digunakan (hijau), banyak lagi yang berjalan di latar belakang yang benar-benar tidak begitu penting untuk kerja anda (biru). Jika proses latar belakang sedemikian bermula dengan tiba-tiba untuk mendapatkan sejumlah besar kuasa pemprosesan, ia diberikan keutamaan lebih rendah supaya program anda yang lain boleh terus berjalan dengan lancar.

Lajukan permulaan program saya

Kaedah pengoptimuman ini campur tangan jika anda memulakan program secara manual apabila komputer sudah berada dalam bebanan berat. Untuk tempoh yang singkat sejeurus selepas program bermula, kuasa pemprosesan diagihkan sementara, memberikan program tersebut lonjakan prestasi berasingan. Lonjakan ini dicapai dengan mengutamakan program itu buat sementara.

Gambar berikut mewakili bahagian dalam komputer anda sebelum dan selepas opsyen **Lajukan program permulaan** didayakan. Di sini anda boleh lihat bagaimana program yang baharu dimulakan menerima lonjakan prestasi tertentu:



Untuk tempoh yang singkat sejeurus selepas program dimulakan (jingga), kuasa pemprosesan komputer diagihkan sementara, memberikan program lonjakan prestasi berasingan. Lonjakan ini dicapai dengan mengutamakan program itu buat sementara. Tiada program lain (hijau dan biru) yang terjejas.

Bagaimanakah hendak diketahui bila Pengoptimuman Langsung didayakan?

Perkara hebat mengenai Pengoptimuman Langsung ialah ia berfungsi dengan bijak di latar belakang. Apabila satu daripada dua kaedah pengoptimuman ini sedang memperbaiki prestasi PC anda di latar belakang, proses ini ditunjukkan juga dengan ikon dalam kawasan pemberitahuan bar tugas.

8.2. Melumpuhkan Program Latar Belakang dan Permulaan

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Program Deactivator** untuk melumpuhkan program yang meletakkan beban pada sistem anda pada pelbagai masa (pada permulaan sistem, semasa pengendalian dan penutupan) dan **mengapa penting untuk anda melakukannya**.

Sehingga sekarang, pengguna hanya mempunyai dua pilihan untuk mengendalikan program yang tidak diperlukan: Mereka boleh mengalihnya keluar daripada sistem atau menerima bahawa program latar belakang



mereka akan terus memperlahkannya. Selepas program dinyahpasang, sentiasa ada risiko bahawa fail yang bergantung padanya tidak akan boleh dimulakan lagi. Jika program dibiarkan pada komputer, ia sentiasa tersedia jika diperlukan, tetapi terus menjejaskan prestasi sistem.

AVG Program Deactivator bukan sahaja mengurangkan beban program pada permulaan sistem, tetapi juga semasa pengendalian biasa dan semasa penutupan, di mana beban berpunca daripada perkhidmatan dan tugas yang dimiliki oleh satu program.

AVG Programs-on-Demand Technology

Terima kasih kepada **AVG Programs-on-Demand Technology**, kini terdapat pilihan ketiga: Matikan program yang tidak lagi diperlukan (lumpuhkannya) terlebih dahulu dan lihat sama ada anda boleh meneruskan kerja tanpanya. Jika anda menyedari bahawa anda memerlukan program ini sekali lagi, ia bukan lagi satu masalah. Anda boleh memulakan atur cara seperti biasa – **AVG Programs-on-Demand Technology** mengaktifkan semula program di latar belakang, seolah-olah anda tidak pernah melumpuhkannya. Dengan **AVG Programs-on-Demand Technology** yang dipertingkatkan, program dilumpuhkan secara automatik selepas digunakan supaya beban pada sistem anda sentiasa dipastikan serendah mungkin.

Reka bentuk AVG Program Deactivator

Antara muka **AVG Program Deactivator** dibahagikan kepada tiga bahagian:

Program yang berjalan di latar belakang

Lajur pertama menyenaraikan semua program anda yang terus berjalan di latar belakang dan memperlahankan PC anda. Dalam lajur **Tahap kelembapan**, anda boleh melihat setakat mana setiap program ini memberi kesan kepada prestasi sistem anda. Akhir sekali, jika anda ingin mengambil tindakan, gunakan butang **Tidur** atau pautan **Abaikan** di sebelah kanan. Tindakan mengklik butang **Mati** akan melumpuhkan program – ia akan dialihkan ke senarai "Program yang dimatikan" dan tidak memperlahankan sistem anda lagi. Jika anda ingin membuatkan *semua* program yang banyak menggunakan sumber sistem yang berjalan di latar belakang supaya dimatikan, anda boleh melakukannya dengan mengklik pautan **Matikan semua**. Sebaliknya, anda mungkin ingin membiarkan beberapa program terus berjalan (walaupun ia banyak menggunakan sumber sistem), anda boleh mengklik pautan **Abaikan** dan mengalihkannya ke senarai "Program yang diabaikan" – program dalam senarai ini tidak dianggap sebagai "banyak menggunakan prestasi".

Program yang dimatikan

Bahagian ini mengandungi semua program yang telah anda matikan sebelum ini. Aplikasi ini tidak menjejaskan prestasi sistem anda tetapi anda boleh memulakannya seperti biasa dan ia akan diaktifkan semula di latar belakang. Namun begitu, anda boleh membenarkannya untuk berjalan semula di latar belakang terus dari bahagian antara muka **AVG Program Deactivator** ini – hanya klik pautan **Bangun** dan alihnya keluar daripada senarai ini.

Program yang diabaikan

Bahagian ini mengandungi semua program yang telah dipilih untuk diabaikan – cthnya program ini tidak lagi dianggap sebagai "banyak menggunakan prestasi" dan tidak boleh dinyahaktifkan. Namun begitu, sekiranya anda berubah fikiran, klik pautan **Berhenti abaikan** yang berkenaan dalam bahagian ini. Tindakan ini akan mengalih keluar program yang dipilih daripada senarai ini dan mengembalikannya ke antara muka bahagian **AVG Program Deactivator** paling atas, di mana anda boleh memantau kesannya pada prestasi sistem dan mematikannya jika perlu.



8.2.1. Cara Melumpuhkan Program

Cara Melumpuhkan Program

Mulakan modul **AVG Program Deactivator** dengan pergi ke skrin [Lajukan](#) dan mengklik pada bahagian **Program latar belakang & permulaan graf Potensi Meningkatkan Kelajuan**.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Tunjukkan program latar belakang & permulaan** di bawah **Program yang dipasang**.

Modul **AVG Program Deactivator** menggunakan AVG Programs-on-Demand Technology, yang mengurangkan bebanan pada sistem anda dan seterusnya meningkatkan prestasi sistem.

Cara mematikan program

1. Pilih program daripada senarai di bahagian atas antara muka **AVG Program Deactivator**.
2. Klik pada butang **Tidur** di sebelah kanan daripada nama program ini. Program akan dilumpuhkan dan tidak akan memperlambatkan sistem anda lagi. Namun begitu, anda boleh memulakannya seperti biasa dan ia akan diaktifkan semula di latar belakang.

*Jika anda ingin melumpuhkan semua program yang menjejaskan prestasi sistem anda secara rahsia, anda boleh menggunakan pautan **Matikan semuanya**.*

Cara membangkitkan program

1. Pilih program daripada senarai "Program yang dimatikan" (di bahagian tengah antara muka **AVG Program Deactivator**).
2. Klik pada pautan **Bangun** di sebelah kanan daripada nama program ini. Tindakan ini akan mengalih keluar program daripada senarai "Program yang dimatikan" dan membenarkannya dijalankan semula.

*Anda tidak perlu "bangunkan" program jika anda ingin menggunakannya. Anda boleh memulakannya seperti biasa dan ia akan diaktifkan semula di latar belakang (dan dinyahaktifkan semula selepas anda menutupnya). Oleh itu, anda seharusnya "bangunkan" program melalui antara muka pengguna **AVG Program Deactivator** hanya jika anda mahu (atau perlukan) program ini dijalankan di latar belakang.*

Cara mengabaikan program

Apabila anda memilih untuk mengabaikan program, ini bermakna anda mempunyai sebab untuk membiarkannya berjalan di latar belakang. Program yang diabaikan tidak boleh dimatikan (tetapi anda boleh memilih untuk berhenti mengabaikannya pada bila-bila masa).

1. Pilih program daripada senarai di bahagian atas antara muka **AVG Program Deactivator**.
2. Klik pada pautan **Abaikan** di sebelah kanan daripada namanya. Program ini akan dialihkan ke senarai "Program yang diabaikan" dan tidak akan dianggap sebagai "banyak menggunakan prestasi" lagi.

*Jika anda tidak mahu mengabaikan program lagi, cari program ini dalam senarai "Program yang diabaikan" dan klik pautan **Berhenti abaikan** di sebelah kanan namanya.*



8.2.2. Titik Bebanan

Titik Bebanan

AVG Programs-on-Demand Technology mengira bebanan pada sistem anda berdasarkan sistem mata dalaman. Untuk ini, **AVG PC TuneUp** menentukan program latar belakang yang berkaitan dengan setiap program, iaitu program atau perkhidmatan yang dipasang bersama program sebenar dan kemudian berjalan secara berterusan tanpa pengetahuan pengguna, "mencuri" kuasa memproses. Semakin banyak program latar belakang untuk program, program ini semakin membebankan komputer. **AVG Programs-on-Demand Technology** mengira jumlah program yang dilaksanakan pada masa yang berbeza: permulaan, pengendalian dan penutupan sistem. Paparan dalam lajur **Tahap kelembapan** mengambil tiga nilai tertinggi ini.

8.3. Cadangan sistem

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **mengapa penting untuk anda melakukannya** dan **cara** anda boleh menggunakan **Cadangan sistem** untuk meningkatkan prestasi sistem anda, dengan mematikan tugas dan perkhidmatan yang tidak diperlukan.

Anda boleh meningkatkan **prestasi sistem** anda dengan mematikan tugas dan perkhidmatan yang berjalan di latar belakang dan anda jarang, jika pernah, perlukan untuk kerja seharian anda. Untuk keserasian tablet PC (cth. pilihan mengendalikan komputer dengan mengalihkan stilus merentasi skrin) atau teknologi pelayan rangkaian. Anda juga boleh meningkatkan prestasi komputer anda dengan menyahpasang atur cara. Oleh itu, carian berjalan untuk atur cara yang telah tidak digunakan untuk masa yang lama – atur cara yang anda mungkin tidak ingat anda memilikinya dan memperlahankan sistem anda secara tidak perlu. **AVG PC TuneUp** juga mengenal pasti apabila perkakasan komputer anda tidak cukup berkuasa.

Tetapan Internet anda boleh menghalang Windows daripada menggunakan lebar jalur sambungan Internet anda secara optimum. Memuat turun dua fail serentak atau memuat turun data daripada laman web boleh diperlahankan dengan tetapan lalai Windows. Anda juga akan ditunjukkan potensi untuk pengoptimuman di sini.

Sekiranya komputer anda diperlahankan oleh **kesan visual** yang tidak diperlukan, ini akan dikenal pasti.

AVG PC TuneUp menyemak komputer anda untuk kesan visual yang menjejaskan prestasi sedemikian dan menyediakan cadangan untuk meningkatkan prestasi.

Untuk mendayakan **AVG PC TuneUp** bagi menyediakan anda dengan cadangan komprehensif, anda mesti melengkapkan profil sebelum menjalankan perisian buat kali pertama. Cara yang kemudian jelas kepada rangsangan prestasi yang pesat dan ringkas.

Lancarkan modul Tingkatkan prestasi **AVG** dengan pergi ke skrin [Lajukan](#) dan mengklik pada bahagian **Cadangan** graf **Potensi Meningkatkan Kelajuan**.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Tunjukkan cadangan meningkatkan kelajuan** di bawah **Cadangan**.

Apabila anda membuka tettingkap ini untuk kali pertama, anda mesti menjawab soalan pendek daripada wizard profil supaya pengoptimuman boleh disesuaikan dengan tepat mengikut situasi dan keperluan anda (lihat [Profil](#)).



Gambaran keseluruhan

Tetingkap butiran dibuka pada tab **Gambaran Keseluruhan**, di mana anda boleh mengetahui sama ada terdapat sebarang potensi untuk meningkatkan prestasi. Dalam kawasan **tetapan Internet** dan **kesan Visual**, anda boleh melaksanakan semua cadangan pengoptimuman yang ditemui dengan mengklik **Optimumkan semua**. Ini tidak akan menyekat sebarang fungsi penting anda.

Cadangan dalam kawasan **Perkakasan dan perisian** pula sangat bergantung pada tingkah laku penggunaan anda. Inilah sebabnya anda hanya boleh menggunakannya sekali pada satu-satu masa.

Menukar Tab

Klik pada cadangan atau pada butang **Butiran** untuk beralih ke tab lain, di mana anda boleh melihat butiran setiap cadangan. Sebagai alternatif, anda boleh klik pada nama tab yang anda mahu.

Menggunakan Cadangan

Dalam tab **tetapan Internet** dan **kesan Visual**, anda boleh melaksanakan semua cadangan pengoptimuman yang ditemui dengan mengklik **Optimumkan semua**. Sebagai alternatif, anda boleh klik pada cadangan dalam lajur kiri. Dalam kawasan kanan tetingkap, perihalan terperinci akan muncul dan anda boleh menggunakan cadangan dengan mengklik pada butang kanan bawah.

Dalam tab **Perkakasan dan perisian**, anda mesti menjawab beberapa soalan ringkas mengenai setiap cadangan bagi menerima pilihan yang sesuai untuk teruskan. Jika anda tidak dapat menjawab soalan atau ingin menangguhkan keputusan, anda boleh menyembunyikan cadangan dengan mengklik pada **Sembunyikan cadangan** di bahagian kanan bawah.

Sila ambil perhatian bahawa sudah tentu anda tidak boleh menerima cadangan berhubung perkakasan anda, tetapi hanya boleh menyembunyikannya.

Menyembunyi dan Menunjukkan Cadangan

Jika anda tidak mahu menerima cadangan, klik **Sembunyikan cadangan**. Sekarang anda boleh memilih sama ada anda ingin menyembunyikannya secara kekal atau hanya untuk 30 hari. Bilangan cadangan tersembunyi sentiasa dipaparkan dalam bar tugas di bahagian kanan. Dengan mengklik pada nombor yang dipaparkan, anda boleh **menunjukkan** cadangan ini sekali lagi dengan mudah.

Menukar Profil

Menukar **Tukar profil** di bahagian atas sebelah kanan membawa anda ke profil yang menunjukkan asas untuk cadangan pengoptimuman anda.

8.3.1. Profil

Kali pertama anda menggunakan **AVG PC TuneUp**, anda digesa melengkapkan profil, supaya ia boleh menyediakan anda dengan cadangan tersuai untuk meningkatkan prestasi. Profil ini mengandungi soalan berikut:



Bagaimanakah Komputer anda Biasanya Disambungkan ke Internet?

Pilih jenis sambungan daripada senarai supaya rangkaian, Internet dan tetapan pelayar anda (contohnya saiz paket) boleh digunakan sebaik mungkin ke sambungan Internet anda.

Apakah Kriteria yang Perlu Digunakan untuk Mengoptimumkan Kesan Visual?

Jika anda memilih **Prestasi maksimum** (tanpa mengira kualiti paparan), semua kesan dan tema Luna yang berwarna-warni (Windows XP) atau tema kaca Aero (Windows lebih baharu) dimatikan. Ini amat dicadangkan, terutamanya untuk komputer lebih perlahan, kerana paparan antara muka canggih ini benar-benar memakan sumber.

Jika antara muka pada komputer anda berkelip dan memakan masa untuk tettingkap dibuka, pilih opsiyen **Keseimbangan antara prestasi dan kualiti paparan**. Antara muka menarik dikekalkan tetapi kesan menjejaskan prestasi dimatikan.

Jika anda mempunyai kad grafik berprestasi tinggi, prestasi sistem anda tidak akan ditingkatkan dengan mematikan pengalaman desktop Windows Vista Aero.

Selama Berapa Harikah Sesuatu Program Kekal Tidak Digunakan Sebelum Kami Mencadangkan Untuk Mengalihnya Keluar?

Komputer anda disemak untuk program yang telah tidak digunakan untuk masa yang lama. Kemudian, ini dipaparkan dengan cadangan bahawa ia dibuang supaya ia tidak terlalu memperlahankan komputer anda. Berdasarkan tingkah laku pengguna anda, anda menyatakan di sini selepas berapa hari program yang telah tidak digunakan dianggap berpotensi tidak diperlukan dan dipaparkan dengan cadangan untuk dibuang.

Menukar Profil

Anda boleh menukar tetapan untuk profil anda pada bila-bila masa dengan melancarkan modul dan mengklik pada butang **Tukar profil** di bahagian kiri sebelah atas tettingkap **Tingkatkan prestasi - butiran**.

Sila ambil perhatian bahawa anda tidak boleh mengesahkan profil anda sehingga anda memasukkan semua maklumat yang diperlukan.

8.4. Mengurus Proses Berjalan

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Process Manager** untuk memantau dan mengurus proses yang sedang berjalan, kapasiti sistem dan fail yang dibuka dan **mengapa penting untuk anda melakukannya**.

AVG Process Manager memberikan anda kawalan tetap ke atas program dan proses yang berjalan pada sistem anda dan membenarkan anda untuk memantau aktiviti sistem anda.

Anda boleh mengetahui jumlah memori yang sedang digunakan oleh proses mana, melihat banyak butiran dan menamatkan proses yang tidak dikehendaki dengan satu klik tetikus.

Modul ini juga menawarkan graf masa nyata untuk pemproses dan penggunaan memori serta menyediakan maklumat terkini mengenai perkara yang komputer anda sedang lakukan pada bila-bila masa.



8.4.1. Cara Mengurus Proses Sedang Berjalan

Mulakan modul **AVG Process Manager** dengan pergi ke skrin [Lajukan](#) dan mengklik pada opsiyen **Tunjukkan program yang menggunakan CPU** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Paparkan dan tutup proses yang berjalan** di bawah **Windows**.

AVG Process Manager menyediakan tawaran maklumat yang banyak mengenai status semasa sistem anda. Maklumat ini dibahagikan kepada tiga tab:

Proses

Selepas modul dilancarkan, tab **Proses** menunjukkan semua program dan proses yang sedang berjalan. Jadual menunjukkan kepada anda nama proses bersama keutamaannya dan penggunaan CPU. Modul juga menunjukkan kepada anda jumlah ruang memori yang digunakan oleh proses berasingan.

Jika anda memilih proses daripada senarai, anda boleh melihat maklumat lanjut pada setiap aplikasi dengan **Tunjukkan butiran**. Pilih **Hentikan proses** untuk memaksa aplikasi ditutup. Ini ialah langkah yang agak drastik, tetapi kadang-kadang perlu untuk menutup program yang telah ranap, atau jika anda mahu menghentikan pendail yang tidak dikehendaki.

Apabila Kawalan Akaun Pengguna didayakan, hanya proses yang anda mulakan mungkin dipaparkan. Untuk melihat proses yang dimulakan oleh pengguna lain dan sistem, klik **Tunjukkan semua proses** di bawah tetingkap.

Jika anda telah memilih satu proses dalam senarai, anda boleh klik **Sunting** dan kemudian **Tetapkan Keutamaan Proses** untuk menentukan jumlah kuasa pemprosesan yang perlu diperuntukkan oleh Windows kepada proses ini.

Buka Fail

Dalam tab **Buka Fail**, anda mempunyai gambaran keseluruhan fail dan folder yang terbuka pada masa ini. Jadual akan menunjukkan kepada anda jenis fail tersebut, di mana fail atau folder dan proses apa yang telah membukanya pada masa tersebut.

Anda tidak seharusnya terkejut jika beberapa fail ditunjukkan dalam senarai lebih daripada sekali. Fail dan folder boleh dibuka oleh lebih daripada satu proses pada masa yang sama. Ia juga normal jika fail yang jelas "terbuka" tidak boleh ditemui dalam senarai. Aplikasi seperti Microsoft Word dan penyunting teks Notepad hanya membuka fail secara ringkas untuk membaca kandungannya atau untuk menyimpannya, tetapi jangan biarkannya terbuka sepanjang masa anda menggunakannya.

Petua: Jika anda cuba untuk menghapuskan fail dan anda mendapat mesej ralat yang memberitahu anda bahawa ia sedang digunakan, anda boleh menggunakan alat ini untuk mengetahui proses yang menggunakan fail dan menamatkannya. Ini kemudian akan membenarkan anda menghapuskan fail.

Prestasi

Tab **Prestasi** menunjukkan kepada anda banyak fakta mengenai sistem.

Anda boleh melihat penggunaan pemproses semasa dalam peratus dan graf penggunaan pemproses untuk beberapa saat yang terakhir. Graf serupa juga menunjukkan penggunaan memori untuk beberapa



saat yang terakhir. Anda juga boleh melihat penggunaan semasa fail halaman dan memori fizikal dalam kilobait.

Terdapat juga bar menu dan bar alat. Sesetengah fungsi di sini melaras kandungan tab aktif. Ini diuraikan dalam bahagian di atas. Fungsi umum menu **Fail**, **Alat** dan **Bantuan** sentiasa dipaparkan.

Fungsi bar menu umum

Menu "Fail"

Dalam menu **Fail**, anda boleh menggunakan entri **Aplikasi baharu** untuk memanggil dialog Jalan Windows yang dikenali bagi memulakan aplikasi baharu atau membuka fail. Klik **Keluar Windows** untuk menutup atau memulakan semula komputer supaya tetapan baharu boleh berkuat kuasa.

Fungsi faedah tertentu ialah **Gantikan Pengurus Tugas**, yang berfungsi dengan menggantikan Pengurus Tugas Windows pada sistem anda dengan **AVG Process Manager**. Ini bermaksud anda boleh memanggilnya menggunakan pintasan Ctrl+Alt+Del atau klik kanan di kawasan kosong bar tugas untuk memilihnya. Jika anda ingin menggunakan Pengurus Tugas Windows lagi, hanya pilih item menu yang sama untuk membuang tanda semak di hadapannya.

Menu Alat

Dalam menu **Alat**, anda boleh mengkonfigurasi cara **AVG Process Manager** dipaparkan pada komputer anda. Anda boleh mengekalkannya sentiasa dalam latar depan, cth. untuk memantau penggunaan pemproses untuk masa hidup sistem anda. Anda juga boleh memaparkan **AVG Process Manager** dalam kawasan pemberitahuan di bahagian kanan bawah desktop apabila anda meminimumkan tetingkap. Terdapat ikon di sana, iaitu anda boleh klik pada bila-bila masa untuk memaksimumkan tetingkap sekali lagi dalam sekelip mata.

Menu Bantuan

Dalam menu **Bantuan** anda boleh memanggil bantuan program pada bila-bila masa, melawati tapak web AVG atau memaparkan maklumat tentang versi **AVG PC TuneUp** anda.

8.5. Mengoptimalkan Permulaan dan Penutupan Sistem

Dalam bab ini, anda akan mengetahui cara mengoptimalkan permulaan dan penutupan komputer anda **dalam sekelip mata**.

Di sini anda menerima cadangan untuk melumpuhkan program permulaan yang tidak diperlukan. Cadangan ini membantu mengoptimalkan permulaan dan penutupan sistem.

Contohnya, perkhidmatan permulaan biasa yang tidak diperlukan dengan segera selepas permulaan sistem dijadualkan untuk bermula pada masa yang lebih lambat. Ini masih memastikan bahawa anda tidak akan kehilangan fungsi ini, tetapi ia tidak lagi melengahkan permulaan sistem secara tidak perlu. Masa menunggu perkhidmatan untuk penutupan juga dikurangkan. Oleh itu, perkhidmatan akan ditutup dengan lebih pantas semasa menutup dan prosedur penutupan akan menjadi lebih pantas.

Anda boleh menggunakan semua cadangan ini dengan segera atau melihat perihalan terperinci dahulu dan kemudian menentukan satu per satu.



8.5.1. Cara Mengoptimalkan Permulaan dan Penutupan Sistem

Cara Mengoptimalkan Permulaan dan Penutupan Sistem

Mulakan modul **AVG StartUp Optimizer** dengan pergi ke skrin [Lajukan](#) dan mengklik pada opsiyen **Optimumkan permulaan dan penutupan** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin). Tetingkap **AVG StartUp Optimizer** dipaparkan.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Optimumkan permulaan dan penutupan sistem** di bawah **Cadangan**.

Anda mungkin perlu memasukkan maklumat untuk **profil** anda dahulu pada masa ini bagi mendapatkan cadangan tersuai.

Perkhidmatan dan peranti manakah yang anda gunakan pada komputer ini?

Di sini anda boleh mematikan fungsi yang anda tidak guna. Ia mengenal pasti fungsi dan perkhidmatan yang anda sudah sediakan dan hanya mencadangkan fungsi dan perkhidmatan yang tidak digunakan.

Contohnya, jika anda tidak pernah menggunakan pencetak, anda boleh mematikan semua program latar belakang yang berkaitan dengan kawalan cetakan. Hanya nyatakan ini di sini.

Jika anda tidak pernah perlu mengakses rangkaian atau domain syarikat, anda boleh mematikan semua program dan perkhidmatan latar belakang yang berkaitan. Hanya pilih jawapan yang berkenaan daripada senarai.

Semakin banyak ciri tidak diperlukan anda lumpuhkan di sini, semakin pantas komputer anda akan bermula dan berfungsi, kerana - selepas pengoptimuman ini - Windows tidak akan lagi menjalankan program latar belakang yang bermula secara automatik dan aktif secara kerap.

Anda boleh menukar tetapan yang anda lakukan di sini pada bila-bila masa dengan mengklik pada "Tukar profil" di bahagian kanan sebelah atas **AVG StartUp Optimizer**.

Perkhidmatan dan peranti manakah yang anda gunakan pada komputer ini?

Di sini anda boleh mematikan fungsi yang anda tidak guna. Ia mengenal pasti fungsi dan perkhidmatan yang anda sudah sediakan dan hanya mencadangkan fungsi dan perkhidmatan yang tidak digunakan.

Contohnya, jika anda tidak pernah menggunakan pencetak, anda boleh mematikan semua program latar belakang yang berkaitan dengan kawalan cetakan. Hanya nyatakan ini di sini.

Jika anda tidak pernah perlu mengakses rangkaian atau domain syarikat, anda boleh mematikan semua program dan perkhidmatan latar belakang yang berkaitan. Hanya pilih jawapan yang berkenaan daripada senarai.

Semakin banyak ciri tidak diperlukan anda lumpuhkan di sini, semakin pantas komputer anda akan bermula dan berfungsi, kerana - selepas pengoptimuman ini - Windows tidak akan lagi menjalankan program latar belakang yang bermula secara automatik dan aktif secara kerap.

Anda boleh menukar tetapan yang anda lakukan di sini pada bila-bila masa dengan mengklik pada "Tukar profil" di bahagian kanan sebelah atas **AVG StartUp Optimizer**.



Gambaran keseluruhan

Paparan ini menyediakan anda dengan gambaran keseluruhan apa-apa cadangan pengoptimuman yang ditemui. Anda boleh menggunakannya semua dengan mengklik sekali pada **Optimumkan semua**.

Butiran

Klik pada cadangan atau pada pautan **Butiran** untuk melihat perihalan terperinci mengenai cadangan individu. Sebagai alternatif, tukar kepada tab **Butiran**. Di sini anda boleh menggunakannya semua cadangan dengan mengklik sekali pada **Optimumkan semua**.

Klik pada cadangan dalam lajur "Cadangan pengoptimuman". Perihalan program dan cadangan dipaparkan di kawasan kanan tettingkap. Jika anda ingin membenarkan pengoptimuman, klik pada **Gunakan cadangan** di bahagian kanan bawah.

Menyembunyi dan Menunjukkan Cadangan

Jika anda tidak mahu menerima cadangan, klik **Sembunyikan cadangan**. Sekarang anda boleh memilih sama ada anda ingin menyembunyikannya secara kekal atau hanya untuk 30 hari. Bilangan cadangan tersembunyi sentiasa dipaparkan dalam bar tugas di bahagian kanan. Dengan mengklik pada nombor yang dipaparkan, anda boleh **menunjukkan** cadangan ini sekali lagi dengan mudah.

8.6. Menunjukkan Maklumat Sistem

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Maklumat Sistem** untuk memaparkan maklumat sistem:

AVG Maklumat Sistem menyiasat komputer anda dan mengumpul semua jenis fakta dan maklumat mengenai perkakasan dan perisian anda serta prestasi komputer anda.

Maklumat ini penting jika anda ingin menaik taraf komputer anda atau jika jurutera bertanya kepada anda sama ada komponen tertentu dipasang pada komputer anda.

8.6.1. Cara Menunjukkan Maklumat Sistem

Mulakan modul Maklumat Sistem **AVG** dengan pergi ke skrin [Lajukan](#) dan mengklik pada opsiyen **Tunjukkan maklumat sistem** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Tunjukkan maklumat sistem** di bawah **Komputer**.

Fakta mengenai sistem anda dipaparkan pada sembilan tab berikut:

Gambaran keseluruhan

Gambaran keseluruhan memaparkan maklumat ringkas pada komponen komputer anda yang paling penting. Ini menunjukkan kepada anda dengan pantas mengenai proses apa yang dipasang, RAM sistem, prestasi kad grafik, tetikus yang sedang digunakan dan apa-apa maklumat yang tersedia berkenaan pemacu cakera.



Windows

Di sini anda boleh mengetahui versi Windows dan Internet Explorer yang anda gunakan dan kali terakhir komputer anda dibut.

Paparan

Semua maklumat penting, termasuk mod paparan yang disokong dan keupayaan monitor dan kad grafik anda, boleh ditemui di sini.

Memori

Di sini anda melihat penggunaan memori semasa dan juga jumlah memori yang digunakan oleh setiap aplikasi yang sedang dimuatkan.

Prestasi

Maklumat yang ditunjukkan di sini ialah semua fakta penggunaan pemproses, memori fizikal dan saiz fail halaman. Maklumat ini dipaparkan dalam tiga graf masa nyata.

Pemacu

Untuk setiap pemacu, maklumat mengenai penggunaan ruang storan dan perkakasan ditunjukkan kepada anda di sini. Anda juga boleh menemui maklumat mengenai bagaimana pemacu anda diatur di bawah **Sistem fail**.

Peranti I/O

Ini menyenaraikan semua port penting, pencetak yang dipasang dan peranti audio.

Komunikasi

Apabila sambungan dailan dibuka, dua graf masa nyata menunjukkan jumlah data yang sedang dihantar dan diterima dalam kilobait sesaat.

Peranti Sistem

Maklumat mengenai pemproses dan memori BIOS dipaparkan di sini. Klik pautan **Butiran pemproses** untuk melihat maklumat terperinci mengenai ciri pemproses anda.



9. Kosongkan Ruang

Dengan cara yang sama seperti laman utama anda boleh menjadi berselerak, komputer anda juga boleh menjadi tersumbat dengan beban yang tidak diperlukan, iaitu menggunakan semua ruang cakera yang berharga. Kami mengesyorkan anda menjalankan pembersihan menyeluruh dari masa ke masa dan menghapuskan fail yang tidak diperlukan daripada sistem anda.

Semua pengubahsuaian kepada sistem anda akan dipantau oleh AVG Rescue Center dan boleh dibuat asal jika perlu.



Potensi Pembersihan

Dalam skrin ini, anda boleh menggunakan graf untuk melihat betapa meluasnya anda sudah menggunakan opsyen **AVG PC TuneUp** untuk membersihkan sistem dan mendapatkan ruang cakera tambahan serta potensi untuk pengoptimuman yang masih ada.

Dalam graf, bahagian hijau di sebelah kiri mewakili modul yang anda telah gunakan untuk membuat kemajuan pengoptimuman anda setakat ini, sementara bahagian kelabu di sebelah kanan mewakili opsyen pengoptimuman terbuka. Mesej ditetapkan untuk setiap bahagian graf: mesej di bawah bahagian hijau mengandungi maklumat semata-mata, memaklumkan anda tentang pengoptimuman yang sudah selesai. Mesej di bawah bahagian kelabu, mewakili potensi pengoptimuman yang masih boleh dieksploitasi, adalah lebih interaktif, membenarkan anda mengakses masalah secara terus dan segera mengendalikannya.

Di bawah graf, anda boleh melihat mesej semasa mengenai pengoptimuman sudah selesai dan potensi belum diterokai. Jika anda menunjukkan kursor tetikus anda pada mana-mana bahagian, mesej yang sesuai akan dipaparkan. Sekiranya terdapat bahagian yang mengandungi beberapa potensi tidak digunakan, beberapa



butang (seperti **Imbasan**, **Baiki** atau **Tunjukkan**) akan tersedia; mengkliknya membuka modul **AVG PC TuneUp** yang tepat yang anda boleh gunakan untuk mencapai potensi tidak digunakan.

Apakah yang digunakan untuk mengira Potensi Pembersihan?

Potensi Pembersihan dikira berdasarkan keputusan analisis bahagian berikut:

Auto Pembersihan

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, [Penyelenggaraan Automatik](#) mesti diaktifkan dengan mendayakan semua tugas penyelenggaraan yang penting.

Alih keluar fail pendua

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, pengimbasan modul **AVG Duplicate Finder** perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sepanjang 30 hari lalu dan semua penemuan perlu dibersihkan (atau ditetapkan untuk diabaikan).

Untuk maklumat lanjut, lihat [Mengalih Keluar Fail Pendua](#).

Log & Cache Sistem

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, pengimbasan modul **AVG Pembersih Cakera** perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sepanjang 30 hari lalu dan semua penemuan perlu dibersihkan (atau ditetapkan untuk diabaikan).

Untuk maklumat lanjut, lihat [Membersihkan cache & log Windows](#).

Data Pelayar

Untuk bahagian ini dianggap sebagai dioptimumkan, pengimbasan modul **AVG Pembersih Pelayar** perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali sepanjang 30 hari lalu dan semua penemuan perlu dibersihkan (atau ditetapkan untuk diabaikan).

Untuk maklumat lanjut, lihat [Membersihkan pelayar](#).

Modul lain yang berguna

Terdapat modul lain yang berguna yang tidak dimasukkan dalam pengiraan **Potensi Pembersihan** yang mungkin anda ingin jalankan untuk mendapatkan lebih banyak ruang cakera yang berharga. Modul ini disenaraikan pada reben di bahagian bawah dialog ini.

- [Mencari dan Menghapuskan Fail dan Folder Bersaiz Besar](#)
- [Menyahpasang program yang tidak digunakan](#)
- [Menghapuskan fail dengan selamat](#)



9.1. Membersihkan cache & log Windows

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh mengosongkan ruang yang berharga pada cakera keras anda di bawah **Bersihkan Windows dan program** dan **mengapa ia berguna** untuk melakukannya.

Di bawah **Bersihkan Windows dan program**, anda boleh melihat senarai item berstruktur, termasuk fail Windows sementara, sandaran lama, log dan laporan yang sudah lapuk serta fungsi yang tidak diperlukan yang boleh dialih keluar dengan selamat daripada cakera keras tanpa sebarang impak negatif pada sistem anda.

AVG PC TuneUp mencari banyak jenis fail yang berpotensi tidak diperlukan yang boleh dihapuskan tanpa menyebabkan masalah. Ia kemudiannya menunjukkan kepada anda jumlah ruang yang boleh dikosongkan. Pertama sekali anda akan menerima satu senarai semua fail yang berkaitan dan kemudian anda boleh menentukan sendiri fail yang anda ingin hapuskan.

Perhatian khusus diberikan kepada keselamatan. Hasilnya, berbeza dengan prosedur konvensional yang menyikat "membuta tuli" melalui cakera keras menggunakan corak tertentu, tiada kejutan yang tidak disenangi seperti mesej ralat mengejut atau berlaku perisian tidak berfungsi.

9.1.1. Cara membersihkan Windows dan program

Mulakan modul Pembersih Cakera **AVG** dengan pergi ke skrin [Kosongkan Ruang](#) dan mengklik pada bahagian **Cache dan Log Sistem** graf **Potensi Pembersihan**.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Bersihkan Cache & Log Sistem** di bawah **Data penggunaan**.

Kini anda boleh mengalih keluar fail yang tidak diperlukan dan sandaran lama serta mengalih keluar atau melumpuhkan fungsi Windows.

Bagaimanakah hendak mengalih keluar fail yang tidak diperlukan atau sandaran lama?

1. Pilih item daripada senarai

Seperti yang dapat anda lihat, satu senarai fail yang ditemui atau sandaran lama yang disusun dengan jelas ditunjukkan. Anda dapat melihat dengan sekilas pandang berapa banyak ruang yang dapat dikosongkan. Untuk mengecualikan fail individu atau jenis sandaran daripada dibersihkan, nyahtandakan kotak semak yang berkaitan.

Untuk setiap fail atau jenis sandaran, anda turut boleh melihat penerangan dalam kawasan tettingkap sebelah kanan dengan memilihnya.

Anda turut boleh mengklik butang **Tunjukkan item** untuk melihat senarai lengkap fail atau sandaran yang disyorkan untuk dialih keluar.

2. Klik **Bersihkan**.

Pembersihan mungkin mengambil masa beberapa minit. Semasa pembersihan sedang dijalankan, amat jarang berlaku keadaan di mana **AVG PC TuneUp** tidak memberi respons. Hal ini berlaku disebabkan oleh masalah teknikal dan anda tidak perlu bimbang. Setelah pembersihan selesai, operasi akan diteruskan seperti biasa dan mesej yang menunjukkan pembersihan telah berjaya akan dipaparkan. Anda boleh menutup dialog ini.



9.1.2. Apakah Jenis Fail yang Disyorkan untuk Penghapusan?

AVG PC TuneUp mencari jenis fail dan sandaran berikut yang boleh dihapuskan secara normal daripada cakera keras anda tanpa menyebabkan masalah.

Jenis	Penerangan
Fail Windows sementara	Windows yang mencipta fail untuk menyimpan data secara sementara hendaklah biasanya dihapuskan selepas tugasnya lengkap. Fail ini sentiasa boleh dihapuskan.
Melaporkan dan melog daripada Windows	Windows menyimpan pelbagai laporan dan log, iaitu untuk analisis ralat atau pada tingkah laku program dan perkhidmatan.
Fail Windows yang tidak diperlukan	Anda boleh membersihkan pratonton imej untuk kategori folder dan cache bagi mendapatkan ruang cakera.
Fail sandaran Windows	Baiki program seperti CHKDSK mencari gugusan hilang pada cakera keras anda dan menyimpannya. Setiap kali juga anda menaik taraf Windows kepada versi yang lebih baharu, sandaran dokumen, tetapan dan data program anda akan dicipta. Oleh sebab sandaran-sandaran ini jarang digunakan, anda boleh menghapuskannya dengan selamat (tetapi ingat bahawa selepas menghapuskan sandaran naik taraf Windows, anda tidak lagi akan dapat memulihkan dokumen dan tetapan lama daripada pemasangan Windows sebelumnya).
Senarai sejarah Windows	Windows mencipta senarai sejarah, yang mungkin melog fail yang kali terakhir anda buka, contohnya. Ini disimpan dalam daftaran sebagai rujukan. Dengan menghapuskan atau mengalih fail, entri ini menjadi tidak sah.
Fail program sementara	Banyak program yang mencipta fail untuk menyimpan data secara sementara hendaklah biasanya dihapuskan oleh program selepas tugasnya lengkap. Fail ini sentiasa boleh dihapuskan.
Melaporkan dan melog daripada program	Banyak program yang menulis fail log boleh digunakan untuk menganalisis tingkah lakunya. Ini boleh jadi berguna, contohnya, semasa cuba menyelesaikan masalah. Sebarang fail log yang anda tidak merancang untuk menilai boleh dihapuskan.
Fail program yang tidak diperlukan	Imej kecil imej digunakan oleh pelbagai program untuk menyediakan pratonton pantas. Anda boleh membersihkan imej kecil, cache program dan tangkapan skrin (imej skrin komputer anda ditangkap atau buka tettingkap aplikasi) yang anda tidak lagi perlu untuk mendapatkan ruang cakera.
Fail sandaran program	Banyak program mencipta sandaran fail anda secara automatik. Seseengah program juga mencipta sandaran fail pemasangan supaya anda boleh memasang semula program tersebut jika failnya rosak. Jika anda merasakan bahawa anda tidak lagi memerlukan fail sandaran ini, anda boleh menghapuskannya dengan selamat untuk mengosongkan ruang (walau



	bagaimanapun, ingat bahawa selepas membuang fail pemasangan, anda mungkin perlu menggunakan cakera pemasangan jika anda ingin memasang semula perisian atau membuat perubahan kepada pemasangannya).
Senarai sejarah program	Banyak program mencipta senarai sejarah, yang mungkin melog fail yang kali terakhir anda buka, contohnya. Ini disimpan dalam daftaran sebagai rujukan. Dengan menghapuskan atau mengalih fail, entri ini menjadi tidak sah.

9.2. Membersihkan pelayar

Semasa anda melayari Internet, pelayar anda menyimpan pelbagai jenis data pada komputer anda.

Anda tidak perlu lagi melakukan tugas menghapuskan sendiri jejak aktiviti pelayaran anda yang menyusahkan ini menggunakan pelayar anda; kini anda boleh membenarkan Pembersih Pelayar **AVG** mencari data ini untuk anda. Kemudian, anda hanya perlu memilih data yang anda tidak lagi perlukan dan Pembersih Pelayar **AVG** akan terus menghapuskannya untuk anda.

Dalam bab berikut, anda akan mengetahui cara anda boleh menggunakan modul Pembersih Pelayar **AVG** untuk segera membersihkan pelayar Internet dengan menghapuskan cache, kuki dan sejarah dalam sekelip mata.

9.2.1. Cara Membersihkan Pelayar Anda

Mulakan modul Pembersih Pelayar **AVG** dengan pergi ke skrin [Kosongkan Ruang](#) dan mengklik pada bahagian **Data Pelayar** graf **Potensi Pembersihan**.

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Bersihkan data pelayar** di bawah **Data penggunaan**.

Di bawah **Pelayar**, pilih pelayar Internet yang anda ingin bersihkan. Anda boleh memilih daripada Internet Explorer, Mozilla Firefox, Google Chrome, Opera dan Safari serta pasang masuk Adobe Flash Player dan Microsoft Silverlight.

Pembersih Pelayar **AVG** kemudiannya menentukan item yang boleh dihapuskan untuk pelayar yang dipilih. Di bawah nama pelayar, terdapat satu senarai kategori yang anda boleh bersihkan:

Jenis	Penerangan
Cache	Semua gambar, teks dan animasi yang anda lihat dalam pelayar anda semasa melayari Internet disimpan dalam cache. Jika anda melawat tapak web sekali lagi, teks dan imej boleh dimuatkan daripada cache dengan lebih pantas berbanding daripada Internet. Walau bagaimanapun, anda dinasihatkan untuk mengosongkan cache anda dari masa ke masa.
Kuki	Kuki mengandungi maklumat mengenai tapak web yang telah dilawat dan disimpan oleh pelayar Internet semasa anda melayari Internet tanpa bertanya anda terlebih dahulu. Kuki mungkin mengandungi data log masuk untuk tapak web atau maklumat mengenai tingkah laku pelayaran pengguna.



Optimumkan pangkalan data	Pangkalan data Mozilla Firefox dioptimumkan untuk mendapatkan ruang cakera.
Sejarah muat turun	Sejarah muat turun mengandungi senarai fail yang telah dimuat turun.
Sifat tapak web	Sesetengah sifat tapak web, seperti saiz fon, disimpan dalam pelayar.
Data borang	Data dimasukkan dalam borang web, seperti butiran alamat, disimpan dalam pelayar.
Kata laluan yang disimpan	Kata laluan untuk tapak web tertentu boleh disimpan. Kata laluan ini hendaklah hanya dihapuskan oleh pengguna berpengatapak.
Fail Index.dat	Cache URL Internet Explorer disimpan dalam fail yang dikenali sebagai index.dat. Sila ambil perhatian bahawa fail ini hendaklah dibersihkan oleh pengguna berpengatapak sahaja.
Sejarah Internet	Alamat semua tapak web yang anda telah lawati disimpan dalam sejarah Internet.
Lokasi muat turun terakhir	Laluan yang dimasukkan secara manual baru-baru ini untuk memuat turun fail disimpan di sini.
Sesi	Mozilla Firefox menyimpan sesi terakhir dan semasa dengan tab dan tapak web terbuka semasa sesi tersebut.
Fail sementara	Data penggunaan sementara untuk pelayar disimpan di sini.
Lebih banyak fail Mozilla	Dalam fail tambahan ini, Mozilla Firefox menyimpan sandaran, kemas kini, laporan ranap dan ralat serta fail log.
Lebih banyak fail Opera	Fail Opera tambahan ini boleh dibersihkan termasuk ikon, imej kecil, VPS, muat turun sementara dan cache aplikasi.
URL terkini dimasukkan	Alamat tapak web yang telah dimasukkan secara manual baru-baru ini disimpan di sini.

Anda mempunyai pilihan untuk melindungi kuki daripada sesetengah tapak web dengan menetapkan pengecualian dan mengecualikannya daripada pembersihan. Untuk berbuat begitu, tandakan kotak untuk opsyen **Lindungi kuki daripada tapak web tertentu**. Satu dialog baharu kini terbuka untuk anda boleh memilih tapak web yang anda ingin lindungi kuki daripada senarai di bawah **Hapuskan**. Sebaik sahaja anda telah membuat pilihan anda, hanya klik anak panah kanan antara dua senarai. Kuki daripada tapak web terpilih kemudiannya dilindungi dengan serta-merta.

Menggunakan pilihan **Lindungi item yang berusia kurang daripada seminggu**, anda boleh melindungi data yang disimpan dengan tarikh terbaharu. Untuk berbuat begitu, hanya tandakan kotak untuk pilihan ini. Item yang berusia kurang daripada seminggu kemudiannya dikecualikan daripada pembersihan.



9.3. Mencari dan Mengalih Keluar Fail Pendua

Dalam bab ini, anda akan mengetahui cara anda boleh menggunakan modul **AVG Duplicate Finder** untuk mencari pelbagai fail dan folder pendua pada cakera keras anda dan mengalihnya keluar selepas itu.

Pemacu keras menyerupai garaj keluarga - sarap berkembang mengisi ruang tersedia. Pemacu SSD berfungsi dengan cara yang sangat sama, walaupun jelas lebih kecil. Anda mungkin tidak menyedarinya pada pandangan pertama, tetapi melihat dengan lebih mendalam pastinya akan mendedahkan beberapa dozen fail pendua (malahan seluruh folder) pada pemacu keras anda, memakan ruang cakera berharga.

AVG Duplicate Finder membantu anda dalam tugas membosankan serta menganugerahkan tugas mengalih keluar fail atau folder pendua daripada komputer anda. Dengan bantuannya, tahap sarap digital anda dikurangkan dengan ketara. Ia boleh mencari fail atau folder dengan nama sama, saiz sama dan/atau kandungan yang sama. Ia juga membantu anda menyemak setiap fail atau folder dan menentukan fail atau folder untuk disimpan. Akhirnya, ia boleh mengabaikan fail kecil, supaya anda boleh menumpukan pada lewahan yang lebih membazir.

9.3.1. Cara Mencari Fail Pendua

1. Mulakan modul **AVG Duplicate Finder** dengan pergi ke skrin [Kosongkan Ruang](#) dan mengklik pada bahagian **Alih keluar fail pendua** graf **Potensi Pembersihan**.
2. Klik butang **Imbas Pendua** untuk mula mencari fail dan folder pendua pada cakera keras anda. Secara lalai, seluruh cakera diimbas, walau bagaimanapun, anda boleh mengecilkan pilihan anda dengan menentukan kawasan khusus bagi cakera keras anda. Imbasan biasanya mengambil masa hanya beberapa saat. Selepas ia selesai, **AVG Duplicate Finder** memaparkan dialog baharu, membolehkan anda melihat semua pendua yang ditemui semasa imbasan.
3. Sekarang anda boleh menentukan sama ada anda ingin mengalih keluar atau menyimpan penemuan anda. Semua pendua diisih mengikut kategori (Folder, Gambar, Muzik, Video, Dokumen, Lain-lain). Terdapat juga dua kategori khas:
 - *Semua Pendua* - kategori "global" mengandungi semua pendua yang ditemui
 - *Dipilih* - mengandungi pendua yang anda telah pilih untuk pembuangan (lihat di bawah). Ia hanya dipaparkan sekiranya anda telah memilih sesuatu sebelum ini.

Tukar antara paparan kategori dengan mengklik namanya dalam lajur di kanan.

Anda juga boleh menggunakan menu gulung bawah untuk mengisih fail dalam setiap kategori (mengikut saiz, nama dsb.) dalam susunan menaik dan menurun. Dalam kes sesetengah fail (contohnya imej), pratonton kecil tersedia, membantu anda menentukan apa yang perlu dilakukan dengannya.

Satu folder dianggap menjadi pendua jika ia mengandungi fail pendua semata-mata. Jika hanya sesetengah fail dalam folder adalah sama, fail-fail ini akan ditunjukkan dalam kategori masing-masing (Gambar, Muzik dsb.), tetapi folder sebagai keseluruhan tidak akan ditunjukkan dalam dialog keputusan imbasan. Folder juga tidak akan ditandakan sebagai pendua jika fail pendua yang terkandung [ditetapkan untuk diabaikan](#).

4. Pilih fail atau folder yang anda ingin dialih keluar. Ia sangat mudah - hanya semak kotak bersebelahan nama mereka di bahagian kanan dialog.

Anda juga boleh memanfaatkan butang **Autopilih Semua** (terletak di bahagian bawah dialog, di sebelah kiri daripada butang **Buang yang dipilih**). Mengkliknya akan memulakan menu gulung bawah, menawarkan



anda sama ada untuk **Menyimpan salinan paling lama** atau untuk **Menyimpan salinan paling baharu**. Menggunakan satu daripada pilihan ini secara automatik memilih (untuk pembuangan) semua salinan bagi setiap fail pendua yang ditemui, kecuali fail paling lama/baharu (anda boleh membatalkan semua pilihan anda dengan mengklik pilihan **Nyahpilih semua** dalam menu yang sama). Ciri Autopilih boleh digunakan pada kategori individu (lihat di atas) atau juga fail individu dalam setiap kategori - hanya alihkan kursor tetikus anda selepas nama kategori atau fail pendua dan klik anak panah kecil yang muncul di sebelah kanannya. Ini menghasilkan menu gulung bawah yang serupa untuk menyimpan salinan paling lama/baharu sahaja, namun menggunakan semata-mata ke kategori tunggal atau fail ini.

Sila ambil perhatian bahawa jika anda memilih semua salinan fail atau folder yang sama, mesej amaran muncul, meminta anda mengesahkan bahawa anda benar-benar ingin mengalih keluar semuanya. Ini merupakan langkah keselamatan bagi memastikan anda tidak mengalih keluar versi asal secara tidak sengaja.

5. Selepas anda memilih satu atau lebih fail atau folder pendua, butang **Buang yang dipilih** di sudut kanan bawah dialog menjadi aktif. Klik butang tersebut dan sahkan bahawa anda benar-benar ingin mengalih item yang dipilih ke dalam Tong Kitar Semula Windows. Proses pembuangan itu sendiri biasanya mengambil masa hanya beberapa saat.
6. Senarai kategori dan fail/folder akan dikemas kini sewajarnya. Sekarang anda boleh menutup modul atau klik butang anak panah di bahagian kiri atas dialog untuk mula mencari pendua semula.

9.3.2. Cara Mengkonfigurasi AVG Duplicate Finder

Dialog tetapan pusat **AVG PC TuneUp** membenarkan anda mengubah suai tingkah laku **AVG Duplicate Finder** anda.

Untuk mengakses tetapan ini, klik **Tetapan** dalam bar menu Papan Pemuka **AVG PC TuneUp**, kemudian klik pada nama modul di sebelah kiri bar navigasi. Anda juga boleh mengakses dialog yang sama daripada modul **AVG Duplicate Finder** - hanya klik pautan **Tetapan** di sudut kanan sebelah atas tettingkap.

Gunakan medan teks **Abaikan fail lebih kecil daripada**: untuk menetapkan saiz fail maksimum untuk diabaikan oleh **AVG Duplicate Finder** (dalam KB). Fail sedemikian tidak akan dimasukkan ke dalam carian **AVG Duplicate Finder**, lantas membenarkan modul untuk menumpukan pada pendua lebih besar dan lebih bermasalah.

Gunakan kotak semak **Abaikan fail dan folder tersembunyi** untuk mengecualikan fail dan folder tersembunyi daripada carian **AVG Duplicate Finder**.

Gunakan medan teks **Abaikan sambungan fail ini**: untuk menyatakan jenis fail (sambungan) dengan jelas bahawa anda tidak ingin diimbis; hanya masukkan sambungan ini ke dalam medan teks dan asingkan item individu dengan koma (misalnya .xls, .doc).

9.4. Mencari dan Menghapuskan Fail dan Folder Bersaiz Besar

Dalam bab ini, anda akan mengetahui cara anda boleh menggunakan modul **AVG Disk Space Explorer** untuk mendapatkan gambaran keseluruhan ruang yang digunakan pada cakera keras anda secara pantas, bagi membersihkannya dengan cepat dan cekap.

Kapasiti cakera keras dan kad memori moden telah meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa yang sama, keperluan pengguna juga telah meningkat ke tahap di mana kami masih boleh mengisi sepenuhnya walaupun pada pemacu baharu yang lebih besar.



Sudah tentu, pembangunan ini tidak sama sekali menjadikannya lebih mudah untuk memantau kuantiti data yang besar ini. Dengan begitu banyak fail dan folder bersarang, sejauh manakah kemungkinan untuk menentukan ruang yang paling banyak digunakan (dan kemungkinan dibazirkan)?

AVG Disk Space Explorer membantu anda mencari fail terbesar. Kemudian, anda boleh mengarkibnya pada CD, DVD atau cakera keras luaran, contohnya. Ia mungkin idea yang bagus untuk memastikan bahawa anda tidak memerlukan fail ini lagi dan memutuskan untuk menghapuskannya. Dengan cara ini, anda boleh mengosongkan jumlah ruang cakera berharga yang besar dengan sekali cubaan.

9.4.1. Cara Menjalankan Analisis

Lancarkan modul **AVG Disk Space Explorer** dengan pergi ke skrin [Kosongkan Ruang](#) dan mengklik pada opsiyen **Cari fail dan folder bersaiz besar** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Cari fail dan folder bersaiz besar** di bawah **Cakera keras**.

Pilih item untuk dianalisis:

Menganalisis pemacu

Daripada senarai semua peranti yang dilampirkan ke komputer anda, pilih peranti yang perlu dimasukkan dalam mencari fail besar. Wizard menunjukkan jumlah saiz setiap pemacu dan ruang kosong yang tersedia. Ia amat penting terutamanya untuk menganalisis pemacu yang mempunyai baki ruang kosong yang sedikit.

Menganalisis folder

Anda boleh menjimatkan banyak masa dengan menganalisis folder individu. Jika anda ingin menganalisis folder individu, anda mesti mendayakan **Analisis folder**. Klik **Pilih** untuk membuka struktur pokok semua folder anda, di mana anda boleh memilih hanya satu folder dengan menyerlahkannya dan mengklik **OK**.

Klik **Seterusnya** untuk memulakan analisis.

Analisis mungkin mengambil masa bergantung pada saiz dan penggunaan pemacu atau folder yang dipilih. Sebaik sahaja analisis lengkap, klik **Selesai** untuk memaparkan keputusan dalam tettingkap utama.

9.4.2. Keputusan Analisis

Struktur Folder

Selepas analisis, tettingkap utama **AVG Disk Space Explorer** terbuka. Ini dibahagikan kepada dua kawasan. Di kawasan sebelah kiri tettingkap, terdapat paparan pohon pemacu dan folder anda, sama seperti dalam Windows Explorer. Data untuk lokasi yang dipilih dalam paparan pohon dipaparkan dalam kawasan sebelah kanan tettingkap. Secara lalainya, pemacu yang terbaharu dianalisis dipaparkan dahulu.

Jika anda telah memutuskan untuk tidak melakukan analisis dan telah mengklik **Batal**, tettingkap utama masih terbuka, tetapi anda tidak akan melihat apa-apa maklumat pada pemacu individu. Anda juga boleh memulakan analisis dari sini, tetapi hanya satu pemacu untuk setiap analisis.



Memaparkan Maklumat

Untuk memaparkan maklumat di kawasan sebelah kanan tettingkap, anda boleh memilih antara beberapa paparan dengan mengklik tab masing-masing di bahagian tepi sebelah atas.

Dalam setiap paparan, anda akan menerima satu senarai dan anda boleh mengisih lajur secara menaik atau menurun dengan mudah dengan mengklik pada nama lajur. Mengisih mengikut saiz tertentu akan memberikan anda gambaran keseluruhan pantas terhadap fail terbesar anda.

Paparan berikut tersedia untuk memaparkan peruntukan ruang cakera.

• **Gambaran keseluruhan**

Paparan lalai **Gambaran keseluruhan** ialah langkah pertama yang ideal apabila membersihkan pemacu anda. Maklumat paling penting daripada semua paparan lain digabungkan untuk memberikan gambaran keseluruhan secara umum kepada anda. Anda sentiasa boleh menemui maklumat mengenai elemen yang dipilih dalam pohon folder di bahagian atas tettingkap, dalam kawasan atas dengan latar belakang berwarna. Saiz dan peratusan ruang yang digunakan dipaparkan untuk setiap pemacu. Walau bagaimanapun, jika satu folder dipilih, kawasan ini akan menunjukkan saiz folder kepada anda termasuk semua fail dan subfoldernya. Anda juga menerima maklumat mengenai tarikh penciptaan folder dan kali terakhir folder digunakan.

Paparan Computer (atau My Computer jika Windows XP) mewakili pengecualian tertentu berkaitan jadual pertama dan ia tidak akan menunjukkan **gambaran keseluruhan fail dan folder terbesar**, tetapi ia akan memaparkan ruang yang digunakan untuk setiap pemacu.

○ **Gambaran keseluruhan Folder dan Fail Terbesar**

Di sini anda boleh melihat gambaran keseluruhan grafik bagi ruang pada pemacu atau folder yang dipilih dalam bentuk carta pai. Saiz dan peratusan ruang yang digunakan ditunjukkan di sini sehingga 10 folder dan fail. Jika anda ingin melihat lebih daripada 10 elemen yang dipaparkan, hanya klik pada pautan **Tunjuk Kandungan** untuk menukar kepada paparan **Kandungan**.

○ **Jenis Fail**

Jadual ini mengatur fail yang terkandung dalam elemen yang dipilih berdasarkan pada jenis fail dan menunjukkan sepintas lalu jenis fail (dokumen, fail muzik, video atau imej) yang paling banyak menggunakan ruang cakera kepada anda.

Sila ambil perhatian bahawa paparan ini bukan hanya meliputi fail yang terdapat pada pemacu atau folder yang dipilih, tetapi juga meliputi semua fail dalam subfolder. Anda boleh menghadkan jumlah maklumat yang dipaparkan dengan beralih kepada tahap yang lebih rendah dalam pohon folder di sebelah kiri.

Jika anda ingin melihat fail individu disertakan dalam jenis fail yang tertentu, hanya klik pada nama jenis fail dalam jadual. Ini akan membuka kategori yang betul secara terus dalam paparan **jenis fail**.

○ **10 Fail Teratas**

Jadual ini berguna terutamanya dalam kekurangan ruang cakera yang ketara. Ia menunjukkan satu senarai 10 fail teratas yang menggunakan kebanyakan ruang cakera. Seperti masa jadual terakhir, paparan ini bukan hanya meliputi fail yang terdapat dalam pemacu atau folder yang diilih, tetapi juga



meliputi semua fail dalam subfolder. Jika anda klik pada satu daripada fail dalam jadual atau pada pautan **Tunjukkan 100 fail teratas**, paparan **100 fail teratas** yang sepadan akan terbuka. Di situ, anda boleh mengalih, mengarkib atau menghapuskan fail.

- **Kandungan**

Paparan ini menunjukkan kandungan elemen yang dipilih dalam pohon folder di sebelah kiri. Selain maklumat asas seperti nama dan jenis, seperti dalam Windows Explorer, setiap elemen mempunyai medan yang memaparkan saiznya dan peratusan ruang cakera yang digunakannya. Perwakilan grafik dengan bar membenarkan anda untuk mengenal pasti sepintas lalu fail dan folder yang paling banyak menggunakan ruang.

Dwiklik pada folder untuk mengalihkan tahap lebih dalam dan untuk menunjukkan kandungan folder.

- **Jenis Fail**

Gambaran keseluruhan dan jenis fail

Secara lalainya, gambaran keseluruhan praktikal bagi jenis fail anda terbuka, menunjukkan kepada anda sepintas lalu fail yang paling banyak menggunakan ruang cakera.

Di bahagian tepi sebelah atas tettingkap memaparkan butang untuk **Imej, Dokumen, Fail yang dimampatkan, Fail muzik, Fail video** dan **Lain-lain**. Klik pada satu daripada butang-butang ini atau pada entri masing-masing dalam gambaran keseluruhan untuk memaparkan semua fail bagi jenis fail masing-masing.

Lanjutan: Sambungan fail manakah yang disertakan?

Setiap kategori jenis fail mengandungi fail dengan banyak **sambungan fail** yang berbeza. Imej, contohnya, termasuk sambungan fail .bmp, .jpg, .gif, .tif dan .png. Senarai tepat sambungan fail yang disertakan disesuaikan untuk disepadankan dengan sistem anda secara automatik oleh **AVG Disk Space Explorer**. Klik **Lanjutan** di bahagian atas sebelah kanan tettingkap anda untuk memaparkan senarai ini. Anda boleh menyesuaikan tettingkap ini dengan mudah dengan menyahanda kotak semak.

Kategori **Lain-lain** menunjukkan kepada anda semua fail lain yang tidak dimiliki oleh mana-mana jenis fail lain.

Di sini senarai sambungan yang dipaparkan selepas mengklik **Lanjutan** membantu terutamanya kerana anda boleh mengkonfigurasi fail yang perlu ditunjukkan dalam senarai yang ditunjukkan di bawah.

Dalam menu konteks (dipaparkan selepas mengklik kanan pada senarai sambungan fail), anda boleh memilih segala-galanya dengan pantas atau menyongsangkan pilihan semasa.

Terokai pemacu keras anda sendiri dan gunakan paparan yang tersedia untuk mencari cara anda boleh mengosongkan lebih banyak ruang cakera. Mengisih senarai mengikut saiz fail atau tarikh akses terakhir boleh membantu anda menemui fail yang menarik. Untuk melakukannya, hanya guna tetikus untuk mengklik pada tajuk utama dengan latar belakang kelabu di atas lajur.

Petua Pembersihan: *Mengisih fail mengikut tarikh akses terakhir yang digabungkan dengan pengehadan paparan kepada jenis fail tertentu membolehkan anda mencari objek seperti fail lama MP3 atau video yang anda mungkin tidak ingin dengar atau tonton lagi.*



- **100 fail teratas**

Bagi kebanyakan pengguna, ini ialah paparan paling menarik. Ini menunjukkan kepada anda 100 fail terbesar dalam lokasi pohon folder yang dipilih, diatur dengan jelas mengikut saiz fail. Memandangkan kandungan semua subfolder disertakan, paparan ini membolehkan anda untuk mengosongkan beratus-ratus megabait atau beberapa gigabait dengan beberapa klik, bergantung pada saiz sistem anda.

9.4.3. Cara Mengkonfigurasi AVG Disk Space Explorer

AVG Disk Space Explorer menyediakan anda dengan beberapa pilihan untuk memperibadikan penampilan sistem anda. Untuk menyesuaikan opsi yang tersedia, klik **Fail** dan kemudian **Tetapan**.

Fail dan folder yang tersembunyi

Bahagian **Fail dan folder tersembunyi** membolehkan anda untuk menentukan sama ada fail dan folder tersembunyi perlu ditunjukkan dalam **AVG Disk Space Explorer**. Secara lalainya, tetapan Windows Explorer akan digunakan. Jika anda ingin mengkonfigurasi tetapan yang berbeza pada tetapan Windows Explorer, hanya klik **Gunakan tetapan takrifan pengguna** dan sesuaikan pilihan mengikut keperluan anda. Secara lalainya, **AVG Disk Space Explorer** melindungi semua elemen dalam folder sistem bagi menghalang anda daripada menghapus atau mengalih fail sistem yang penting secara tidak sengaja. Jika anda mengetahui sistem anda dengan sempurna, anda boleh melumpuhkan perlindungan ini dalam bahagian **Elemen sistem dilindungi**. Tandakan kotak semak di sebelah **Lumpuhkan perlindungan secara kekal**.

Kaedah penghapusan

Bahagian **Kaedah penghapusan** membolehkan anda menentukan kaedah yang perlu digunakan oleh **AVG Disk Space Explorer** sebagai lalai apabila menghapus fail dan folder. Kaedah penghapusan standard **Alih ke Tong Kitar Semula** disyorkan terutamanya untuk pengguna baharu kerana fail yang terhapus secara tidak sengaja boleh dipulihkan.

Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa Tong Kitar Semula Windows hanya boleh menyimpan jumlah data yang terhad. Jika melebihi had storan Tong Kitar Semula atau jika Windows memerlukan lebih banyak ruang, fail paling lama dalam Tong Kitar Semula akan dihapuskan secara kekal dari semasa ke semasa.

Jika kaedah penghapusan **Padam secara kekal** dipilih, Tong Kitar Semula Windows akan dipintas dan fail akan dihapuskan secara terus. Memulihkan fail ini pada masa lain hanya boleh dilakukan sekiranya bemasib baik dan dengan menggunakan perisian khas seperti **AVG Undelete**.

Tiga kaedah penghapusan lain menggunakan **AVG Shredder** untuk menjadikan pemulihan fail yang dihapuskan hampir tidak dapat dilakukan.

Anda boleh mengetahui lebih lanjut mengenai kaedah penghapusan ini dan tetapannya dalam [Menghapuskan Data Dengan Selamat](#) dan [Kaedah Penghapusan](#).

Untuk kaedah penghapusan **AVG Shredder**, kotak **Pengulangan penghapusan** tersedia. Nombor di dalamnya (**1** secara lalai) memberitahu modul **AVG Shredder** jumlah ia harus menulis ganti data bagi menghapuskan data sepenuhnya. Secara umum, lebih besar nombor, data lebih berpeluang dialih keluar secara kekal, tanpa peluang untuk membaruinya. Walau bagaimanapun, bilangan pengulangan yang besar juga boleh memanjangkan seluruh proses penghapusan data dengan ketara.



9.4.4. Cara Mengarkib Fail

Mengarkib Fail dengan AVG Disk Space Explorer

Jika, semasa melayari menerusi komputer, anda menemui beberapa fail yang anda sebenarnya tidak perlukannya lagi tetapi masih tidak mahu menghapuskannya, **AVG Disk Space Explorer** mempunyai penyelesaian hebat kepada masalah ini:

Oleh sebab kerjasama lancar dengan Windows Explorer, anda boleh menyalin fail ini ke pemacu USB atau cakera keras luaran sebelum penghapusan, contohnya.

1. Klik pada fail yang dipilih dan pilih **Salin** daripada menu **Sunting** atau gunakan pintasan Ctrl+C.
2. Buka pemacu sasaran yang dipilih dalam Windows Explorer dan tampal fail yang disalin menggunakan item menu **Tampal** atau pintasan Ctrl+V.

Oleh sebab sokongan untuk semua program pembakaran utama, anda juga boleh membakar fail dengan mudah ke CD atau DVD. Hanya seret fail yang anda inginkan dengan menahan kekunci tetikus (seret & lepas) secara terus ke senarai bakar dalam program pembakaran anda.

Menghapuskan Fail Diarkib dengan AVG Disk Space Explorer

Selepas berjaya mengarkib fail, anda boleh menghapuskannya dengan selamat dalam **AVG Disk Space Explorer** dan seterusnya mengosongkan ruang cakera berharga. Pilih satu fail dan kemudian klik **Hapuskan** dalam bar alat.

9.5. Menghapuskan Data Dengan Selamat

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Shredder** untuk menghapuskan fail, folder dan Tong Kitar Semula secara kekal dan **mengapa penting untuk anda melakukannya**.

Menghapuskan Data Dengan Selamat Selepas Itu

Jika anda telah menghapuskan fail sensitif dengan cara "normal", anda tidak boleh menghapuskannya selepas itu dengan **AVG Shredder**. Walau bagaimanapun, kami mempunyai petua untuk anda:

Apabila anda menyahfragmen cakera keras, apa-apa fail yang dihapuskan biasanya ditulis ganti dan tidak boleh dipulihkan selepas itu. Hanya guna AVG Drive Defrag untuk meningkatkan keselamatan kaedah penghapusan normal selepas itu (lihat [Cara Menyahfragmen Cakera Keras Anda](#)).

Apabila anda menghapuskan fail, secara umumnya ia berakhir dalam Tong Kitar Semula. Dalam Windows, Tong Kitar Semula ini hanya folder yang mengumpul fail untuk penghapusan. Mendapatkan semula fail daripada Tong Kitar Semula ialah permainan kanak-kanak dan oleh itu ramai pengguna mengosongkan Tong Kitar Semula secara kerap untuk merasakan bahawa fail tersebut telah dihapuskan dengan selamat.

Walaupun bagaimanapun, ambil perhatian bahawa apabila anda menghapuskan fail, Windows sebenarnya tidak membuangnya bersama - seluruh kandungannya kekal pada cakera keras. Windows hanya menandakan fail sebagai "dihapuskan" daripada sistem fail dan mengeluarkan ruang yang diambil oleh fail supaya ia boleh digunakan sekali lagi. Sehingga ruang cakera ini digunakan sekali lagi, ia agak mudah untuk memulihkan fail ini (iaitu dengan **AVG PC TuneUp** -> Memulihkan Fail Yang Dihapuskan).



Walau bagaimanapun, jika anda sama sekali ingin kepastian bahawa profesional juga tidak dapat memulihkan data sensitif anda, gunakan **AVG Shredder** untuk menghapuskan fail, folder dan Tong Kitar Semula dengan tidak boleh dibalikkan. Anda boleh memilih tiga Kaedah Penghapusan berbeza yang paling sesuai.

9.5.1. Cara Menghapuskan Data Dengan Selamat

Lancarkan modul **AVG Shredder** dengan pergi ke skrin [Kosongkan Ruang](#) dan mengklik pada opsiyen **Hapuskan fail dengan selamat untuk menghalang pengintipan** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Hapuskan fail dengan selamat** di bawah **Cakera keras**.

Apakah yang ingin anda hapuskan?

Fail

1. Pilih **Fail**.

Pilihan ini membolehkan anda mencari fail pada komputer bagi memilihnya untuk penghapusan.

2. Klik **Tambah** untuk menambahkan fail yang ingin dihapuskan pada senarai.

Explorer terbuka. Dwiklik pada fail ingin dihapuskan untuk menambahnya ke senarai. Sebagai alternatif, anda boleh seret dan lepaskan fail daripada Explorer anda yang dibuka atau daripada Desktop ke senarai. Pilih fail dengan tetikus dan menyeretnya ke dalam senarai.

Pilihan **Hapuskan ruang cakera kosong yang diperuntuk** menulis ganti ruang yang menjadi kosong melalui penghapusan, seterusnya meningkatkan keselamatan penghapusan.

Jika anda tersilap menambah fail ke senarai, anda boleh mengalih keluar sekali lagi dengan memilih entri dan mengklik **Alih keluar**.

3. Klik **Seterusnya** untuk mengesahkan pemilihan anda.

Anda kini boleh memilih kaedah penghapusan yang anda mahu (lihat Kaedah Penghapusan).

Folder

1. Pilih **Folder**.

Pilihan ini membolehkan anda mencari folder pada komputer anda bagi memilihnya untuk penghapusan. Apabila folder dihapuskan, semua kandungan fail juga akan dihapuskan. Apabila anda memilih folder untuk penghapusan, program mengesan sama ada ini mengandungi subfolder dan anda mempunyai peluang untuk mengecualikan ini daripada carian.

2. Klik **Pilih**.

Struktur pohon dibuka dalam folder anda. Pilih folder di sini untuk dihapuskan dan klik **OK**. Sebagai alternatif, masukkan laluan penuh folder untuk dihapuskan dalam medan teks.



Pilihan **Hapuskan ruang cakera kosong yang diperuntuk** menulis ganti ruang yang disediakan untuk fail dalam folder yang dipilih, seterusnya meningkatkan keselamatan penghapusan.

Jika folder yang dipilih mempunyai subfolder, di sini anda boleh membuangnya daripada carian. Lakukan ini dengan menyahutanda kotak semak **Sertakan folder subordinat**.

3. Klik **Seterusnya** untuk mengesahkan pemilihan anda.

Anda kini boleh memilih kaedah penghapusan yang anda mahu (lihat Kaedah Penghapusan).

Tong Kitar Semula

1. Pilih **Tong Kitar Semula**.

Pilihan ini menunjukkan Tong Kitar Semula kepada anda, supaya anda boleh mengosongkannya. Anda menerima maklumat mengenai bilangan fail yang terkandung dan amaun ruang cakera yang digunakan oleh Tong Kitar Semula. Anda juga boleh memaparkan kandungan sebelum menghapuskannya.

2. Klik **Tunjukkan kandungan**.

Anda menerima maklumat mengenai saiz Tong Kitar Semula dan bilangan fail yang terkandung di dalamnya. Untuk memastikan bahawa tiada fail penting dalam Tong Kitar Semula, anda boleh memaparkan kandungan sebelum penghapusan berjalan.

Pilihan **Hapuskan ruang cakera kosong yang diperuntuk** menulis ganti ruang kosong yang disediakan untuk fail dalam Tong Kitar Semula, seterusnya meningkatkan keselamatan penghapusan.

3. Klik **Seterusnya** untuk mengesahkan pemilihan anda.

Anda kini boleh memilih kaedah penghapusan yang anda mahu (lihat Kaedah Penghapusan).

9.5.2. Kaedah Penghapusan

AVG Shredder menyediakan tiga kaedah penghapusan berikut yang berbeza dari segi tempoh penghapusan dan keselamatan penghapusan. Setiap kaedah penghapusan ini boleh ditingkatkan dengan mengulang proses penghapusan. Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa proses penghapusan mengambil masa lebih lama.

Penghapusan cepat

Fail akan ditulis ganti dengan aksara tunggal. Teks asal fail akan digantikan dengan lajur huruf tertentu yang tiada penghujung.

Penghapusan selamat menurut DoD 5220.22-M

Prosedur yang dibangunkan oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (Peraturan DoD 5220.22-M) akan digunakan. Sebelum penghapusan, fail ditulis ganti berbilang kali dengan corak data khas, memusnahkan kandungan asal dengan sangat berkesan sehingga pemeriksaan struktur magnetik cakera yang mahal dalam makmal khas tidak akan dapat memulihkan data itu.



Penghapusan selamat, kaedah Gutmann

Kaedah ini, dinamakan sempena nama penciptanya Peter Gutmann, menulis ganti fail yang hendak dihapuskan sebanyak 35 kali dengan nilai rawak dalam corak khas dan kemudian menghapuskannya. Kaedah ini dianggap cara yang paling selamat untuk menghapuskan fail dengan perisian, tetapi mengambil masa yang paling lama juga.

9.6. Menyahpasang program yang tidak digunakan

Dalam bab ini, anda akan mengetahui cara anda boleh menggunakan **AVG Uninstall Manager** untuk memaparkan program yang dipasang pada komputer anda, **mengapa** anda ingin menyahpasangnya dan **cara** anda boleh melakukannya.

Dari semasa ke semasa, anda mengumpulkan banyak program pada komputer anda, kebanyakannya mungkin anda tidak menggunakannya langsung. Untuk sistem Windows anda boleh berjalan dengan pantas dan lancar, anda hendaklah mengalih keluar program yang tidak digunakan atau tidak diperlukan dengan kerap.

Setiap kali anda memasang program pada komputer anda, ia tertambat jauh dalam sistem Windows di mana ia kekal sehingga anda menyahpasang sepenuhnya. Jika anda tidak lagi memerlukan program, tidak mencukupi hanya dengan menghapuskan folder program atau ikon desktop yang anda gunakan untuk membukanya.

Kebanyakan program mengagihkan fail menerusi beberapa lokasi pada cakera keras anda dan juga membuat entri dalam daftar Windows.

AVG Uninstall Manager membolehkan anda menentukan dengan pantas program yang jarang anda gunakan atau terutamanya program yang menggunakan jumlah ruang yang besar. Anda boleh **menunjukkan** semua program yang dipasang diisih mengikut aspek yang berbeza dan kemudian, menggunakan maklumat tambahan yang berguna mengenai masa anda telah memasang program dan seberapa mana anda menggunakannya, menentukan sama ada anda masih memerlukannya atau perlu **menyahpasangnya**.

9.6.1. Cara Menyahpasang Program

Cara Menyahpasang Program

Lancarkan modul **AVG Uninstall Manager** dengan pergi ke skrin [Kosongkan Ruang](#) dan mengklik pada opsyen **Nyahpasang program yang tidak digunakan** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin). Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Nyahpasang program yang tidak digunakan** di bawah **Program yang dipasang**.

AVG Uninstall Manager menunjukkan senarai semua program yang dipasang kepada anda. Dalam bar menu, klik **Atur** untuk mengisih jadual mengikut lajur atau memilih penapis di bawah **Paparan** untuk memaparkan program yang dipilih sahaja. Ini akan membantu anda mengenal pasti dengan pantas program yang anda tidak lagi guna atau program yang menggunakan paling banyak ruang.

Jika anda memilih entri daripada senarai, maklumat tambahan mengenai program dipaparkan dalam kawasan **Butiran** di sebelah kanan. Anda akan melihat butiran pengeluaran, tarikh pemasangan, tarikh penggunaan terakhir, saiz fail program pada cakera keras anda dan penggunaan sistem.



Jika, walaupun data statistik yang AVG Uninstall Manager tunjukkan kepada anda, anda tidak pasti sama ada anda ingin menyahpasang program kerana anda tidak tahu kandungannya, klik pada Carian dalam talian dalam bar alat. Laman web yang muncul memaparkan hasil carian untuk program yang dipilih dalam senarai. Laman ini menyediakan maklumat terperinci mengenai program. Maklumat ini juga membantu anda menentukan sama ada anda perlu menyahpasang program atau tidak.

Klik **Nyahpasang** untuk mengalih keluar program.

Untuk mengalih keluar program dengan betul daripada komputer anda, serlahkan entri dan klik **Nyahpasang** dalam bar alat. Anda juga boleh dwiklik pada entri.

Rutin nyahpasang yang sedang dipanggil berbeza antara program. Tiada daripada program ini yang hanya menghapuskan fail daripada cakera keras - ia juga membuang semua ikon desktop, entri dalam Menu Mula dan entri dalam daftaran. Ikut arahan untuk prosedur penyahpasangan bagi melengkapkan proses.


Jika anda tidak mahu menyahpasang program dan anda mahu pastikan bahawa ia tidak muncul dalam senarai pada masa akan datang, pilih **Alih keluar entri** daripada menu konteks entri. Kemudian, anda tidak akan lagi dapat menyahpasang program menggunakan **AVG Uninstall Manager**. Ambil perhatian bahawa ini **tidak** menyahpasang program.



10. Betulkan Masalah

Malangnya, sesuatu perkara kadang-kadang tidak berjalan seperti yang anda jangkakan apabila anda bekerja dengan komputer. Dengan **Betulkan masalah**, **AVG PC TuneUp** menawarkan pelbagai fungsi kepada anda untuk menemui dan membetulkan apa-apa masalah yang berlaku. Selain itu, program membantu anda memulihkan fail yang dihapuskan secara tidak sengaja.

Semua pengubahsuaian kepada sistem anda akan dipantau oleh AVG Rescue Center dan boleh dibuat asal jika perlu.



Skrin ini dibahagikan kepada dua kawasan:

Senarai Betulkan Masalah

Senarai ini mengandungi semua masalah yang menjejaskan kesihatan sistem anda. Contohnya, semakan dilakukan untuk melihat sama ada tetapan utama telah ditetapkan dengan betul dalam Windows, sama ada terdapat memori kosong yang mencukupi pada pemacu sistem anda, sama ada program keselamatan penting dipasang dan sama ada terdapat sebarang kemas kini Windows yang baharu. Setiap masalah dalam senarai diterangkan secara ringkas dan penyelesaian yang sewajarnya dicadangkan.

Setiap masalah yang disenaraikan boleh diselesaikan menggunakan butang tindakan khas (**Baiki**, **Muat turun**, **Imbas** dan sebagainya). Klik pada butang itu untuk memuat turun perisian keselamatan yang penting, mengaktifkan fungsi Windows yang dilumpuhkan atau menjalankan beberapa modul **AVG PC TuneUp**.

Anda turut boleh mengklik pautan **Abaikan** untuk menyembunyikan sesetengah masalah supaya masalah ini tidak memberi kesan kepada kesihatan sistem lagi. Setiap masalah yang disembunyikan dipaparkan di bahagian bawah senarai. Anda boleh mengklik pautan **Berhenti abaikan** untuk mengaktifkannya semula.



Modul lain yang berguna

Terdapat modul lain yang berguna yang mungkin anda ingin jalankan untuk menemukan dan membetulkan kemungkinan masalah. Modul ini disenaraikan pada reben di bahagian bawah dialog ini.

- [Membetulkan masalah biasa lain](#)
- [Mengemas kini perisian usang](#)
- [Menyemak Ralat pada Cakera Keras](#)
- [Memulihkan Fail Yang Dihapuskan](#)
- [Membuat Asal Perubahan menggunakan Rescue Center](#)

10.1. Membetulkan Masalah Biasa

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **mengapa penting untuk anda melakukannya** dan **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Repair Wizard** untuk membetulkan masalah biasa dengan mudah. Hanya pilih masalah yang berkaitan dan **AVG Repair Wizard** akan membetulkannya untuk anda.

Anda kerap menghadapi masalah dengan komputer anda dalam kerja harian anda. Tanpa amaran, Windows memaparkan ikon yang salah secara tiba-tiba, menyembunyikan bar tugas atau pintasan pada desktop hilang.

Jika anda menemui masalah seperti ini pada komputer anda tetapi tidak pasti bagaimana hendak menghuraikannya, anda akan dapati fungsi ini sangat berguna. Anda memilih masalah yang berlaku daripada senarai masalah komputer biasa dan **AVG Repair Wizard** membetulkannya dengan segera.

10.1.1. Cara Membetulkan Masalah Biasa

Lancarkan modul **AVG Repair Wizard** dengan pergi ke skrin [Betulkan masalah](#) dan mengklik opsyen **Betulkan masalah biasa yang lain** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Betulkan masalah biasa** di bawah **Windows**.

Pilih masalah yang ada untuk dibaiki. **AVG Repair Wizard** menunjukkan kepada anda senarai jelas masalah Windows biasa dengan teratur. Selepas anda memilih entri dalam senarai, penerangan terperinci bagi masalah ini muncul di kawasan tettingkap bahagian kanan. Pilih kotak semak untuk setiap masalah yang anda alami.

Klik **Seterusnya** untuk memulakan pembaikan. Ini membuka senarai masalah terbuka yang dipilih yang mesti disahkan dengan mengklik sekali lagi pada **Seterusnya**. Pembaikan sedang dijalankan.

Klik **Selesai** untuk menutup modul.

10.2. Mengemas kini perisian usang

Dalam bab berikut, anda akan mengetahui cara anda boleh menggunakan modul **Pengemas Kini Perisian AVG** untuk mencari pelbagai program usang dan mengemas kininya.

Aplikasi seperti pelayar web, klien mel atau editor teks dan grafik digunakan oleh terlalu banyak komputer dan peranti di seluruh dunia, menjadikan peranti ini sebagai sasaran yang luas oleh penjenayah siber. Penjenayah



dan pengkaji keselamatan sering menguji kod, mencari kekurangan yang boleh membenarkan "penggodam komputer" merampas kawalan komputer atau mencuri data yang berharga.

Apabila didapati ada kepincangan, pengeluar perisian akan mengeluarkan "kemas kini" untuk menyelesaikan masalah itu. Langkah ini umpama panggil balik kenderaan untuk menggantikan bahagian kenderaan yang rosak. Jika gagal melakukan kemas kini ini akan menyebabkan sistem terdedah kepada serangan atau boleh terjejas kerana penjenayah siber ini menggunakan kemas kini yang sama untuk melakukan kejuruteraan berbalik terhadap cara untuk mengambil kesempatan terhadap kelemahan ini. Selain itu, kemas kini turut dapat menyelesaikan masalah biasa berkaitan prestasi perisian – kemas kini ini membetulkan pelbagai gangguan dan kelemahan dengan itu, membolehkan program berjalan dengan lebih lancar.

Namun begitu, untuk memastikan perisian anda sentiasa dikemas kini adalah satu tugas yang berpanjangan. Dan di sinilah modul **AVG Pengemas Kini Perisian** boleh membantu anda – modul ini merupakan satu tempat untuk anda mengendalikan semua kemas kini perisian yang tersedia pada masa yang sama. Modul ini akan menunjukkan kepada anda aplikasi yang boleh dikemas kini pada masa ini dan membiarkan anda membuat keputusan sama ada ingin memuat turun versi terkini aplikasi tersebut. Anda turut boleh menghidupkan kemas kini automatik, misalnya membiarkan modul **AVG Pengemas Kini Perisian** memasang semua kemas kini yang tersedia secara automatik tanpa anda perlu berbuat apa-apa.

10.2.1. Cara Mengemas Kini Perisian Usang

Lancarkan modul Pengemas Kini Perisian **AVG** dengan pergi ke skrin [Betulkan Masalah](#) dan klik butang **Tunjukkan** di sebelah kanan daripada *X daripada program anda adalah entri yang sudah usang* (hanya tersedia jika terdapat sebarang aplikasi yang boleh dikemas kini).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Semak program untuk mengesan kemas kini** di bawah **Program yang dipasang**.

Cara Mengemas Kini Program

1. Pilih program daripada senarai di bahagian atas antara muka Pengemas Kini Perisian **AVG** (tempat semua program yang boleh dikemas kini disenaraikan).
2. Klik pada butang Kemas Kini di sebelah kanan daripada nama program ini. Sila tunggu sehingga kemas kini perisian terkini dipasang. Proses ini tidak mengambil masa yang lama. Program ini kemudiannya akan dialihkan ke senarai "Program sudah dikemas kini" (di bahagian tengah antara muka pengguna Pengemas Kini Perisian **AVG**), tempat program yang tidak memerlukan kemas kini dipaparkan.
 - *Jika program yang ingin dikemas kini sedang dijalankan, anda perlu menutupnya dan klik butang **Kemas Kini** sekali lagi.*
 - *Jika anda ingin mengemas kini semua program sekali gus, anda boleh menggunakan pautan **Kemas kini semua**.*
 - *Terdapat beberapa program yang tidak dapat dikemas kini secara automatik menggunakan modul **AVG Pengemas Kini Perisian**. Selepas mengklik butang **Kemas Kini**, amaran "Perlu mengemas kini secara manual" dipaparkan di sebelah nama program serta butang **Buka**. Klik padanya untuk membuka program dan melakukan terus kemas kini daripada antara muka penggunaanya.*

Cara Mengabaikan Kemas Kini Program

1. Pilih program daripada senarai di bahagian atas antara muka pengguna Pengemas Kini Perisian **AVG**.



2. Klik pada pautan **Abaikan kemas kini** di sebelah kanan daripada nama program ini. Program akan dialihkan ke senarai "Kemas kini program yang diabaikan" (di bahagian bawah antara muka pengguna Pengemas Kini Perisian **AVG**). Anda tidak akan ditawarkan untuk mengemas kini program ini lagi; selain itu, kemas kini ini tidak akan diambil kira oleh senarai [Betulkan Masalah](#) (misalnya, program ini tidak akan dikenal pasti sebagai masalah lagi).

*Jika anda ingin berhenti mengabaikan kemas kini program yang diabaikan sebelum ini, klik sahaja pautan **Berhenti abaikan** dalam senarai "Kemas kini program yang diabaikan" (di bahagian bawah antara muka pengguna **AVG Pengemas Kini Perisian**). Program akan dialihkan semula ke bahagian atas senarai, membolehkan anda mengemas kininya.*

Cara menghidupkan Kemas Kini Automatik

Jika anda tidak mahu mengendalikan kemas kini program satu per satu, anda boleh menggunakan **Kemas Kini Automatik**. Apabila ciri ini diaktifkan, program anda akan sentiasa dikemas kini tanpa anda perlu berbuat apa-apa. Apabila anda menghidupkan Kemas Kini Automatik, semua program yang usang akan dikemas kini serta-merta. Selain itu, apabila kemas kini baharu muncul, ciri Kemas Kini Automatik akan memuat turun dan memasangnya secara automatik.

Kemas Kini Automatik dimatikan secara lalai. Untuk menghidupkannya, klik sahaja gelangsar merah di bahagian bawah antara muka pengguna Pengemas Kini Perisian **AVG**. Gelangsar ini akan bertukar hijau dan anda akan melihat kemas kini baharu dipasang hampir serta-merta.

*Anda turut boleh menghidupkan Kemas Kini Automatik daripada dialog [Konfigurasi Pengemas Kini Perisian](#) dengan memilih opsyen **Semak, muat turun dan pasang kemas kini secara automatik**.*

10.2.2. Cara Mengkonfigurasi Pengemas Kini Perisian AVG

Dialog tetapan pusat **AVG PC TuneUp** membenarkan anda mengubah suai tingkah laku **AVG Pengemas Kini Perisian** anda.

Untuk mengakses tetapan ini, klik **Tetapan** dalam bar menu [Papan Pemuka AVG PC TuneUp](#), kemudian klik pada nama modul di sebelah kiri bar navigasi.

Di sini anda boleh menetapkan cara kemas kini perisian perlu dikendalikan:

- **Matikan kemas kini perisian automatik** – opsyen ini akan mematikan **AVG Pengemas Kini Perisian**. Modul akan kekal tidak aktif sehingga anda menghidupkannya semula.
- **Semak kemas kini secara automatik** – apabila opsyen ini dipilih, modul **AVG Pengemas Kini Perisian** akan menyemak kemas kini secara automatik tetapi tidak akan memuat turun atau memasangnya. Anda boleh melakukannya secara manual jika anda mahu.
- **Semak dan muat turun kemas kini secara automatik** (ditetapkan secara lalai) – apabila opsyen ini dipilih, modul **AVG Pengemas Kini Perisian** akan mencari dan memuat turun kemas kini perisian baharu secara automatik. Namun begitu, terpulang kepada anda jika anda memilih untuk memasangnya (anda boleh mengabaikannya).
- **Semak, muat turun dan pasang kemas kini secara automatik** – apabila anda memilih opsyen ini, bermakna anda telah menghidupkan ciri Kemas Kini Automatik (yang turut boleh dilakukan daripada antara muka pengguna utama Pengemas Kini Perisian **AVG**). Semua kemas kini perisian yang tersedia akan dipasang serta-merta. Selain itu, apabila kemas kini baharu muncul, ciri Kemas Kini Automatik akan memuat turun dan memasangnya secara automatik.



10.3. Menyemak Ralat pada Cakera Keras

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menganalisis pemacu anda menggunakan modul **AVG Disk Doctor** dan **mengapa penting untuk anda melakukannya**.

Apabila bekerja dengan komputer anda, fail-fail sentiasa dibaca dan ditulis dengan - tanpa mengambil kira sama ada anda sedang menyunting dokumen teks, melihat gambar atau hanya memulakan aplikasi. Windows meletakkan semua fail dalam sistem fail istimewa untuk membenarkan akses pantas ke semua maklumat penting pada bila-bila masa.

Maklumat lanjut mengenai fail sistem

Sistem fail menyimpan rekod setiap fail dan folder pada pemacu dan menyimpan maklumat mengenai objek-objek ini seperti nama, saiz, tarikh akses terakhir, lokasi dan banyak lagi.

Sistem fail digunakan oleh Windows untuk pemacu keras, pemacu kilat USB, kad memori (seperti yang digunakan oleh kamera digital) dan disket yang dipanggil FAT dan NTFS. Dua sistem fail yang lebih baharu, NTFS, membenarkan anda untuk menyimpan maklumat tambahan seperti pengesanan akses dan lebih sepadan untuk saiz cakera moden berbanding FAT.

Dari masa ke masa, ralat mungkin berlaku dalam sistem yang rumit ini - kerana kerosakan dalam pemacu sedang digunakan, kerosakan kuasa atau program ranap. Jika ralat ini tidak ditemui dan dibetulkan dengan pantas, ini boleh membawa kepada mesej ralat, masalah program dan paling teruk, kehilangan sepenuhnya data penting.

AVG Disk Doctor melaksanakan analisis menyeluruh ke atas pemacu anda dan sistem failnya. Jika apa-apa ralat ditemui semasa analisis, ia boleh dibetulkan secara automatik. Inilah caranya anda berkawal daripada kehilangan data.

10.3.1. Cara Menyemak Cakera Keras anda

Lancarkan modul **AVG Disk Doctor** dengan pergi ke skrin [Betulkan masalah](#) dan mengklik opsyen **Semak ralat pada cakera** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Semak ralat** di bawah **Cakera keras**.

Pilih pemacu untuk diperiksa oleh **AVG Disk Doctor** dan klik **Seterusnya**.

Pilih **Analisis biasa** atau **Analisis menyeluruh**.

Oleh sebab **Analisis menyeluruh** boleh mengambil masa yang lama untuk pemacu besar, **Analisis normal** pemacu yang dipilih mencukupi dalam kebanyakan kes - ini biasanya mengambil masa 1-2 minit.

Walau bagaimanapun, jika ralat berlaku pada sistem anda atau Windows melaporkan masalah dengan pembacaan atau penulisan data, **Analisis menyeluruh** disyorkan.

Klik **Seterusnya** untuk memulakan analisis.

Semasa analisis, **AVG Disk Doctor** memberikan anda paparan grafik kemajuan. Kotak yang dipaparkan mewakili penggunaan ruang pemacu yang sedang diperiksa.



Jika tiada ralat yang telah ditemui, klik **Selesai** untuk keluar daripada modul.

Bagi sesetengah kes, adalah penting untuk memulakan semula komputer anda untuk melengkapkan proses analisis atau pembaikan dengan jayanya. Ini boleh berlaku, contohnya, semasa program aktif atau Windows itu sendiri sedang menggunakan pemacu yang dipilih dan dengan itu, menghalang **AVG Disk Doctor** daripada mempunyai akses eksklusif.

Jika mula semula sistem diperlukan, **AVG Disk Doctor** akan menunjukkan kepada anda mesej yang sepadan. Anda kemudian boleh menentukan sama ada mula semula yang diperlukan itu perlu dilaksanakan serta-merta atau jika anda sendiri ingin memulakan semula sistem kemudian.

10.3.2. Analisis Biasa Iwn. Menyeluruh

Analisis Biasa

Analisis biasa mengambil masa kira-kira 1-2 minit dan secara umumnya mencukupi.

Analisis biasa dijalankan dalam beberapa fasa. Jadual di bawah menunjukkan penjelasan semua langkah yang berkemungkinan (hanya tiga baris pertama dilaksanakan semasa analisis biasa).

Analisis Menyeluruh

Analisis menyeluruh meliputi semua langkah **Analisis biasa**. Selain itu, pemacu anda akan disemak untuk kerosakan fizikal.

Ruang storan pada pemacu dibahagikan kepada sektor yang biasanya 512 bait dalam setiap saiz. Untuk mengesan kerosakan fizikal pada pemacu, **analisis menyeluruh** menyemak prestasi setiap sektor ini.

Panjang analisis ini bergantung pada beberapa faktor, termasuk saiz pemacu dan darjah pemecahan. Anda hendaklah membenarkan sekurang-kurangnya 5 hingga 20 minit.

Jadual berikut menjelaskan semua langkah yang berkemungkinan.

Langkah analisis	Penerangan
Analisis biasa dan menyeluruh	
Menyemak fail dan folder (NTFS dan FAT)	Setiap elemen dalam sistem fail disemak. Program memastikan bahawa struktur semua fail dan folder adalah betul.
Menyemak indeks (NTFS sahaja)	Indeks ialah rujukan kepada folder dalam sistem fail NTFS. Jika mana-mana indeks ini dirosakkan, folder yang berkaitan tidak akan dipaparkan dalam sistem fail. Jika mana-mana fail atau folder anda yang "hilang" secara tiba-tiba, itu satu peluang yang baik bahawa ia akan dipulihkan selepas membaiki sistem fail.
Menyemak pemerihal keselamatan (NTFS sahaja)	Fail dan folder dalam sistem fail NTFS biasanya dilindungi oleh pemerihal keselamatan yang menghalang akses oleh pengguna yang tidak dibenarkan. Semasa analisis, ralat dalam perihalan ini ditemui dan dibetulkan.



Hanya analisis menyeluruh	
Menyemak data fail (NTFS sahaja)	Semua sektor cakera yang mengandungi fail sedang disemak. Ini akan memastikan bahawa tiada ralat baca yang berlaku semasa bekerja dengan fail. Jika sektor ditemui memerlukan berbilang cubaan baca untuk berjaya membaca data, data fail yang terkandung akan dialihkan ke sektor yang bebas ralat. Sektor tersebut kemudiannya ditandakan sebagai rosak. Ini menghalang masalah pada masa hadapan.
Menyemak ruang cakera kosong (NTFS dan FAT)	Semua sektor pemacu yang tidak mengandungi sebarang fail akan disemak untuk kebolehbacaan bebas ralat. Jika ralat berlaku semasa analisis ini, sektor yang dipertimbangkan akan ditandakan sebagai rosak bagi menghalang fail daripada disimpan di sana pada masa hadapan.

10.4. Memulihkan Fail Yang Dihapuskan

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Undelete** untuk memulihkan fail yang dihapuskan secara tidak disengajakan.

Pernahkah anda menghapuskan fail penting secara tidak sengaja dan ingin memulihkannya? Mungkinkah anda sudah mencari dalam Tong Kitar Semula tetapi ia tiada di sana?

Kemudian, anda akan gembira dengan fungsi yang ditawarkan oleh **AVG Undelete**. Di sini anda boleh memulihkan fail yang dihapuskan, dengan syarat Windows belum menulis ganti ruang pemacu yang fail-fail ini guna.

Petua berharga untuk menyelamatkan data

Peraturan yang tepat ini terpakai: Semakin lama fail dihapuskan dan semakin banyak anda telah lakukan pada komputer anda sejak itu, semakin tipis peluang untuk pemulihan lengkap. Oleh itu, sebaik sahaja anda sedar bahawa fail tidak perlu dihapuskan, cuba selamatkannya dengan **AVG Undelete**.

Jangan sekali-kali memasang perisian untuk memulihkan fail yang dihapuskan pada sistem anda jika kejadian tidak diinginkan telah berlaku. Anda boleh menulis ganti data penting tidak boleh ditarik balik secara tepat dengan memasang perisian sedemikian.

Walaupun anda memasang aplikasi pada pemacu berbeza, data yang dihapuskan masih berisiko daripada fail pemasangan sementara. Perisian pemulihan data seperti **AVG Undelete** hendaklah sentiasa dipasang dan sedia untuk digunakan terlebih dahulu. Ini bermakna anda sentiasa dilengkapi sepenuhnya untuk berurusan dengan situasi kecemasan, sekiranya berlaku.

10.4.1. Cara Mencari Fail Yang Dihapuskan

Lancarkan modul **AVG Undelete** dengan pergi ke skrin [Betulkan masalah](#) dan mengklik opsyen **Pulihkan fail yang dihapuskan** pada reben modul tambahan (di bahagian bawah skrin).

Sebagai alternatif, anda boleh memulakan modul dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Pulihkan fail yang dihapuskan** di bawah **Cakera keras**.

Pilih pemacu yang anda ingin imbas fail yang dihapuskan.



Walaupun anda ingin memulihkan fail pada medium storan luaran (contohnya pemacu kilat USB), pilihan ini masih akan dipaparkan.

Jika anda tidak lagi boleh mengingat lokasi fail disimpan, anda juga boleh menyemak imbas semua pemacu.

Hadkan carian anda. Anda boleh memperhalusi carian anda melalui entri terma carian. Ini disyorkan jika anda boleh mengingat nama fail atau sebahagian daripada nama sahaja.

Petua carian: Gunakan kad bebas * dan ?

Apabila anda memasukkan istilah carian, anda boleh menggunakan **kad bebas**. Fungsi ini sama sekali sama seperti dalam banyak enjin carian standard.

Penggunaan kad bebas semasa mencari adalah berguna jika anda tidak boleh mengingat nama fail dengan tepat atau hanya mahu mencari **sambungan fail** yang tertentu.

* dan ? boleh digunakan sebagai kad bebas, di mana * mewakili berbilang aksara dan ? mewakili aksara individu.

Contoh penggunaan kad bebas:

- Carian menggunakan **foto*** akan mencari semua fail yang namanya bermula dengan **foto** dan semua jenis fail misalnya foto_01.jpg, foto.bmp, foto_paris.tif, dsb.
- Carian **foto.*** atau untuk **foto** (tanpa kad bebas) akan mencari semua fail yang bernama **foto** dan semua jenis fail misalnya foto.jpg, foto.doc, foto.tif, dsb.
- Carian untuk ***.doc** akan mencari semua fail dengan sambungan .doc.
- Carian untuk **foto_??** mencari semua fail yang namanya bermula dengan foto_ dan mempunyai dua aksara lagi dalam namanya dan sebarang jenis fail, misalnya foto_01, foto_09, dsb.

Mengapakah saya perlu mencari fail 0 bait?

Fail 0 bait mengandungi nama fail semata-mata. Mustahil untuk memulihkan kandungan fail sedemikian. Contohnya, jika anda telah menghapuskan fail dengan nama fail yang amat sulit dan ingin memastikan bahawa fail ini tidak sama sekali boleh ditemui sekali lagi, anda boleh memasukkan fail 0 bait dalam carian.

Mengapakah saya hanya perlu mencari fail dalam keadaan baik?

Dengan fail yang berada dalam keadaan baik, anda mempunyai peluang yang baik untuk memulihkan fail sepenuhnya.

Klik **Seterusnya** untuk memulakan carian.

AVG Undelete mencari setiap pemacu yang dipilih seterusnya. Untuk cakera keras besar dan jika anda tidak memasukkan sebarang terma carian, carian boleh mengambil masa yang agak lama.

Keputusan carian memaparkan nama fail, lokasi storan asal (folder), saiz, jenis fail, tarikh ditukar kali terakhir dan jangkakan **keadaan fail**.



10.4.2. Pemulihan Fail

Keadaan fail yang dihapuskan

Untuk setiap fail yang dihapuskan, **AVG Undelete** menentukan kemungkinan keadaannya. Sudah tentu maklumat ini paling penting pada tahap ini: anda menerima ramalan paling tepat sama ada fail boleh dipulihkan sekali lagi sepenuhnya.

Keadaan baik

Jika keadaan fail berkemungkinan baik, tempat fail yang asalnya diambil pada cakera keras tidak akan digantikan dengan fail lain. Oleh itu, kemungkinan besar fail boleh berjaya dipulihkan.

Keadaan teruk

Jika keadaan fail berkemungkinan teruk, ini bermakna bahawa tempat yang ia ambil pada cakera keras sebelum ini, sebahagiannya akan ditulis ganti oleh fail lain. Walau bagaimanapun, masih terdapat peluang bahawa sekurang-kurangnya beberapa fail boleh dipulihkan. Walau bagaimanapun, keputusan tepat pemulihan tidak boleh ditentukan pada masa ini.

Memulihkan fail

1. Pilih fail yang anda ingin pulihkan.

Gunakan Ctrl-klik untuk memilih berbilang fail.

2. Klik **Pulihkan** untuk memulakan cubaan pemulihan.
3. Tentukan sama ada fail perlu dipulihkan kepada folder asal atau lokasi lain.

Jika anda ingin memilih lokasi lain, hierarki folder muncul dan anda boleh memilih folder atau mencipta folder baharu. Klik **OK** untuk mengesahkan entri anda.

Kini **AVG Undelete** memulihkan fail yang dipilih ke lokasi yang ditetapkan.

Anda juga boleh keluar daripada dialog pada bila-bila masa dengan menekan **Batal**.

Adakah pemulihan berjaya?

Sebaik sahaja pemulihan selesai, anda boleh cuba membuka fail. Jika ini berfungsi, fail berjaya dipulihkan. Jika ini tidak berfungsi, fail mungkin sudah ditulis ganti oleh fail lain.

Jika sekarang anda ingin menggunakan program lain untuk memulihkan fail yang dihapuskan, bagi memastikan bahawa anda telah mencuba segala-galanya, kami amat menggesa supaya anda tidak memasang ini pada cakera keras yang sama seperti tempat fail disimpan.



11. Semua Fungsi

Di bahagian paling kanan Papan Pemuka, anda akan melihat menu **Semua fungsi**. Membuka menu ini memberikan anda senarai semua fungsi yang ditawarkan **AVG PC TuneUp** - diisih dengan jelas mengikut kawasan aplikasi. Mengklik pada ikon perengkuh bersebelahan entri membuka tetapan untuk entri tersebut, yang boleh disesuaikan mengikut keperluan peribadi anda.



Anda akan menemui kebanyakan fungsi ini dalam paparan ini dan dalam satu daripada lima kategori itu.

Namun begitu, and hanya akan menemui fungsi berikut dalam menu ini:

Program Yang Dipasang

Tunjukkan program latar belakang & permulaan

Membenarkan anda melumpuhkan program yang tidak digunakan pada masa ini, tetapi tidak bercadang untuk menyahpangannya.

Lihat juga [Cara Melumpuhkan Program Latar Belakang & Permulaan](#).

Semak kemas kini program saya

Menyemak perisian yang sudah usang pada PC dan membolehkan anda memuat turun serta memasang kemas kini program terkini.

Lihat juga [Cara Mengemas Kini Perisian Usang](#).



Nyahpasang program yang tidak digunakan

Menunjukkan semua program yang dipasang pada PC anda dengan maklumat terperinci mengenainya dan membenarkan anda memilih program untuk dinyahpasang.

Lihat juga [Cara Menyahpasang Program](#).

Cakera Keras

Nyahfragmen

Mengatur semula blok data pada cakera keras anda, menyediakan lebih ruang cakera dan masa pemuatan lebih cepat untuk dokumen dan program.

Lihat juga [Cara Menyahfragmen Cakera Keras Anda](#).

Semak ralat

Menyemak ralat pada permukaan cakera keras dan struktur sistem fail anda dan membetulkannya bagi menghalang kehilangan data.

Lihat juga [Cara Menyemak Cakera Keras Anda](#).

Hapuskan data dengan selamat

Memberikan anda tiga pilihan untuk menghapuskan fail atau folder anda supaya ia tidak boleh dipulihkan, walaupun oleh profesional.

Lihat juga [Cara Menghapuskan Data Dengan Selamat](#).

Pulihkan fail yang dihapuskan

Mencari fail yang dihapuskan pada cakera keras serta pembawa data mudah alih anda dan memulihkannya.

Lihat juga [Cara Mencari Fail Yang Dihapuskan](#).

Alih keluar fail pendua

Mencari pelbagai fail pendua pada cakera keras anda dan membenarkan anda untuk mengalihnya keluar.

Lihat juga [Cara Mencari Fail Pendua](#).

Cari fail & folder bersaiz besar

Membenarkan anda mencari dan menghapuskan jumlah data yang besar pada media storan anda, untuk mencipta lebih banyak ruang cakera.

Lihat juga [Cara Menjalankan Analisis](#).



Data penggunaan

Bersihkan cache & log sistem

Mencari fail, protokol, senarai sejarah, fail sandaran dan fail sementara yang tidak diperlukan dan boleh dialih keluar dengan selamat dari cakera keras tanpa apa-apa kesan negatif pada sistem anda.

Lihat juga [Cara Membersihkan Windows dan Program](#).

Bersihkan data pelayar

Membersihkan cache, kuki dan sejarah Internet pelayar anda, dengan pasti membuang jejak aktiviti pelayaran anda.

Lihat juga [Cara Membersihkan Pelayar Anda](#).

Alih keluar pintasan rosak

Mencari pintasan dan rujukan yang tidak lagi sah pada sistem anda dan menghapuskannya. Ini menghalang mesej ralat apabila rujukan ini dipanggil.

Lihat juga [Cara Mengalih Keluar Pintasan Rosak](#).

Daftaran

Nyahfragmen daftaran

Menulis ganti pangkalan data pusat bagi sistem Windows anda (Daftaran), menghapuskan jurang dan ralat berstruktur untuk mencipta sistem yang lebih stabil.

Lihat juga [Cara Menyahfragmen Daftaran](#).

Bersihkan daftaran

Mencari entri rosak secara khusus dalam pangkalan data pusat bagi sistem Windows anda (daftaran) dan membaiki atau mengalihnya keluar untuk mencipta sistem yang lebih stabil.

Lihat juga [Cara Membersihkan Daftaran](#).

Sunting daftaran

Modul **AVG Registry Editor** memberikan anda pilihan untuk mencari kunci dan nilai dengan cepat dan mudah dalam daftaran dan membuat perubahan. Sila ambil perhatian bahawa ciri ini seharusnya digunakan oleh pengguna berpengalaman sahaja.

Lihat juga [Cara Menyunting Daftaran Anda](#).



Komputer

Hidupkan Mod Ekonomi

Mengurangkan penggunaan kuasa komputer anda dengan membuat penggunaan optimum bagi potensi penjimatan tenaga.

Lihat juga [Mod Ekonomi](#).

Mod Standard

Membolehkan anda menggunakan semua perkhidmatan dan ciri penalaan tanpa had.

Lihat juga [Mod Standard](#).

Hidupkan Mod Turbo

Membenarkan anda mematikan program latar belakang atau proses penyelenggaraan yang tidak diperlukan buat sementara waktu untuk menggalakkan prestasi komputer anda.

Lihat juga [Mod Turbo](#).

Mulakan Penyelenggaraan

Menyemak pilihan pengoptimuman pada sistem anda dan kemudian membenarkan anda melaksanakan pengoptimuman ini secara terus.

Lihat juga [Penyelenggaraan 1 Klik](#).

Konfigurasi penyelenggaraan Automatik

Membenarkan anda menentukan tugas penyelenggaraan yang perlu berjalan secara automatik pada selang masa yang tetap.

Lihat juga [Menukar Tetapan Penyelenggaraan](#).

Tunjukkan maklumat sistem

Menunjukkan maklumat penting kepada anda mengenai perkakasan dan perisian anda serta prestasi komputer anda.

Lihat juga [Cara Menunjukkan Maklumat Sistem](#).

Cadangan

Tunjukkan cadangan meningkatkan kelajuan

Menunjukkan anda cadangan untuk meningkatkan prestasi sistem anda dengan membuat pengubahsuaian ke perkakasan dan perisian, tetapan Internet dan kesan visual.

Lihat juga [Meningkatkan Prestasi Komputer Anda](#).



Optimumkan permulaan & penutupan sistem

Menyemak komputer anda untuk cadangan melajukan permulaan dan penutupan sistem, iaitu melumpuhkan permulaan program yang tidak diperlukan.

Lihat juga [Mengoptimumkan Sistem](#).

Windows

Betulkan masalah biasa

Menunjukkan senarai masalah Windows yang biasa kepada anda dan membenarkan anda menyelesaikan masalah anda dengan mudah.

Lihat juga [Cara Membetulkan Masalah Biasa](#).

Ubah suai tetapan Windows

Membenarkan anda mengubah suai kesan visual, pilihan pelayar, desktop, log masuk pengguna dan lebih kepada keperluan peribadi anda.

Lihat juga [Peribadikan Pilihan dan Tingkah Laku](#).

Ubah suai penampilan Windows

Membenarkan anda menukar antara muka pengguna Windows mengikut keinginan dan keperluan peribadi anda.

Lihat juga [Peribadikan Penampilan Windows](#).

Tunjukkan program yang menggunakan CPU

Membenarkan anda melihat proses yang sedang berjalan dan membuka fail serta untuk keluar atau menutup proses ini sekiranya berlaku masalah.

Lihat juga [Cara Mengurus Proses Sedang Berjalan](#).

Peranti Mudah Alih

Bersihkan iPhone, iPad atau iPod touch

Membenarkan anda menyambungkan peranti iOS ke PC anda dan membersihkan fail sarap yang tidak diperlukannya dengan cepat.

Lihat juga [Cara Membersihkan peranti iOS](#).



AVG PC TuneUp

Buka Rescue Center

Membenarkan anda untuk menyongsangkan perubahan yang dilakukan dengan AVG PC TuneUp atau untuk menggunakan titik pemulihan Windows.

Lihat juga [Membuat Asal Perubahan](#).

Tunjukkan Laporan Pengoptimuman

Laporan pengoptimuman menunjukkan kepada anda apa yang AVG PC TuneUp telah optimumkan pada komputer anda sehingga kini.

Lihat juga [Cara Memaparkan Laporan Pengoptimuman AVG](#).

Tetapan

Membenarkan anda menyesuaikan AVG PC TuneUp untuk disesuaikan dengan keperluan anda, menggunakan tetapan penyelenggaraan dan mengkonfigurasi Pengoptimuman Langsung, Mod Turbo dan semakan kemas kini untuk AVG PC TuneUp.

Konfigurasi Pengoptimuman Langsung

Membenarkan anda untuk mengaktifkan dua langkah pengoptimuman bagi meningkatkan kadar respons dan kelajuan permulaan sistem.

Lihat juga [Mengkonfigurasi Pengoptimuman Langsung](#).

11.1. Membersihkan Daftaran

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Registry Cleaner** untuk membersihkan daftaran dan **mengapa penting** untuk anda melakukannya.

Daftaran ialah jantung bagi sistem Windows. Ia merupakan tempat Windows menyimpan entri secara berterusan (nilai dan kunci). Selain itu, setiap program yang baharu dipasang dan setiap item perkakasan yang baharu disambungkan dimasukkan dalam daftaran di mana ia merekodkan kunci dan nilai. Apabila anda memulakan program, Windows tidak memanggil program ini secara terus. Sebaliknya ia membuka program menggunakan kunci dalam daftaran, yang telah dicipta di sana semasa program dipasang. Entri ini juga mesti dihapuskan daripada daftaran apabila program dinyahpasang kerana ia tidak lagi diperlukan. Inilah yang lazimnya berlaku, walau bagaimanapun, Windows tidak menghapuskan entri ini dengan betul, yang menyebabkan banyak entri tidak sah terbina dari semasa ke semasa.

Entri ini bukan sahaja dicipta apabila program dipasang, tetapi juga semasa banyak tugas lain. Contohnya, senarai sejarah dokumen yang digunakan baru-baru ini dalam menu Mula berfungsi menggunakan entri dalam daftaran. Rujukan ini menjadi tidak sah apabila anda mengalih atau menghapuskan dokumen. Oleh sebab Windows tidak membersihkan daftaran secara kerap, kami mengesyorkan anda melakukannya sendiri dengan **AVG Registry Cleaner**.

Dengan membersihkan daftaran anda secara kerap, seluruh sistem anda dan semua program anda akan menjadi lebih stabil. Inilah sebabnya ini merupakan satu daripada fungsi yang **AVG PC TuneUp** boleh berjalan secara kerap sebagai sebahagian daripada **Penyelenggaraan Automatik**.



Sebelum pembersihan boleh berjalan, daftaran mesti disemak untuk mencari masalah. Anda boleh membetulkan semua ini serentak atau secara berasingan.

11.1.1. Cara Membersihkan Daftaran

Cara Membersihkan Daftaran

Lancarkan modul **AVG Registry Cleaner** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Baiki daftaran** di bawah **Daftaran**.

Pertama, daftaran anda mesti disemak untuk mencari masalah. Pilih satu daripada dua jenis imbasan:

1. Imbasan Lengkap

Kami mengesyorkan imbasan lengkap kerana ia menyemak masalah pada seluruh daftaran.

2. Imbasan tersuai

Mengimbas daftaran boleh mengambil masa beberapa minit. Semasa imbasannya sedang dalam proses, anda boleh memantau kemajuannya.

Jika masalah ditemui, anda mempunyai dua pilihan:

Paparkan masalah

Klik **Paparkan masalah** untuk memaparkan penerangan terperinci dan **mengecualikan sebarang masalah individu daripada pembersihan** (lihat Fungsi Tambahan dalam Menu Utama AVG Registry Cleaner).

Betulkan Masalah Dengan Segera

Pilih **Betulkan masalah dengan segera** dan klik **Seterusnya** untuk membetulkan semua masalah yang dikesan dengan segera. Daftaran anda kini bebas daripada semua beban yang tidak diperlukan dan sistem anda lebih stabil.

Jika selepas pembersihan telah selesai, butang **Semak semula** dipaparkan, ketahui lebih lanjut di sini:

Semak Semula

Kadangkala, butang **Semak semula** dipaparkan dan wizard mencadangkan supaya anda menyemak semula sistem anda. Perkara ini sering berlaku jika entri baharu dalam daftaran telah dijadikan tidak sah oleh pembersihan. Ini bukan ralat dalam modul tetapi reaksi berantai yang boleh berlaku terutamanya dalam kawasan **Komponen program** dan **Jenis fail**.

Contoh:

Dalam daftaran, entri A merujuk kepada entri B, yang seterusnya merujuk kepada fail X yang hilang. Dalam imbasan pertama, **AVG Registry Cleaner** menentukan bahawa entri B tidak sah kerana fail X tidak ditemui. Entri B dihapuskan semasa pembersihan. Hal ini seterusnya menjadikan entri A tidak sah kerana ia merujuk kepada entri B yang kini telah dihapuskan.

1. Klik **Semak semula**.



Kedua-dua kategori ini sahaja akan dianalisis semula.

2. Klik **Selesai** untuk menutup wizard.

Ulang pembersihan sekerap yang diperlukan. Sebaik sahaja tiada masalah baharu ditemui, anda boleh keluar daripada modul ini - dengan keyakinan bahawa anda telah mengalih keluar banyak fail sarap daripada sistem anda.

Jika tiada masalah yang ditemui, klik **Selesai**. Ini membawa anda ke tettingkap utama **AVG Registry Cleaner**.

11.1.2. Apakah yang Disemak?

Apakah yang Disemak?

Jadual berikut menunjukkan kepada anda kawasan daftaran yang **AVG Registry Cleaner** semak semasa imbasan penuh. Anda boleh memilih daripada pilihan ini semasa imbasan takrifan pengguna.

Kawasan	Penerangan
Isyarat Boleh Dengar	Untuk sistem dan acara program tertentu seperti mesej ralat, fail bunti dimainkan. Ini dimainkan dengan mengakses entri sepadan dalam daftaran; walau bagaimanapun, entri-entri ini tidak sah sebaik sahaja fail bunyi tidak lagi wujud.
Program Permulaan	Banyak program bermula secara automatik bersama Windows (cth. pengimbas virus). Ini berlaku melalui entri dalam bahagian permulaan daftaran. Apabila program sedemikian dinyahpasang, entri-entri ini kerap tidak dihapuskan.
Jenis Fail	Entri dalam kawasan daftaran ini memautkan satu atau lebih sambungan fail (cth. .txt atau .doc) dengan pelbagai maklumat (seperti program yang perlu dibuka untuk membukanya). Entri sedemikian boleh menjadi tidak sah, contohnya melalui penyahpasangan program.
Pemacu Pangkalan Data	Semasa pemasangan, sesetengah program menyimpan entri pada pemacu pangkalan data dan sumber data dalam daftaran. Entri ini boleh menjadi tidak sah melalui penyahpasangan program ini atau pengalihan atau penghapusan sumber data individu. Entri tidak sah kerap dicipta semasa pemasangan itu sendiri.
Fail Biasa	Bahagian daftaran ini mengandungi rujukan kepada fail dan pustaka program (DLL) yang biasanya memerlukan akses oleh beberapa program. Apabila program sedemikian dinyahpasang, entri-entri ini kerap tidak dihapuskan.
Fail Bantuan	Banyak rekod program dalam daftaran, lokasi fail bantuannya. Apabila program sedemikian dinyahpasang, entri-entri ini kerap tidak dihapuskan.
Program Yang Dipasang	Setiap program meninggalkan entri dalam kawasan daftaran ini. Senarai semua program dalam Panel Kawalan disusun daripada entri ini. Semasa program



	dinyahpasang, entri ini sering tidak dihapuskan dan percanggahan timbul dalam senarai ini.
Tetapan Program	Setiap program dipasang pada komputer boleh mencipta entri dengan maklumat khusus program dalam daftaran (cth. data atau laluan program). Apabila program dinyahpasang, entri-entri ini kerap tidak dihapuskan.
Sambungan Program	Kawasan daftaran ini mengandungi rujukan kepada sambungan seperti kodek audio dan video atau tambahan Internet Explorer, yang meningkatkan kefungsiannya program individu (cth. dengan entri menu baharu atau entri bar alat baharu). Jika program atau sambungan ini dinyahpasang, entri ini kerap tidak dihapuskan.
Komponen Program	Banyak program Windows mengakses komponen ActiveX dan COM menggunakan entri dalam kawasan daftaran ini. Entri ini dicipta apabila program seperti ini dipasang, tetapi kerap tidak dihapuskan semasa penyahpasangan. Sesetengah program membuat entri yang tidak sah semasa pemasangan.
Laluan Program	Folder pemasangan sesetengah program disimpan dalam daftaran untuk membenarkan program ini dijalankan secara terus melalui "Mula -> Jalan". Apabila program sedemikian dinyahpasang, entri-entri ini kerap tidak dihapuskan.
Fon	Windows menyimpan entri dalam kawasan daftaran ini untuk semua fon yang dipasang pada komputer anda. Memandangkan entri ini kerap tidak dihapuskan semasa fon dinyahpasang, Windows membuat percubaan yang sia-sia untuk memuatkan fon ini setiap kali sistem dimulakan.
Senarai Sejarah	Windows dan banyak program mempunyai senarai sejarah, iaitu log, contohnya, fail yang kali terakhir anda kerjakan. Ini disimpan dalam daftaran sebagai rujukan. Dengan menghapuskan atau mengalih fail, entri ini menjadi tidak sah.
Windows Firewall	Windows firewall menyimpan program yang boleh menerima sambungan rangkaian masuk dan menyimpan entri untuk setiap satu program itu dalam daftaran. Entri ini boleh menjadi tidak betul atau tidak sah jika, contohnya, satu daripada program ini dinyahpasang.

la hendaklah jelas maka dengan itu, fail yang dihapuskan boleh meninggalkan banyak "hantu" dalam daftaran. **AVG Registry Cleaner** menemui semua entri yatim ini dan boleh menghapuskannya dengan gaya yang disasarkan. Oleh itu, kami mengesyorkan anda melaksanakan imbasan penuh.



11.1.3. Fungsi Tambahan dalam Menu Utama AVG Registry Cleaner.

Fungsi Tambahan dalam Menu Utama AVG Registry Cleaner

Memaparkan Butiran dan Mengecualikan Masalah daripada Pembersihan

Jika anda klik menerusi pelbagai bahagian dalam lajur kiri, anda akan melihat **Penerangan** terperinci di bahagian atas tettingkap, menerangkan cara masalah boleh berlaku dalam kawasan tersebut.

Jika masalah ditemui dalam sesuatu kawasan, senarai masalah secara berasingan turut dipaparkan dengan maklumat lanjut. Pilih entri dalam senarai untuk memaparkan analisis masalah itu dengan lebih menyeluruh.

Di sini anda turut boleh mengecualikan masalah tertentu daripada pembersihan dengan membuang tanda kotak semak yang berkaitan.

Jika penerangan masalah tidak dapat dilihat, klik Butiran dalam bar alat.

Menjalankan Pembersihan

Untuk memulakan pembersihan dari tettingkap utama **AVG Registry Cleaner**, klik **Mulakan pembersihan**. Jika anda telah mengecualikan masalah daripada pembersihan, masalah ini tidak akan dibaiki.

Jika selepas pembersihan telah selesai, butang **Semak semula** dipaparkan, ketahui lebih lanjut di sini:

Semak Semula

Kadangkala, butang **Semak semula** dipaparkan dan wizard mencadangkan supaya anda menyemak semula sistem anda. Perkara ini sering berlaku jika entri baharu dalam daftaran telah dijadikan tidak sah oleh pembersihan. Ini bukan ralat dalam modul tetapi reaksi berantai yang boleh berlaku terutamanya dalam kawasan **Komponen program** dan **Jenis fail**.

Contoh:

Dalam daftaran, entri A merujuk kepada entri B, yang seterusnya merujuk kepada fail X yang hilang. Dalam imbasan pertama, AVG Registry Cleaner menentukan bahawa entri B tidak sah kerana fail X tidak ditemui. Entri B dihapuskan semasa pembersihan. Hal ini seterusnya menjadikan entri A tidak sah kerana ia merujuk kepada entri B yang kini telah dihapuskan.

1. Klik **Semak semula**.

Kedua-dua kategori ini sahaja akan dianalisis semula.

2. Klik **Selesai** untuk menutup wizard.

Ulang pembersihan sekerap yang diperlukan. Sebaik sahaja tiada masalah baharu ditemui, anda boleh keluar daripada modul ini - dengan keyakinan bahawa anda telah mengali keluar banyak fail sarap daripada sistem anda.

Fungsi untuk Pengguna Lanjutan

Jika anda pasti ingin mengecualikan kawasan individu daripada pembersihan atau ingin melihat entri dalam daftaran mahupun menyuntingnya, anda akan mendapati fungsi berikut berguna:



Abaikan Masalah

Anda boleh mengalih keluar masalah secara berasingan daripada senarai supaya masalah ini tidak ditemui oleh analisis.

Untuk ini, lakukan langkah berikut:

1. Pilih masalah daripada senarai kawasan yang berkaitan.
2. Dalam menu **Sunting**, pilih **Abaikan masalah**.

Anda juga boleh pergi ke fungsi ini menggunakan menu konteks entri senarai.

Sertakan Masalah yang Diabaikan Semula

Jika anda tidak ingin mengabaikan masalah lagi, anda boleh menambahkannya semula pada analisis.

Untuk ini, lakukan langkah berikut:

1. Dalam menu Fail, pilih Masalah yang diabaikan.
2. Serlahkannya dalam senarai dan klik **Alih keluar**.

Tunjukkan Entri dalam Daftaran

Dari senarai masalah terperinci bagi satu kawasan, anda boleh pergi terus ke entri yang berkaitan dalam daftaran untuk setiap masalah.

Untuk ini, lakukan langkah berikut:

1. Pilih masalah daripada senarai.
2. Dalam menu **Sunting**, pilih **Butiran masalah** dan **Pergi ke kunci**.

Anda juga boleh pergi ke fungsi ini menggunakan menu konteks entri senarai.

Menyunting Daftaran

Dalam bar alat, klik **Registry Editor** untuk terus memanggil modul **AVG PC TuneUp** untuk menyunting daftaran.

11.2. Membersihkan iPhone, iPad atau iPod touch

Dalam bab ini, anda akan mengetahui cara anda boleh menggunakan modul **AVG Cleaner for iOS** untuk mengimbas fail sarap yang tidak diperlukan pada peranti iPhone, iPad atau iPod touch anda dan selepas itu untuk menghapuskan fail sedemikian dalam sekelip mata.

Peranti iOS, misalnya iPhone, iPad atau iPod, sekarang amat popular dan tersebar luas. Pengguna menggunakannya bagi semua jenis tujuan – mereka mendengar muzik, menonton video, membaca berita atau hanya melayari web. Walau bagaimanapun, ini memerlukan sebilangan besar aplikasi berbeza yang mencipta banyak fail sementara yang tidak diperlukan dan agak tidak berguna. Fail sarap sedemikian sememangnya beban yang besar, kerana ia memakan ruang dan menjejaskan dengan teruk kelajuan peranti yang berjalan.



AVG Cleaner for iOS datang dengan penyelesaian paling berkesan dan unik lagi ringkas. Anda hanya perlu menyambungkan peranti iOS anda ke PC anda melalui kabel USB dan menjalankan imbasan. Imbasan ini akan memberitahu dengan pantas mengenai fail yang boleh dibersihkan bagi mengosongkan kembali ruang tambahan untuk digunakan. Modul ini berupaya mengesan fail sedemikian seperti fail aplikasi sementara, kuki atau imej kecil imej. Kemudian, anda boleh menghapuskan semua fail yang memenuhi ruang ini dengan hampir sekelip mata, seterusnya mendapatkan semula kapasiti storan yang mungkin telah dianggap hilang buat selama-lamanya.

Sila ambil perhatian bahawa apabila anda menyambung iPhone, iPad atau iPod touch ke komputer dengan AVG PC TuneUp dan Apple iTunes telah dipasang, gelembung pemberitahuan muncul secara automatik memberitahu anda bahawa terdapat cara untuk membuang fail sarap yang tidak diperlukan daripada peranti ini. Mengklik gelembung ini membuka skrin alu-aluan modul AVG Cleaner for iOS. Sudah tentu, anda hanya boleh menutup gelembung dan menjalankan modul ini kemudian (kali ini secara terus daripada antara muka pengguna AVG PC TuneUp).

Sila ambil perhatian bahawa peranti yang menjalankan iOS 8.3 dan yang lebih baharu tidak disokong oleh modul AVG Pembersih untuk iOS, kerana Apple telah menyekat akses ke sistem pengendaliannya.

11.2.1. Cara Membersihkan peranti iOS

1. Mulakan modul **AVG Cleaner untuk iOS** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Bersihkan iPhone, iPad atau iPod touch** di bawah **Peranti Mudah Alih**.
2. Untuk berfungsi dengan betul, modul **AVG Cleaner untuk iOS** memerlukan iTunes dipasang pada PC anda. iTunes ialah pemain media, pustaka media dan aplikasi pengurusan peranti mudah alih yang dibangunkan oleh Apple Inc. Ia boleh digunakan untuk memainkan, memuat turun dan mengatur audio dan video digital pada komputer peribadi.

Pada komputer yang telah memasang iTunes, langkah ini akan dilangkau. Walau bagaimanapun, jika anda belum mempunyai perisian ini lagi, klik butang **Muat Turun iTunes** (atau buka [laman web](#) berikut).

Dalam pelayar Internet anda, klik butang **Muat Turun Sekarang**. Tunggu sehingga fail pemasangan anda dimuat turun, kemudian jalankannya - selepas itu anda akan dibimbing melalui proses pemasangan. Sebaik sahaja pemasangan iTunes selesai, kembali ke dialog modul **AVG Cleaner untuk iOS**. Seperti yang anda boleh lihat, anda kini boleh terus ke langkah seterusnya.

Sila ambil perhatian bahawa iTunes hanya diperlukan kerana ia mengandungi fail yang diperlukan oleh modul AVG Cleaner untuk iOS untuk bersambung ke peranti anda. Anda tidak perlu membuka iTunes semasa proses pengimbasan atau pembersihan itu sendiri.

3. Sekarang, sambungkan peranti iOS anda ke PC anda melalui kabel USB.

Sila ambil perhatian bahawa peranti yang menjalankan iOS 8.3 dan yang lebih baharu tidak disokong oleh modul AVG Cleaner untuk iOS, kerana Apple telah menyekat akses ke sistem pengendaliannya. Oleh itu, sekiranya anda menggunakan iOS 8.3 atau lebih baharu, anda akan melihat mesej ralat dan sambungan tidak akan berjaya.

Pengecaman iPhone, iPad atau iPod touch biasanya mengambil masa beberapa saat. Anda mungkin digesa untuk membuka kunci peranti anda dan mengetik **Percaya** untuk teruskan. Sebaik sahaja sambungan berjaya dilakukan, anda akan melihat teks **Sambungkan Peranti** bertukar kepada **Bersambung Kepada**: dengan nama peranti anda di bawahnya. Sekarang anda boleh teruskan ke langkah akhir seterusnya - menjalankan imbasan.



4. Untuk melihat jumlah ruang yang anda boleh kosongkan dengan selamat, klik butang **Imbas Sekarang**. Anda tidak perlu risau sesuatu akan bertukar atau dialih keluar tanpa kebenaran anda, kerana ia hanya imbasan, bukannya pembersihan. Anda akan melihat keputusan dahulu supaya anda boleh menentukan cara mengendalikannya.

Proses imbasan boleh mengambil masa sehingga beberapa minit. Semasa imbasan, anda boleh terus melihat jumlah saiz dan bilangan item yang boleh dibersihkan. Anda sentiasa boleh menghentikan paksa proses dengan mengklik butang Batalkan (yang membuang semua penemuan dan membawa anda kembali ke dialog sebelumnya).

5. Proses imbasan boleh berakhir dalam dua cara. Sama ada tiada fail sarap ditemui (jadi anda boleh menutup sahaja modul **AVG Cleaner untuk iOS**) atau terdapat beberapa penemuan (yang jauh lebih biasa). Dalam kes kedua, dialog Keputusan Imbasan akan dipaparkan. [Klik di sini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pelbagai jenis fail sarap yang boleh dikesan pada iPhone, iPad atau iPod touch anda.](#)
6. Selepas melihat penemuan (dan mungkin memilih item yang anda ingin alih keluar), anda hanya perlu klik butang **Bersihkan Sekarang**. Proses pembersihan akan dilancarkan serta-merta, membenarkan anda untuk melihat kemajuannya - bilangan fail sarap yang sudah dialih keluar dan jumlah saiznya. Jangan cabut palam peranti iOS anda semasa pembersihan, kerana ia akan mengganggu seluruh prosedur.

Jika modul AVG Cleaner untuk iOS dilindungi oleh AVG Rescue Center (perlindungan ini dihidupkan secara lalai) dan ruang tidak mencukupi pada pemacu keras anda untuk melaksanakan sandaran, proses pembersihan tidak akan bermula. Anda perlu mengosongkan sedikit ruang cakera atau mematikan sandaran automatik dalam tetapan Rescue Center. Sekarang anda mungkin ingin membaca lebih lanjut mengenai [sandaran automatik dalam modul AVG Cleaner untuk iOS](#) atau sekadar mengetahui mengenai [perlindungan Rescue Center secara umum](#).

7. Proses pembersihan mengambil masa beberapa saat untuk selesai. Selepas itu, anda akan diberitahu mengenai keseluruhan bilangan dan saiz fail sarap yang dibuang. Tahniah! Peranti iOS anda telah berjaya dibersihkan, prestasinya telah ditingkatkan dan ruang storan tambahan telah diperoleh. Klik butang **Tutup** untuk membiarkan modul **AVG Cleaner untuk iOS**.

11.2.2. Fail sarap apakah yang boleh ditemui?

Apabila proses imbasan selesai, anda akan melihat dialog **Keputusan imbasan** - reben dibahagikan kepada beberapa segmen yang diwarnakan secara berbeza (berdasarkan kategori fail sarap). Segmen individu reben dipaparkan mengikut kadar, misalnya saiznya bergantung pada peratusan keseluruhan ruang boleh dibersihkan yang ia wakili.

Jenis fail sarap berikut boleh dibersihkan:

Kategori	Penerangan
Fail Sementara	Kategori ini mengandungi semua fail sementara tidak diperlukan yang dicipta oleh aplikasi yang boleh dialih keluar dengan selamat.
Kuki	Kategori ini mengandungi semua kuki yang dicipta oleh aplikasi boleh dibersihkan dengan selamat.
Fail Cache	Kategori ini mengandungi fail cache tidak diperlukan yang disimpan oleh aplikasi yang boleh dialih keluar dengan selamat.



Log Sistem	Kategori ini mengandungi laporan penggunaan sistem yang tidak diperlukan dan log ranap aplikasi yang dicipta oleh peranti anda yang selamat untuk dialih keluar.
Cache Imej Kecil	Kategori ini mengandungi imej kecil foto yang aplikasi pihak ketiga telah cipta pada peranti anda yang boleh dibersihkan dengan selamat. Foto anda sendiri TIDAK akan disentuh.
Cache Muat Turun	Kategori ini mengandungi apa-apa muat turun terganggu atau tidak lengkap.

Selepas anda mengapung kursor tetikus anda di atas segmen tertentu, anda akan melihat perihalan ringkas segmen ini, serta jumlah bilangan dan saiz item yang boleh dibersihkan di dalamnya.

Mengklik butang **Tunjukkan Butiran** di sudut kiri bawah tetingkap akan menukar dialog ke **paparan terperinci**. Ini membenarkan anda untuk memeriksa fail individu dalam setiap kategori yang akan dibersihkan. Dalam paparan ini, anda masih boleh melihat reben berbilang warna bagi kategori fail sarap; walau bagaimanapun, setiap kategori juga dipaparkan dalam lajur di kiri (bersama jumlah saiz dan bilangan item yang boleh dibersihkan di dalamnya), oleh itu anda boleh memilih atau menyahpilihnya sebagai keseluruhan (menggunakan kotak semak bersebelahan namanya). Di bahagian kanan, anda boleh melihat gambaran keseluruhan yang terperinci bagi kategori yang dipilih pada masa ini - terdapat satu senarai subkategori (cth. aplikasi individu) dan juga item tertentu (fail) dalam item. Apa sahaja boleh dipilih (dan dinyahpilih). Anda juga boleh menggunakan menu gulung bawah isih untuk mengisih item dalam setiap kategori (mengikut saiz atau namanya).

Keadaan semasa kategori (atau subkategori) boleh dikenal pasti melalui penampilan kotak semak bersebelahan namanya. Kotak semak kosong () bermakna kategori yang tidak dipilih sama sekali, manakala kotak semak bertanda () bermakna kategori yang sama sekali dipilih. Kotak semak dengan petak kecil di dalamnya () menandakan satu kategori (atau subkategori), yang hanya beberapa item dipilih untuk dibersihkan.

Mengklik butang **Sembunyikan Butiran** akan menukar paparan kembali kepada paparan asas yang ringkas. Walau bagaimanapun, semua item yang dipilih/tidak dipilih sebelum ini dalam kategori atau subkategori individu kekal dipilih/tidak dipilih.

Sekarang, semua yang kekal untuk dilakukan ialah memulakan proses pembersihan dengan mengklik butang **Bersihkan Sekarang**. [Klik di sini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai proses pembersihan dan keputusannya.](#)

11.2.3. Sandaran automatik

Sama seperti semua modul **AVG PC TuneUp** yang lain, **AVG Pembersih untuk iOS** secara lalainya dilindungi oleh [Rescue Center](#). Ini bermaksud bahawa sebelum setiap pembersihan, semua fail yang akan dialih keluar disandarkan dahulu pada pemacu keras anda. Sekiranya proses pembersihan menyebabkan kehilangan apa-apa data penting (biasanya, beberapa kemajuan permainan yang disimpan), anda boleh memilih untuk memulihkannya selepas itu.

Sandaran sedang dilaksanakan sebelum proses pembersihan (iaitu selepas anda mengklik butang **Bersihkan Sekarang**). Jika ruang cakera tidak mencukupi untuk mencipta sandaran, anda perlu mengosongkannya. Anda juga boleh mematikan sandaran automatik dalam [tetapan Rescue Center](#). Untuk melakukannya, klik pautan **Tetapan** (dalam bar menu di bahagian kanan sebelah atas Papan Pemuka **AVG PC TuneUp**), pilih item **Perlindungan Rescue Center** daripada senarai di sebelah kiri dan nyahtanda kotak **AVG Cleaner**



untuk iOS. Walau bagaimanapun, kami tidak mengesyorkan untuk mematikan ciri ini kerana adalah lebih selamat untuk mengelakkan diri anda daripada membuat asal perubahan yang mungkin tidak dikehendaki.

Daripada antara muka **AVG Pembersih untuk iOS**, anda boleh melihat dengan mudah sama ada perlindungan Rescue Center aktif atau tidak. Cuba lihat butang **Rescue Center** di sudut kanan sebelah atas dialog. Jika berwarna hijau, modul ini dilindungi oleh sandaran automatik; jika berwarna kelabu, perlindungan Rescue Center telah dilumpuhkan.

Bagaimanakah Saya Harus Pulihkan Data yang Hilang?

Untuk melakukannya, anda perlu melancarkan modul **AVG Rescue Center**. Ini boleh dilakukan sama ada daripada Papan Pemuka **AVG PC TuneUp** (dengan mengklik butang **Rescue Center** di penjuru bawah sebelah kanan) atau secara terus dari antara muka **AVG Cleaner untuk iOS** dengan menggunakan butang **Rescue Center** di penjuru atas sebelah kanannya.

Sila ambil perhatian bahawa memulihkan data yang hilang hanya berfungsi pada peranti dengan versi iOS lebih rendah daripada 8.3. Peranti dengan versi iOS 8.3 dan lebih baharu tidak disokong oleh modul AVG Cleaner untuk iOS, kerana Apple telah menyekat akses ke sistem pengendaliannya.

Dalam lajur kanan bahagian **Buat asal perubahan**, **AVG Rescue Center** memaparkan satu senarai semua sandaran disimpan yang diatur mengikut modul atau tarikh. Dalam hal sandaran **AVG Cleaner untuk iOS**, anda boleh melihat tarikh dan masa ciptaannya, jumlah bilangan dan saiz item dalam setiap sandaran dan semua di atas, nama peranti dari tempat ia dicipta. Oleh itu, anda tidak akan menghadapi masalah mencari sandaran yang ingin digunakan.

Selepas anda memilih sandaran dan mengesahkan pemulihannya, anda akan melihat dialog yang memberitahu anda bahawa anda perlu menyambungkan peranti yang betul. Guna kabel USB, tunggu sehingga sambungan berjaya dan klik butang **Teruskan**. Proses pemulihan akan bermula. Sewaktu proses sedang berlangsung, anda akan digesa untuk memulakan semula peranti iOS untuk memulihkan data (**AVG Rescue Center** boleh melakukannya secara automatik – hanya benarkannya dengan mengklik butang **Mula Semula**).

Jangan putus sambungan atau menggunakan peranti iOS anda kerana ini akan mengganggu proses pemulihan.

Apabila proses selesai, anda akan melihat satu dialog pengesahan terakhir. Tahniah! Anda telah berjaya memulihkan semua data dan kini boleh memutuskan sambungan peranti iOS anda dengan selamat.

11.3. Menyahfragmen Daftaran

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan modul **AVG Registry Defrag** untuk mengurangkan saiz daftaran dengan menyahfragmennya dan **mengapa penting untuk anda melakukannya**.

Daftaran ialah jantung bagi sistem Windows. Ia merupakan tempat Windows menyimpan entri secara berterusan (nilai dan kunci). Selain itu, setiap program yang baharu dipasang dan setiap perkakasan yang baharu disambungkan dimasukkan dalam daftaran di mana ia merekodkan kunci dan nilai.

Ini menyebabkan daftaran menjadi semakin besar. Walau bagaimanapun, semakin besar daftaran, semakin lama sistem perlu mencari maklumat tertentu yang diminta pada sebarang masa tertentu oleh program - Windows kemudiannya menjadi lebih perlahan. Apabila program dinyahpasang atau apabila daftaran dibersihkan, kunci dan nilai ini biasanya dihapuskan, tetapi walaupun setelah membersihkannya, daftaran tidak menjadi semakin kecil. Mengapakah ini berlaku? Ruang yang sebelum ini digunakan oleh kunci yang



telah dihapuskan terus wujud dalam daftaran - walaupun ia tidak digunakan lagi. Sehingga satu tahap daftaran anda akan kelihatan seperti keju Swiss - penuh dengan lubang.

Ini benar-benar membazirkan ruang dari segi prestasi sistem - bukan sahaja pada cakera keras tetapi juga dalam memori. **AVG Registry Defrag** mampu memampatkan daftaran supaya ia menjadi lebih kecil. Fungsi ini meningkatkan kestabilan sistem Windows anda.

AVG Registry Defrag menganalisis daftaran dan mencipta keseluruhan versi daftaran yang baharu yang mengandungi hanya data yang tidak rosak, dalam susunan yang betul. Daftaran lama dihapuskan mengikut langkah ini dan digantikan secara automatik dengan versi baharu apabila komputer dimulakan semula.

11.3.1. Cara Menyahfragmen Daftaran

Cara Menyahfragmen Daftaran

Lancarkan modul **AVG Registry Defrag** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Nyahfragmen daftaran** di bawah **Daftaran**.

Satu skrin pengenalan dipaparkan. Klik **Seterusnya** untuk memulakan analisis.

AVG Registry Defrag menentukan sebanyak mana daftaran difragmen dan sama ada pengoptimuman diperlukan.

Sebelum analisis, satu mesej muncul menasihatkan anda supaya menutup semua program lain. Semasa analisis, **AVG Registry Defrag** menukar skrin menjadi kelabu dan memaparkan dialog tunggu. Jam kecil berkelip di sudut kiri sebelah atas tettingkap ini menunjukkan kepada anda bahawa modul masih berfungsi. Bar kemajuan juga ditunjukkan untuk memberitahu anda mengenai kemajuan analisis. Tidak perlu risau jika bar kemajuan tidak bergerak untuk beberapa minit.

Pilih masa anda ingin melaksanakan pengoptimuman. Modul menunjukkan keputusan analisis kepada anda. Jika terdapat potensi untuk pengoptimuman, anda boleh mengetahui jumlah peratus dan kilobait saiz daftaran yang boleh dikurangkan di sini.

AVG Registry Defrag tidak boleh menulis semula daftaran semasa ia sedang berjalan, tetapi hanya selepas Windows telah bermula. Sekarang pilih sama ada anda ingin **memulakan semula komputer sekarang** atau sama ada anda lebih suka membenarkan pengoptimuman berjalan secara automatik **apabila Windows bermula kali berikutnya**. Sila ambil perhatian bahawa pengoptimuman boleh mengambil masa beberapa minit.

Jika anda menolak pengoptimuman atau hanya berminat dengan keputusan analisis daripada permulaan, anda boleh keluar daripada program dengan mengklik **Batal**.

11.4. Menyahfragmen Cakera Keras

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **mengapa penting untuk melakukannya** dan **cara** anda boleh menggunakan **AVG Drive Defrag** untuk menyahfragmen cakera keras anda.

Terdapat banyak sebab mengapa sebuah komputer boleh menjadi semakin perlahan dengan ketara dari semasa ke semasa. Satu daripadanya ialah pemecahan beransur-ansur cakera keras. Ini boleh diuraikan seperti berikut:



Fail baharu disimpan dahulu sebagai blok ke cakera keras kosong satu demi satu. Contohnya, jika kemudiannya anda menghapuskan fail di pertengahan, akan ada jurang dalam cakera keras. Windows menggunakan jurang ini kemudiannya untuk menyimpan fail seterusnya yang anda simpan pada cakera keras. Jika jurang ini tidak cukup besar, Windows kemudiannya memisahkan fail dan menyimpan separuh kedua di lokasi lain. Dari semasa ke semasa, lebih banyak jurang dicipta dan lebih banyak fail difragmen menjadi pecahan (fragmen), iaitu tahap pemecahan meningkat.

Ini benar-benar memperlahankan prestasi komputer anda: Setiap kali anda memanggil fail, ini perlu dibaca dari cakera keras, yang sudah tentu berlaku lebih pantas jika fail disimpan di satu tempat. Dalam istilah teknikal: Jika pemecahan tinggi, kepala pembacaan cakera keras mesti sentiasa dijajarkan semula supaya ia boleh memuatkan fragmen individu fail.

Satu cara mudah untuk melajukan sistem anda ialah dengan **menyahfragmen cakera keras**. Oleh sebab nyahfragmentasi konvensional sering mengambil masa yang lama, **AVG Drive Defrag** menawarkan dua mod berbeza kepada anda. Sama ada anda menentukan sendiri cara nyahfragmentasi perlu dilakukan, atau membenarkan **AVG Drive Defrag** membuat keputusan bagi pihak anda.

Ketahui di bawah apa yang sebenarnya berlaku semasa dua mod nyahfragmentasi:

Penyahfragmen Menyeluruh

Mod nyahfragmentasi ini menyusun fail yang baharu diisih khususnya secara bijak: fail sistem yang digunakan dengan kerap disimpan pada permulaan cakera keras, supaya Windows boleh menemuinya sekali lagi dengan cepat.

Jelas sekali bahawa mod nyahfragmentasi ini akan mengambil masa yang lebih lama berbanding hanya menggabungkan fail. Oleh itu, **AVG Drive Defrag** juga dijalankan dengan keutamaan rendah khususnya supaya anda boleh terus bekerja hampir tidak diganggu. Prosedur ini melajukan but Windows dengan ketara. Program yang kerap digunakan juga bermula dengan lebih pantas. Proses ini meningkatkan prestasi komputer dengan ketara.

Penyahfragmen Pantas

Mod nyahfragmentasi ini menggabungkan semua fail sekali lagi supaya ia boleh dibaca dengan lebih pantas.

Kelebihan kaedah ini ialah kelajuan yang dijalankannya: Prestasi cakera keras anda ditingkatkan dalam sekelip mata.

11.4.1. Cara Menyahfragmen Cakera Keras Anda

Cara Menyahfragmen Cakera Keras anda

Lancarkan modul **AVG Drive Defrag** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Nyahfragmen** di bawah **Cakera keras**.

Solid-state drives (Pemacu keadaan stabil - SSD) dikesan oleh **AVG PC TuneUp**. Pemacu ini tidak dianalisis atau dinyahfragmen kerana pemacu keadaan stabil tidak boleh dioptimumkan menerusi nyahfragmentasi dan pemacu ini boleh rosak menerusi proses nyahfragmentasi.

Pilih cakera keras yang perlu disemak untuk potensi pengoptimuman.

Pilih cara nyahfragmentasi perlu dilakukan berdasarkan analisis.



Memandangkan **AVG Drive Defrag** menawarkan dua jenis nyahfragmentasi yang berlainan, anda perlu tentukan sama ada jenis nyahfragmentasi harus bergantung kepada analisis sebelum anda memulakan analisis.

Daripada empat pilihan, pilihan pertama dipilih lebih awal kerana ia memberikan anda cadangan peribadi selepas analisis dan anda boleh **menentukan sendiri** cara nyahfragmentasi perlu dilakukan. Untuk tiga pilihan lain, penyahfragmen bermula sebaik sahaja analisis selesai. Walau bagaimanapun, jika analisis menentukan bahawa tahap pemecahan sangat rendah, nyahfragmentasi tidak akan dijalankan untuk tiga pilihan ini kerana **AVG Drive Defrag** menganggapnya tidak perlu.

Tunggu keputusan dan kemudian buat keputusan

Kami mencadangkan pilihan ini untuk anda. Sebaik sahaja analisis selesai, anda menentukan setiap cakera keras yang anda ingin jalankan sama ada penyahfragmen pantas atau menyeluruh. Anda juga boleh memutuskan di sini untuk tidak melakukan nyahfragmentasi.

Secara automatik seperti yang dicadangkan

AVG Drive Defrag membuat keputusan untuk anda dan menyahfragmen setiap cakera keras sebaik sahaja analisis selesai menggunakan mod yang sesuai dengan tahap pemecahan.

Menyeluruh secara automatik

Anda mengoptimumkan prestasi cakera keras anda sehingga butiran terakhir, walaupun ini bertahan lebih lama - tanpa mengambil kira keputusan analisis.

Pantas secara automatik

Anda ingin menjimatkan masa dan menyahfragmen setiap cakera keras terutamanya dengan pantas, tanpa mengambil kira tahap pemecahan.

Jika anda telah memilih pilihan **Tunggu keputusan dan kemudian buat keputusan**, anda akan melihat satu dialog di mana anda boleh memilih bagaimana setiap cakera keras perlu dinyahfragmenkan. Untuk semua pilihan lain, anda tidak perlu berbuat apa-apa lagi, kerana penyahfragmen akan berjalan secara automatik selepas analisis.

Pilih satu cakera keras dalam kawasan teratas dan pilih mod nyahfragmentasi.

AVG Drive Defrag menentukan hubungan antara kelajuan dan manfaat yang diperoleh dan memberikan anda cadangan berdasarkan ini.

Tentukan sama ada komputer perlu ditutup selepas nyahfragmentasi. Pastikan bahawa anda telah memilih mod penyahfragmen untuk setiap cakera keras.

Klik **Seterusnya** untuk memulakan nyahfragmentasi.

Semasa nyahfragmentasi, anda boleh memantau setiap cakera keras dalam masa nyata dan melihat bagaimana peta penggunaan berubah. Anda juga boleh melihat bar kemajuan dan menentukan kemajuan dan jumlah baki masa penyahfragmen.

Untuk mendapatkan petua dan cadangan lanjut, sila lihat [NTFS Berbanding FAT](#).



11.4.2. NTFS Dibandingkan dengan FAT

NTFS Dibandingkan dengan FAT

Cakera keras boleh menggunakan sistem fail NTFS seperti yang ditetapkan dalam versi Windows semasa sebagai keutamaan atau sistem FAT lama sebagai disokong oleh versi Windows pertama. Analisis peranti sebelum penyahfragmen ketara lebih laju pada pemacu NTFS. Untuk sistem FAT, pengguna mesti menunggu lebih lama dan boleh mengambil rehat minum kopi yang popular. Ini hanya satu daripada beberapa sebab sistem FAT lama perlu ditukar kepada sistem NTFS moden.

Sistem fail NTFS (NTFS = Sistem Fail Teknologi Baharu) ialah sistem fail daripada Windows NT dan penggantinya (cth. Windows 2000, Windows XP, Windows Vista) sehingga ke Windows 7. Ia menawarkan perlindungan akses difikirkan secara bijak ke tahap fail, membenarkan pengurusan keistimewaan yang fleksibel, menempatkan saiz fail di atas 4 GB, menawarkan pembetulan ralat automatik bagi sistem fail dan boleh menggunakan ruang storan bagi saiz cakera keras standard masa kini dalam keadaan yang jelas lebih efisien.

Jika cakera keras anda masih menggunakan sistem fail FAT, anda boleh menjalankan penukaran yang sangat ringkas.

Walaupun penukaran dianggap sangat selamat, anda hendaklah membuat sandaran bagi data yang anda simpan sebelum mencuba ini.

Klik ikon Windows Start untuk membuka **All Programs**, pergi ke **Accessories** dan klik **Command Prompt**. Jika anda memasukkan CONVERT.EXE C:/FS:NTFS dalam baris perintah, penukaran akan bermula.

Gantikan C: dengan huruf pemacu lain untuk menukar petak berbeza. Jika petak sistem ditukar, komputer perlu dimulakan semula. Dalam keadaan ini, ikut arahan pada skrin anda.

11.5. Menyunting Daftaran

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menyunting daftaran menggunakan modul **AVG Registry Editor**.

Sila ambil perhatian bahawa ciri ini hanya bertujuan untuk digunakan oleh pengguna berpengalaman.

Daftaran Windows sebenarnya satu pangkalan data pusat yang besar. Setiap item perkakasan atau perisian baharu yang anda pasang "didaftarkan" di sini. Dari semasa ke semasa, daftaran semakin membesar, menjadikannya semakin sukar untuk terus mengendalikan sesuatu.

Pakar dalam hal ini mencari alat yang sesuai untuk memasuki Windows dan mengubah beberapa tetapan secara manual hendaklah menggunakan **AVG Registry Editor**. Ia biasanya menyertakan perlindungan **AVG Rescue Center**, yang membolehkan semua perubahan yang telah dilakukan dibuat asal pada bila-bila masa.

11.5.1. Cara Menyunting Daftaran Anda

Mulakan modul **AVG Registry Editor** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Sunting daftaran** di bawah **Daftaran**.

Daftaran ialah jantung utama bagi sistem Windows anda. Sila ambil perhatian bahawa anda hendaklah pasti anda mengetahui apa yang anda sedang lakukan sebelum membuat sebarang perubahan di sini.



Dalam lajur bahagian kiri, Editor memaparkan daftaran dalam struktur pohon. Daftaran mengandungi banyak kunci yang diperincikan mengikut subjek ke dalam kategori yang berbeza. Kategori ini diwakili oleh folder dan subfolder yang berbeza.

Menunjukkan Kunci

Dwiklik pada folder di lajur bahagian kiri untuk memaparkan subfoldernya. Apabila anda tiba di hujung rantai hierarki, kunci individu dipaparkan di sebelah kanan.

Menyunting Kunci

Dalam menu konteks kunci, pilih fungsi penyuntingan yang berbeza. Anda boleh **menghapuskan** kunci, **menamakannya semula** dan **menyalinnya** pada papan klip. Anda juga boleh **menyunting** nilai kunci.

Dalam menu konteks folder, pilih **Baharu** untuk mencipta kunci baharu.

Menyemak Imbas Daftaran

Daripada menu Konteks folder dalam struktur pohon, pilih **Cari** untuk memulakan carian dalam daftaran. **AVG Registry Editor** menawarkan pilihan carian komprehensif kepada anda di sini.

Menunjukkan penanda halaman dan menetapkan penanda halaman

Pilih **Tetapkan penanda halaman** daripada menu konteks folder dalam struktur pohon supaya anda boleh mencari folder individu dengan lebih pantas pada masa hadapan.

Fungsi tambahan

Dalam bar menu, anda akan menemui banyak fungsi tambahan untuk menyunting daftaran anda. Contohnya, anda boleh mengeksport atau mencetak kawasan individu atau seluruh daftaran. Anda juga boleh menyunting daftaran menggunakan entri dalam bar alat.

11.6. Menukar Penampilan Windows

Bab berikutnya menerangkan **cara** anda boleh memperibadikan penampilan Windows dengan modul **AVG Styler**.

Sila ambil perhatian bahawa kategori "Skrin but" dan "Logo permulaan" hanya boleh digunakan pada Windows Vista.

Windows tidak akan menjadi sangat berguna tanpa antara muka pengguna grafiknya. Kepentingan antara muka menarik ditunjukkan oleh reka bentuk Windows Vista dan Windows 7 yang baharu: seluruh sistem dirasakan lebih baharu dan moden.

Tetapi sama seperti dalam fesyen, sungguh mudah menjadi bosan dengan reka bentuk baharu, apatah lagi orang yang sentiasa terganggu dengan apa yang mereka anggap rupa "manis".



Dengan **AVG Styler**, anda boleh menukar penampilan banyak elemen dalam Windows untuk disesuaikan dengan cita rasa peribadi anda. Anda akan sedikit terkejut dengan jumlah perubahan yang anda boleh lakukan di sini. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada tajuk kecil yang berkaitan:

1. [Cara Menukar Penampilan Windows](#)
2. [Skrin But](#)
3. [Petua untuk Skrin But yang Menarik](#)
4. [Logo Permulaan](#)
5. [Skrin Log Masuk](#)
6. [Elemen Sistem](#)
7. [Mengurus Pakej Ikon](#)
8. [Sistem Fail](#)
9. [Penampilan Ikon](#)
10. [Baiki](#)
11. [Gaya Visual](#)

11.6.1. Cara Menukar Penampilan Windows

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Tukar penampilan Windows** di bawah **Windows**.

Halaman mula **AVG Styler** terbuka di mana semua pilihan pelarasan modul boleh dicapai dengan pantas.

Klik pada kawasan di mana anda ingin membuat perubahan. Biarkan kreativiti anda bebas perintah dan reka sepenuhnya sistem Windows anda mengikut cita rasa anda sendiri.

11.6.2. Skrin But

Apabila anda but Windows, skrin hitam dipaparkan sebagai standard. **AVG Styler** membenarkan anda menukar skrin but ini kepada skrin but lain hanya dengan beberapa klik. Atau bebaskan imaginasi anda dan cipta **skrin but anda sendiri** dengan foto percutian kegemaran anda, sebagai contoh.

Sila ambil perhatian bahawa fungsi ini tidak tersedia dalam Windows 7 dan 8, kerana sistem pengendalian ini tidak menggunakan skrin but.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Tukar penampilan Windows**.

Pada bar navigasi, klik dalam kawasan kiri tettingkap pada **Skrin but**.



AVG Styler menyenaraikan semua skrin but yang tersedia. Kali pertama anda menggunakan modul, hanya skrin dalam senarai akan menjadi skrin but Windows lalai.

Anda boleh menambahkan **skrin but baharu** pada senarai sebelum akhirnya menerimanya. Untuk berbuat demikian, anda mempunyai pilihan-pilihan berikut:

Memuat turun skrin but yang dicipta sebelum ini

Di bahagian kiri sebelah atas, klik **Tambah** di bawah **Skrin but**.

Pilih entri **Muat Turun Skrin But daripada AVG Dalam Talian**.

Ini membawa anda ke tapak web di mana anda akan menemui pilihan skrin but berbeza yang banyak yang boleh digunakan untuk meningkatkan penampilan proses permulaan mengikut keinginan anda.

Klik pada skrin but.

Ini dibuka secara automatik dengan **AVG Styler** dan ditambahkan pada senarai.

Menambahkan Skrin But daripada Fail

Di bahagian kiri sebelah atas, klik **Tambah** di bawah **Skrin but**.

Pilih **Muatkan skrin but daripada fail**.

Tetingkap Explorer terbuka dan anda boleh memilih apa-apa fail yang diberikan pada komputer anda. Format berikut disokong:

Jenis	Sambungan fail	Penerangan
Skrin but AVG	.TBS	Format individu AVG Styler.
Stardock Bootskin	.BOOTSKIN	Format kebanyakan skrin but pada tapak web seperti www.wincustomize.com
Imej	.BMP; .PNG; .GIF; .JPG; .JPEG	Jika anda memilih imej dalam satu daripada format ini, dialog Cipta skrin but dipanggil secara automatik dengan imej ini, membenarkan anda untuk membuat pelarasan tambahan.
Fail Ntoskrnl.exe	.EXE	Teras sistem Windows XP, yang menempatkan gabungan skrin but.

Pilih skrin but baharu dan berikannya nama yang akan dipaparkan dalam senarai **AVG Styler**.

Anda juga boleh memasukkan nama pengarang. Skrin but yang baharu ditambahkan kini muncul dalam senarai. Anda boleh menambahkan skrin but tambahan.



Mencipta Skrin But anda Sendiri

Di bawah **Skrin but** klik **Cipta baharu**.

Wizard muncul di mana anda boleh mencari dan mengadaptasi imej. Anda boleh memilih imej pada komputer anda atau pada peranti storan luaran.

Anda juga mempunyai pilihan memindahkan dahulu imej daripada kamera atau pengimbas atau memulakan carian imej Google™ secara terus daripada **AVG Styler**. Dalam kedua-dua kes, anda menyimpan imej yang diperlukan ke lokasi yang anda boleh cari sekali lagi dengan mudah dan mengklik pada **Cari pemacu setempat** untuk memuatkan imej yang disimpan.

Mengoptimumkan penampilan imej baharu anda:

Sila ambil perhatian bahawa pilihan penjajaran yang tersedia hanya berkesan jika imej bukan saiz yang betul untuk skrin but (640 x 480 piksel). Di bawah **Latar belakang**, anda boleh menentukan warna yang akan digunakan untuk kawasan yang tidak dilindungi oleh imej anda.

Atas sebab teknikal, ini termasuk latar belakang bar kemajuan. Anda juga boleh menetapkan kedudukan, warna latar depan dan warna tepi untuk disesuaikan dengan cita rasa individu anda. Letakkan bar kemajuan di lokasi yang tidak mengganggu keseluruhan gambar.

Simpan skrin but baharu pada senarai **AVG Styler** di bawah nama yang anda pilih.

Anda juga boleh memasukkan nama pengarang. Skrin but yang baharu ditambahkan kini muncul dalam senarai.

Memulihkan lalai

Jika anda tidak lagi menyukai skrin but baharu anda, anda boleh memulihkan skrin Windows lalai pada bila-bila masa.

Klik pada butang **Pulihkan Lalai**.

Kemudian, skrin but lalai dipilih secara automatik daripada senarai dan pratonton terbuka.

Klik **Gunakan** untuk menggunakannya.

Pilih skrin but yang anda inginkan daripada senarai untuk dipratonton. Klik **Gunakan**. **AVG Styler** menerima skrin but yang baharu itu.

11.6.3. Petua untuk Skrin But Menarik

Harap maklum bahawa petua ini terpakai untuk Windows XP sahaja.

Atas sebab teknikal, semua skrin but dalam Windows XP hanya boleh mempunyai 16 warna, di mana sesetengahnya ditetapkan (cth. hitam). **AVG Styler** perlu mengurangkan julat warna yang lengkap dalam komposisi anda (biasanya 16.7 juta) kepada sangat sedikit apabila anda mengklik **Simpan skrin but**.



AVG Styler menggunakan algoritma canggih untuk proses ini menentukan 16 warna terbaik secara automatik untuk gambar anda. Jika gambar mengandungi terlalu banyak warna yang berbeza, hasil penukaran ini mungkin tidak memuaskan.

Pengalaman telah menunjukkan bahawa skrin but terbaik ialah skrin but yang hanya menggunakan sedikit warna yang berbeza. Ini bermakna bahawa imej yang mengandungi lebih banyak bayang biru yang berbeza dan hanya sedikit warna berkontras mungkin akan menjadikan skrin but menarik.

Tetapkan warna latar depan bar kemajuan kepada warna yang terkandung dalam imej anda. Dengan cara ini, anda tidak menggunakan satu daripada 16 warna berharga dalam bar kemajuan sahaja. Sekiranya boleh, elakkan tona kulit dalam skrin but anda. Imej dengan tona kulit biasanya tidak boleh dipaparkan dengan betul dengan hanya 16 warna (tanya mana-mana artis grafik). Sudah tentu, anda mungkin bernasib baik. Perkara terbaik untuk dilakukan ialah mencuba!

11.6.4. Logo Permulaan

Sila ambil perhatian bahawa fungsi ini hanya tersedia di Windows Vista kerana Windows XP, Windows 7 dan 8 tidak menggunakan logo permulaan.

Sebelum log masuk, logo Windows yang kecil dan beranimasi muncul. Dengan **AVG Styler** anda boleh menggantikan logo permulaan ini tanpa membuat gangguan berisiko dalam sistem.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Tukar penampilan Windows**.

Pada bar navigasi, klik dalam kawasan kiri tettingkap pada **Logo permulaan**.

AVG Styler menyenaraikan semua logo permulaan yang tersedia. Anda kini boleh **menambahkan** logo permulaan tambahan direka lebih awal atau mencipta **logo permulaan anda sendiri**.

Anda boleh menambahkan **logo permulaan baharu** pada senarai sebelum akhirnya anda menerimanya. Untuk berbuat demikian, anda mempunyai pilihan-pilihan berikut:

Memuat Turun Logo Permulaan Yang Dicipta Sebelumnya

Di bahagian kiri atas, di bawah **Logo permulaan**, klik **Tambah**.

Pilih entri **Muat Turun Logo Permulaan dari AVG Dalam Talian**.

Ini membawa anda ke tapak web di mana anda boleh menemui pilihan logo permulaan berbeza yang luas iaitu anda boleh meningkatkan penampilan proses permulaan secara tepat sebagaimana yang anda mahu. Di tapak web AVG, hanya klik pada logo permulaan. Ini kemudiannya dibuka secara automatik dengan AVG Styler dan ditambahkan pada senarai.

Logo permulaan menarik ini juga boleh disimpan sebagai fail (dengan sambungan .tla) ke pemacu kilat USB. Kemudian, anda boleh memindahkan logo permulaan ini ke mana-mana komputer di mana **AVG PC TuneUp** dipasang dengan mengklik **Tambah** dan **Muatkan logo permulaan daripada fail**.



Menambah Logo Permulaan daripada Fail

Di bahagian kiri atas, di bawah **Logo permulaan**, klik **Tambah**.

Pilih entri **Muatkan logo permulaan daripada fail**.

Satu tettingkap Explorer terbuka dan anda boleh memilih sebarang imej pada komputer anda untuk digunakan menggantikan logo permulaan beranimasi. Anda mendapat keputusan terbaik apabila imej anda dalam format 300x300 piksel.

Pilih logo permulaan baharu dan berikannya nama di mana ia akan termasuk dalam senarai **AVG Styler**.

Anda juga boleh memasukkan nama pengarang. Logo permulaan yang anda tambah kini muncul dalam senarai. Anda boleh menambahkan logo permulaan tambahan.

Mencipta Logo Permulaan Anda Sendiri

Di bawah **Logo permulaan** klik **Cipta baharu**.

Satu tettingkap Explorer terbuka dan anda memilih imej pada komputer anda atau medium storan luaran.

Simpan logo permulaan baharu ke senarai **AVG Styler** di bawah nama yang anda pilih.

Anda juga boleh memasukkan nama pengarang. Logo permulaan yang anda tambah kini muncul dalam senarai.

Memulihkan lalai

Jika anda tidak lagi ingin menggunakan logo permulaan anda yang baharu, sudah tentu anda boleh memulihkan Windows lalai pada bila-bila masa.

Klik pada **Gunakan lalai**.

Kemudian, logo permulaan lalai dipilih secara automatik daripada senarai dan pratonton terbuka.

Klik **Gunakan** untuk menggunakannya.

Untuk pratonton logo permulaan yang anda mahu, pilihnya dalam senarai. Anda juga boleh menganimasi pratonton dengan mengklik pada butang **Main**.

Klik **Gunakan**. **AVG Styler** menggunakan logo permulaan baharu.

11.6.5. Skrin Log Masuk

Sila ambil perhatian bahawa fungsi ini tidak tersedia dalam Windows 8, kerana sistem pengendalian ini tidak menggunakan skrin log masuk.

Jika anda berkongsi komputer anda dengan pengguna lain atau jika anda menggunakan kata laluan untuk melindungi akaun anda, anda akan biasa dengan skrin log masuk Windows. **AVG Styler** membolehkan anda menukar skrin log masuk untuk mengikut cita rasa peribadi anda.



Skrin log masuk ini menunjukkan senarai semua akaun pengguna. Pengguna mesti memilih akaun mereka daripada senarai ini, memasukkan kata laluan mereka (jika kata laluan ditetapkan) dan kemudian dilog masuk ke sistem.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Tukar penampilan Windows**.

Pada bar navigasi, klik dalam kawasan kiri tettingkap pada **Skrin log masuk**. **AVG Styler** menyenaraikan semua skrin log masuk yang tersedia. Kali pertama anda menggunakan modul, hanya skrin dalam senarai akan menjadi skrin log masuk Windows lalai.

Anda boleh menambah dahulu **skrin log masuk baharu** pada senarai sebelum akhirnya anda menerimanya. Untuk berbuat demikian, anda mempunyai pilihan-pilihan berikut:

Memuat Turun Skrin Log Masuk Yang Dicipta Sebelumnya

Klik **Tambah** di bahagian kiri atas di bawah **Skrin log masuk**.

Pilih entri **Muat Turun Skrin Log Masuk daripada AVG Dalam Talian**.

Ini membawa anda ke laman web di mana anda akan menemui pilihan meluas bagi skrin log masuk berbeza yang anda boleh gunakan untuk memberikan sistem anda gaya individu.

Klik pada skrin log masuk.

Ini dibuka secara automatik dengan **AVG Styler** dan ditambahkan pada senarai.

Menambah Skrin Log Masuk daripada Fail

Klik **Tambah** di bahagian kiri atas di bawah **Skrin log masuk**.

Pilih entri **Muatkan skrin log masuk daripada fail**.

Satu tettingkap Explorer terbuka dan anda boleh memilih fail pada komputer anda. Walau bagaimanapun, hanya fail dalam format **AVG Styler** (dengan sambungan .TLS) disokong.

Selain itu, semua skrin log masuk yang tersedia boleh dipasang secara terus dengan fail Logonui.exe atau dalam format Stardock LogonStudio (LOGONXP).

Pilih skrin log masuk baharu dan berikannya nama di mana ia akan muncul dalam senarai **AVG Styler**.

Anda juga boleh memasukkan nama pengarang. Skrin log masuk yang baharu ditambah kini muncul dalam senarai. Anda boleh menambah skrin log masuk tambahan.

Mencipta Skrin Log Masuk Anda Sendiri

Sila ambil perhatian bahawa fungsi ini tidak tersedia dalam Windows XP.

Di bawah **Skrin log masuk**, klik **Cipta baharu**.



Wizard muncul di mana anda boleh mencari dan mengadaptasi imej. Anda boleh memilih imej pada komputer anda atau pada peranti storan luaran.

Anda juga mempunyai pilihan memindahkan dahulu imej daripada kamera atau pengimbas atau memulakan carian imej Google™ secara terus daripada **AVG Styler**. Dalam kedua-dua kes, anda menyimpan imej yang diperlukan ke lokasi yang anda boleh cari sekali lagi dengan mudah dan mengklik pada **Cari pemacu setempat** untuk memuatkan imej yang disimpan. Sila ambil perhatian bahawa imej ditemui menggunakan carian imej Google™ mungkin dilindungi oleh hak cipta. Anda mesti hanya menggunakan imej-imej yang tidak dilindungi oleh hak cipta.

Mengoptimumkan penampilan imej baharu anda:

Sila ambil perhatian bahawa pilihan penjajaran yang tersedia hanya berkesan jika imej bukan saiz yang betul untuk skrin log masuk (640 x 480 piksel). Di bawah **Latar belakang**, anda boleh menentukan warna yang akan digunakan untuk kawasan yang tidak dilindungi oleh imej anda.

Simpan skrin log masuk baharu ke senarai **AVG Styler** di bawah nama yang anda pilih.

Anda juga boleh memasukkan nama pengarang. Skrin log masuk yang baharu ditambah kini muncul dalam senarai.

Memulihkan lalai

Jika anda tidak lagi ingin menggunakan skrin log masuk anda yang baharu, anda boleh memulihkan skrin Windows lalai secara semula jadi pada bila-bila masa.

Klik pada butang **Pulihkan Lalai**.

Kemudian, skrin log masuk lalai dipilih secara automatik daripada senarai dan pratonton terbuka.

Klik **Gunakan** untuk menggunakannya.

Pilih skrin log masuk yang dikehendaki daripada senarai untuk pratontonnya.

Klik **Gunakan**.

Kebanyakan skrin selamat datang dalam Bahasa Inggeris, tetapi bukan semua. Atas sebab ini, sistem anda mungkin mengucapkan selamat kepada anda dalam bahasa yang berbeza apabila anda memulakan komputer anda pada masa akan datang selepas memasang skrin baharu. Kemudian, selain "Klik nama pengguna anda untuk melog masuk," skrin mungkin membaca "Klicken Sie auf Ihren Benutzernamen, um sich anzumelden," sebagai contoh.

Dalam kes ini, anda mungkin ditanya sama ada anda ingin menggunakan teks dalam skrin log masuk yang dipilih atau sama ada anda ingin menggunakan teks daripada skrin log masuk lalai dalam bahasa sistem anda.

AVG Styler menggunakan skrin log masuk baharu. Anda boleh menguji skrin log masuk dengan menekan Ctrl + Alt + Del secara serentak.



11.6.6. Elemen Sistem

Dalam kategori ini, anda boleh menukar ikon Windows biasa dengan ikon baharu.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Tukar penampilan Windows**.

Dalam bar navigasi di bahagian kiri kawasan tettingkap, klik di bawah **Ikon** pada **Elemen sistem**.

AVG Styler menunjukkan kawasan berikut kepada anda pada bahagian kanan tab, di mana anda boleh menukar elemen sistem:

Anda menukar ikon untuk semua elemen dalam Desktop, menu Mula (tidak tersedia dalam Windows 8), Explorer dan Panel Kawalan. Anda juga boleh melaras ikon untuk paparan jenis fail.

Bagi sesetengah elemen, anda juga boleh menentukan nama baharu (iaitu Tong Kitar Semula atau Tempat Rangkaian Saya).

Jika anda kehilangan istilah "My Computer" daripada Windows XP, anda boleh menamakan semula elemen yang kini dipanggil "Computer" dalam Windows Vista kepada "My Computer".

Klik melalui tab individu dan pilih elemen yang anda ingin tukar.

Klik **Gantikan ikon**.

Pustaka ikon terbuka di mana ikon semasa elemen yang dipilih muncul. Ini biasanya pustaka yang sudah dipasang dengan Windows. Jika anda mempunyai pustaka ikon anda sendiri pada komputer anda, anda boleh mengimport kandungannya menggunakan **Semak Imbas**.

Pilih ikon bagi menandakannya untuk penggantian.

Perubahan anda pada mulanya akan ditunjukkan dengan asterisk oren kecil bersebelahan elemen yang berkaitan dalam senarai.

Sebarang perubahan yang belum diterima boleh dibuang pada bila-bila masa dengan memilih elemen yang ditandakan dengan asterisk sedemikian dalam senarai dan mengklik pada **Buang perubahan tidak disimpan yang dibuat kepada elemen ini**.

Di bahagian bawah tettingkap, klik **Terima** untuk menjalankan perubahan.

Cara membuat asal perubahan

Anda boleh membuang sebarang perubahan yang belum diterima untuk elemen dengan memilihnya dalam senarai dan mengklik pada **Buang perubahan tidak disimpan yang dibuat kepada elemen ini**.

Sebarang perubahan sudah dibuat pada elemen boleh dibuat asal dengan memilih elemen dan mengklik **Tetapkan semula elemen kepada Windows lalai**. Sila ambil perhatian bahawa pautan ini hanya dipaparkan jika elemen tidak sepadan dengan Windows lalai pada masa ini.



Jika anda ingin membuat asal perubahan yang dibuat pada berbilang item, anda boleh mengklik **Tetapkan semula kategori** atau **Tetapkan semula semua kategori**. Pautan pertama hanya menetapkan semula elemen tab yang dipilih pada masa ini, kedua semua elemen sistem yang boleh ditukar dengan **AVG Styler**.

Apabila anda mengklik pada pautan, satu dialog muncul di mana anda boleh memilih sama ada anda ingin menetapkan semula semua elemen ke Windows lalai atau sama ada anda hanya ingin membuang apa-apa perubahan yang tidak disimpan untuk elemen-elemen ini. Pilihan kedua hanya tersedia jika terdapat perubahan yang belum digunakan.

11.6.7. Mengurus Pakej Ikon

Sudah tentu ia satu tugas yang sangat sukar untuk menukar setiap ikon Windows secara berasingan. **AVG Styler** dengan itu membenarkan anda untuk menukar semua ikon Windows fesyen lama dengan ikon baharu sekaligus.

Menambahkan Pakej Ikon

Dalam **AVG Styler**, kawasan kiri tettingkap di bawah **Ikon**, klik **Elemen sistem**. Kemudian, klik **Pakej ikon** di bahagian bawah.

Tettingkap baharu terbuka menunjukkan semua pakej ikon yang tersedia. Sekarang anda boleh menambah pakej ikon baharu ke senarai atau pasang pakej ikon sedia anda.

Klik **Tambah**.

Ini membenarkan anda untuk menambah pakej ikon tambahan ke senarai. Anda mempunyai pilihan menggunakan pakej ikon daripada komputer anda atau memuat turun pakej baharu. Di sini anda boleh memuat turun banyak pakej ikon yang direka secara kreatif.

Pada laman web, hanya klik pada pakej ikon dan buka dengan **AVG Styler**. Selepas hanya beberapa saat, pakej dipaparkan dalam senarai.

Mencipta pakej ikon baharu

Sebagai alternatif, anda boleh mencipta pakej ikon anda sendiri daripada set ikon semasa anda dan sama ada sandarkan atau kongsikannya dengan rakan.

Klik **Cipta pakej baharu** di bahagian atas senarai.

Satu wizard terbuka untuk membimbing anda melalui proses mencipta pakej ikon.

Maklumat mengenai pengarang: Di sini anda boleh mengabadikan diri anda, jika anda mahu dan masukkan nama, alamat e-mel dan alamat laman web anda.

Nama dan penerangan pakej: Masukkan nama pakej yang bermakna di sini. Jika anda mahu, anda boleh menambah maklumat tambahan pada pakej dalam medan **Penerangan**.

Optimumkan saiz pakej: Gunakan pilihan dalam langkah ini untuk memastikan pakej anda tidak terlalu besar, jadi ia boleh dihantar melalui e-mel tanpa masalah.

Mencipta pakej ikon: Ikon-ikon kini dikumpul dan dioptimumkan jika perlu, selepas ia disimpan bersama dalam pakej ikon.



Menyelesaikan wizard: Pakej ikon kini berjaya mencipta dan akan ditambahkan ke senarai pakej ikon apabila anda mengklik **Selesai**. Mengklik **Buka folder** membawa anda ke folder pakej ikon dalam **AVG Styler**, supaya anda boleh menyalin pakej ikon ke lokasi yang berbeza atau melampirkannya ke e-mel.

11.6.8. Sistem Fail

Windows menugaskan ikon lalai ke setiap pemacu, setiap folder, setiap menu Mula dan setiap entri dalam Kegemaran.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Ubah suai penampilan Windows**.

Dalam bar navigasi di bahagian kiri kawasan tettingkap, klik di bawah **Ikon** pada **Sistem fail**.

Struktur pohon pemacu anda dan folder terbuka. Klik melalui elemen individu struktur pohon untuk memilih elemen yang anda ingin tugaskan ikon lebih individu.

Idea dan petua:

- Di bawah nod pertama, anda boleh menugaskan pemacu yang mengandungi permainan anda ikon funki, tetapi ikon yang lebih serius ke peranti dengan program office anda.
- Anda boleh meneruskan dengan cara yang sama untuk folder – beberapa ikon yang dipilih dengan baik membantu anda mengawasi sesuatu, walaupun pemacu anda benar-benar penuh.
- Ikon pada menu Mula juga boleh ditukar dengan ikon yang lebih bermakna.
- Anda juga boleh memberikan kegemaran dalam Internet Explorer ikonnya sendiri. Ini akan membantu anda menemui kegemaran anda yang paling digemari daripada senarai yang biasanya sangat panjang.

Klik melalui elemen individu struktur pohon dan pilih elemen yang anda ingin tugaskan ikon lebih kreatif.

Klik **Gantikan ikon**.

Sila ambil perhatian bahawa ini tidak boleh dilakukan untuk tiga elemen Komputer, menu Mula dan Kegemaran.

Pustaka ikon terbuka di mana ikon semasa elemen yang dipilih muncul. Ini biasanya pustaka yang sudah dipasang dengan Windows. Jika anda mempunyai pustaka ikon anda sendiri pada komputer, anda boleh mencari kandungannya menggunakan **Semak imbas**.

Pilih ikon.

Klik **OK** untuk menggunakan perubahan dengan segera.

Membuat Asal Perubahan Individu

Untuk membuat asal perubahan, pilih item dalam senarai dan klik **Tetapkan semula elemen kepada lalai Windows**.



Membuat Asal berbilang Perubahan

Jika anda ingin membuat asal beberapa perubahan serentak, anda mungkin mendapati pautan **Pulihkan sandaran daripada sesi sebelumnya** berguna. Ia memulakan **AVG Rescue Center** dan membolehkan anda membuat asal perubahan yang dilakukan dengan **AVG Styler** pada tarikh tertentu.

11.6.9. Penampilan Ikon

Di sini anda boleh menukar penampilan ikon pada desktop.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Tukar penampilan Windows**.

Dalam **AVG Styler** di kawasan kiri tettingkap di bawah **Ikon**, klik **Penampilan ikon**.

AVG Styler menyediakan pratonton beberapa item pada desktop anda yang anda boleh peribadikan.

Tentukan saiz item pada desktop (Windows XP sahaja), tentukan besar jarak antaranya dan sama ada pintasan hendak ditunjukkan dengan anak panah.

11.6.10. Baiki

Ia boleh jadi seronok untuk menukar ikon Windows dan membuat beberapa tetapan peribadi di sana sini. Walau bagaimanapun, ikon yang dikehendaki mungkin secara tiba-tiba tidak dipaparkan dengan betul atau ditukar. **AVG Styler** mempunyai dua fungsi pembaikan.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Tukar penampilan Windows**.

Dalam **AVG Styler**, klik **Baiki** di bawah **Ikon** di kawasan sebelah kiri tettingkap.

Klik **Muatkan Semula Ikon**.

Fungsi ini biasanya membersihkan apa-apa masalah dan membenarkan anda untuk terus menggayakan semula sistem Windows anda. Jika memuat semula ikon tidak menyelesaikan perkara tersebut, mungkin terdapat masalah serius dengan cache ikon anda.

Klik **Baiki Cache Ikon**.

Cache ikon ialah fail di mana Windows menyimpan semua ikon yang dimuatkan, untuk dimuatkan dengan lebih pantas pada masa hadapan. Sekiranya ralat berlaku dengan fail ini, semua ikon mungkin rosak. Mujurlah ralat ini boleh dibaiki secara terus dari **AVG Styler**.

Ambil perhatian bahawa anda mungkin perlu memulakan semula komputer anda atau melog masuk sekali lagi untuk pembaikan ini berkesan.



11.6.11. Gaya Visual

Sila ambil perhatian bahawa fungsi ini tidak tersedia dalam Windows 8.

Di sini anda boleh menukar apa yang dikenali sebagai gaya visual. Ini mentakrifkan penampilan tettingkap dan butang Windows.

Begini caranya:

Mulakan modul **AVG Styler** dengan pergi ke kategori **Peribadikan** dalam Papan Pemuka dan mengklik pada entri **Peribadikan penampilan Windows** dalam kawasan **Tukar penampilan Windows**.

Dalam **AVG Styler** di kawasan kiri tettingkap di bawah **Antara Muka**, klik **Gaya Visual**.

AVG Styler memaparkan senarai semua gaya visual yang tersedia. Di bahagian kanan, anda boleh melihat pratonton dan butiran lain gaya yang dipilih dalam senarai.

Anda boleh menambah gaya visual baharu kepada senarai sebelum akhirnya menerimanya. Untuk berbuat demikian, anda mempunyai pilihan-pilihan berikut:

Memuat turun gaya visual daripada AVG Dalam Talian

Di bahagian kiri atas, di bawah **Gaya Visual** klik **Tambah**.

Pilih entri **Muat Turun Gaya Visual daripada AVG Dalam Talian**.

Ini membawa anda ke laman web di mana anda boleh memilih daripada pelbagai gaya visual yang anda boleh muat turun secara percuma pada bila-bila masa.

Klik pada gaya visual yang anda suka terutamanya.

Ini dibuka secara automatik dengan **AVG Styler** dan ditambahkan pada senarai.

Menambahkan Gaya Visual Daripada Fail

Di bahagian kiri atas, di bawah **Gaya Visual** klik **Tambah**.

Pilih **Muatkan gaya visual daripada fail**.

Tettingkap Explorer terbuka dan anda boleh memilih gaya visual pada komputer atau media storan luaran anda, jika anda sudah mempunyai satu gaya visual. **AVG Styler** mengenal pasti dan menyokong hampir setiap format biasa:

Jenis	Sambungan fail	Penerangan
Gaya Visual AVG	.TVS	Format individu AVG Styler.
Gaya Visual Microsoft	.MSSTYLES	Format Microsoft ini kerap meliputi fail tambahan yang boleh ditemui dalam folder sama atau dalam subfolder.



Arkib dimampat	.RAR, .ZIP	Arkib dicari untuk semua jenis fail dalam senarai ini dan dinyahmampat secara automatik jika fail sedemikian ditemui.
Arkib mengekstrak sendiri	.EXE	Fail ini dicari untuk arkib dimampat dalam format RAR atau ZIP, yang dilayan menurut penerangan jenis fail Arkib Dimampat.

Pilih gaya visual baharu dan berikannya nama di mana ia akan muncul dalam senarai **AVG Styler**.

Anda juga boleh memasukkan nama pengarang. Gaya visual yang anda tambah kini muncul dalam senarai.

Memulihkan lalai

Jika anda tidak lagi menyukai gaya visual baharu anda, anda boleh memulihkan skrin Windows lalai pada bila-bila masa.

Klik pada butang **Pulihkan Lalai**.

Kemudian, gaya visual lalai dipilih secara automatik daripada senarai dan pratonton berubah sewajarnya.

Klik **Gunakan**.

Pilih gaya visual daripada senarai yang anda mahu pratonton.

Klik **Gunakan**.

Paparan kini gelap seketika sementara **AVG Styler** mengaktifkan gaya visual baharu untuk anda. Selepas tempoh yang singkat ini, sistem Windows anda bersinar dengan kilauan baharu.

Menghapuskan gaya visual

Jika anda ingin membuang gaya visual daripada komputer anda sepenuhnya, pilih dan klik **Hapuskan**.

11.7. Mengubah Suai Tetapan Windows

Mulakan modul **AVG System Control** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Mengubah suai tetapan Windows** di bawah **Windows**.

Pada bahagian kiri tetingskap **AVG System Control**, anda boleh melihat pelbagai kategori yang tersedia untuk opsyen tetapan.

Setiap kategori mengandungi subkategori. Jika anda mengklik ini, tab terbuka di bahagian kanan mengandungi pilihan tetapan individu.

Di sini anda akan menemui maklumat terperinci mengenai semua pilihan tetapan, diisih mengikut kategori di kawasan kiri tetingskap:



Paparan

Di sini anda menentukan dengan tepat kesan visual Windows yang anda ingin guna, mengkonfigurasi bagaimana jenis fail dikendalikan dan menentukan bagaimana tettingkap folder dan Explorer perlu kelihatan dan bertindak.

Di sini anda akan menemui penerangan terperinci mengenai pilihan tetapan anda, diisih mengikut subkategori di bahagian kiri tettingkap: [Paparan](#)

Penggunaan

Di sini anda boleh memasukkan pelbagai pilihan tetikus dan papan kekunci, mengadaptasi item menu Mula dan kelajuan pembukaan submenu dan menentukan penampilan dan tingkah laku bar tugas.

Di sini anda akan menemui penerangan terperinci mengenai pilihan tetapan anda, diisih mengikut subkategori di bahagian kiri tettingkap: [Penggunaan](#)

Komunikasi

Dalam kategori ini, anda boleh mengkonfigurasi tingkah laku Windows dalam rangkaian, memperibadikan Internet Explorer dan Outlook Express dan/atau Office Outlook, melajukan pelayaran web dan melindungi privasi anda dengan menghalang program tertentu daripada menghantar data mengenai tabiat pelayaran anda secara automatik.

Di sini anda akan menemui penerangan terperinci mengenai pilihan tetapan anda, diisih mengikut subkategori di bahagian kiri tettingkap: [Komunikasi](#)

Pentadbiran

Kategori **AVG System Control** ini memberikan anda kawalan ke atas banyak tetapan sistem dalaman. Contohnya, anda boleh mengadaptasi proses permulaan dan log masuk pengguna, mengkonfigurasi main CD automatik, laluan sistem dan data pengguna dan mengadaptasi tetapan lalai gesaan perintah.

Di sini anda akan menemui penerangan terperinci mengenai pilihan tetapan anda, diisih mengikut subkategori di bahagian kiri tettingkap: [Pentadbiran](#)

Wizard

Di sini anda akan menemui wizard **Tetapan Salinan**. Ia menyalin tetapan anda ke akaun pengguna lain dan skrin log masuk Windows. [Wizard](#)

11.7.1. Paparan

Animasi dan Kesan

Kesan

Di sini anda boleh menukar tetapan yang berkaitan dengan paparan dan operasi antara muka pengguna Windows.



Di bawah **Tetapan**, terdapat banyak opsi yang anda boleh dayakan atau lumpuhkan menggunakan kotak semak.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai opsi, hanya pilihnya dengan tetikus anda. Beberapa baris teks penjelasan di buka di bawah **Penerangan**.

Bergantung pada keupayaan prestasi sistem anda, mematikan kesan yang tidak dikehendaki boleh meningkatkan kelajuan. Klik **Penampilan terbaik** untuk memilih semua opsi yang akan memberikan Windows satu penampilan visual yang luar biasa. Jika prestasi lebih penting bagi anda, pilih **Prestasi terbaik**. Memilih **Tetapan lalai** memulihkan tetapan lalai Windows.

Animasi

Di bawah **Animasi tettingkap dan mesej**, tentukan sama ada tettingkap atau petua alat harus dianimasikan. Di sini anda boleh menghidupkan animasi apabila tettingkap diminimumkan dan dimaksimumkan.

Jika **Gunakan animasi dengan petua alat** dihidupkan, anda boleh memilih kesan yang anda mahu daripada senarai pilihan.

Di bawah **Animasi elemen**, anda boleh menentukan penskrolan dan pembukaan perlu dianimasikan untuk paparan dan elemen kawalan yang mana. Anda boleh menghidupkan tiga opsi **senarai & paparan pohon**, **kotak senarai** dan **senarai lungsur**.

Klik **Prestasi terbaik** untuk mematikan semua opsi yang hanya bertujuan untuk menyediakan kesan yang menarik perhatian. Memilih **Tetapan lalai** memulihkan tetapan lalai Windows.

Penampilan Menu

Di bawah **Animasi** anda menentukan sama ada item menu akan disembunyikan selepas menu diakses. Anda juga boleh memilih kesan paparan daripada senarai.

Di bawah **Kesan**, anda boleh menentukan sama ada Windows perlu menggunakan menu 2D rata atau bayang-bayang 3D kecil perlu dipaparkan di bawah tettingkap yang terbuka.

Pelincinan Fon

Untuk meningkatkan kebolehbacaan teks pada komputer anda, di sini anda boleh memilih kaedah pelincinan fon pilihan anda. Jenis pelincinan fon **ClearType** wajar diberikan perhatian khas: ia sesuai terutamanya untuk monitor skrin rata (TFT dan LCD) dan memanfaatkan subpikselya untuk melincinkan tepi fon kecil dengan berkesan. Pilih **ClearType** dan klik pada **Tetapan ClearType** untuk mendapatkan pelarasan optimum pelincinan ClearType ke skrin anda.

Jenis Fail

Pengendalian Menu

Di bawah **Pemacu dan folder**, anda boleh mengkonfigurasi menu konteksnya.

Entri **Tunjukkan "Buka Prom Perintah Di Sini"** membuka prom perintah di lokasi yang diinginkan. Anda boleh melaksanakan perintah DOS melalui prom perintah.



Di bawah **Fail dan folder** anda boleh menentukan perintah yang akan dipaparkan dalam menu konteks fail dan folder. Di sini, empat perintah **Hantar Kepada**, **Alihkan Ke Folder**, **Salin Ke Folder** dan **Sulitkan/Nyahsulit** boleh dipaparkan. Kotak semak aktif untuk perintah yang sudah didayakan.

Memilih **Tetapan lalai** memulihkan tetapan lalai Windows.

Menu "Baharu"

Di sini anda boleh memilih jenis fail yang perlu ditunjukkan dalam submenu menu konteks **Baharu** untuk desktop, Explorer dan dialog "Simpan". Gunakan kotak semak untuk menetapkan jenis fail yang perlu dipaparkan.

Pilih **Alih keluar** untuk mengalih keluar sepenuhnya entri yang dipilih daripada senarai. Pilih **Tambah...** untuk memasukkan jenis fail lain dalam senarai.

Di bawah **Opsyen**, anda boleh menentukan sama ada menu "Baharu" perlu muncul dalam menu konteks desktop dan kawasan kosong tettingkap folder.

Membuka Fail

Di sini anda boleh memilih cara Windows perlu teruskan apabila membuka fail dengan sambungan yang tidak diketahui. Di bawah **Aplikasi lalai**, anda boleh menentukan sama ada dialog "Buka dengan" dipaparkan atau fail diakses secara automatik dengan program tertentu (contohnya dengan Notepad). Untuk melakukannya, tuliskan nama fail boleh laku untuk program yang dikehendaki (misalnya notepad.exe) dalam medan. Selain itu, pilih program melalui **Sunting**.

Lanjutan

Di sini anda boleh menentukan sama ada pintasan baharu perlu ditandakan secara automatik. Dalam Windows XP, nama pintasan mengandungi awalan "Shortcut to" secara lalai; dalam Windows Vista dan 7, teks lalai "- shortcut" ditambahkan pada hujung nama pintasan.

Dalam Windows XP, terdapat bahagian **Windows Picture dan Fax Viewer** di mana anda boleh menentukan sama ada dwiklik pada imej dan fail faks secara automatik memuatkannya ke dalam Windows Picture dan Fax Viewer.

Opsyen Folder

Lihat

Di sini anda boleh menentukan cara tettingkap folder dan kandungan elemen dipaparkan.

Di bawah **Window**, anda menentukan

- (dalam Windows XP) sama ada paparan pohon direktori dalam tettingkap folder sentiasa boleh dilihat, sama ada tettingkap folder dibuka kali terakhir semasa log masuk dipulihkan, sama ada fail ZIP yang dimampatkan perlu dipaparkan sebagai folder dan sama ada bar butiran dipaparkan.
- (dalam Windows 7) sama ada bar menu dalam tettingkap folder perlu sentiasa boleh dilihat, sama ada fail ZIP yang dimampatkan perlu dipaparkan sebagai folder dan sama ada bar butiran perlu ditunjukkan.



- (Windows Vista - sama ada opsyen yang sama seperti dalam Windows 7, tetapi terdapat tambahan) sama ada tettingkap folder yang terbaharu dibuka perlu dipulihkan semasa log masuk.

Di bawah **Lihat tetapan** (hanya tersedia dalam Windows XP), anda boleh menggunakan kawalan luncur untuk menentukan bilangan paparan folder yang perlu dipulihkan.

Senarai

Di sini anda melaras paparan maklumat tambahan dalam tettingkap folder untuk disesuaikan dengan keperluan khusus anda.

Bahagian **Menu timbul dengan maklumat terperinci** menentukan sama ada petua alat yang memaparkan maklumat tambahan perlu ditunjukkan apabila kursor tetikus digerakkan ke atas fail atau folder dalam tettingkap folder.

Di bawah **Aturan ikon**, anda menentukan sama ada fail hanya perlu diisih mengikut abjad atau sama ada ia perlu diatur secara logik mengikut nilai angka dan abjad.

Di bawah **Fail yang disulitkan dan dimampatkan** anda boleh menentukan supaya kedua-dua jenis fail ditandakan dengan warna tertentu. Secara lalainya, fail yang dimampatkan berwarna biru dan fail yang disulitkan berwarna hijau.

Dalam Windows XP dan Windows Vista, anda juga boleh menentukan peruntukkan warna untuk disesuaikan dengan keperluan anda melalui butang **Sunting**.

Imej kecil (Windows XP sahaja)

Windows boleh menunjukkan imej kecil dalam folder tertentu yang sesuai untuk koleksi foto. Di sini anda menentukan saiz dan kualiti imej pratonton ini. Saiz standard ialah 96 piksel. Anda boleh memasukkan nilai lain jika anda mahu. Anda menentukan kualiti menggunakan kawalan luncur.

Semakin tinggi kualiti gambar, semakin banyak ruang cakera yang imej kecil gunakan. Di bawah **Cache**, anda menentukan sama ada imej kecil ini perlu disimpan buat sementara ke fail yang dipanggil THUMBS.DB. Fail ini juga disimpan dalam folder dan membenarkan imej kecil untuk dimuatkan terutamanya dengan pantas pada masa hadapan.

Pemilihan

Di sini anda boleh menetapkan warna segi tiga pilihan yang perlu digunakan dalam tettingkap folder. Segi tiga ini menunjukkan kemajuan butang tetikus yang diklik, jika anda memilih berbilang fail secara serentak.

Dalam Windows Vista dan Windows 7, anda juga boleh menentukan sama ada kotak semak perlu dipaparkan untuk memilih elemen, membenarkan berbilang fail dan folder untuk dipilih dengan tetikus tanpa perlu menggunakan kekunci Ctrl atau Shift.

Lanjutan

Di sini anda boleh menetapkan elemen yang hendak dipaparkan pada **Desktop** dan di bawah **Computer** (atau **My Computer** dalam Windows XP). Anda boleh menyembunyikan seluruh pemacu dengan mudah dan menentukan cara **bar alamat** dalam Explorer, Internet Explorer dan dialog Jalan perlu bertindak.



11.7.2. Penggunaan

Opsyen Input

Fungsi Tetikus

Di bawah **Tukar butang tetikus** anda boleh menukar butang tetikus kiri dan kanan. Kemudian, anda akan mengklik menggunakan butang kanan dan membuka menu konteks dengan butang kiri.

Kini, banyak tetikus didatangkan dengan roda tatal. Mengikut Microsoft Intellimouse dan model yang serupa, anda boleh menentukan di bawah **Rodal tatal** apa yang perlu berlaku apabila roda ini digunakan. Tetapan standard ialah tatal sebanyak 3 baris. Anda boleh menukar bilangan baris, meningkatkan tetapan tatal kepada laman skrin penuh atau mematakannya terus.

Di bawah **Tetapkan penunjuk secara automatik** anda boleh menentukan supaya kursor beralih secara automatik ke butang yang diserlahkan apabila kotak dialog terbuka supaya anda boleh terus mengklik butang ini.

Kepekaan Tetikus

Di bawah **Mengklik dua kali dan menyeret** anda boleh menentukan sejauh mana anda boleh menggerakkan tetikus apabila mengklik dua kali dan sejauh mana anda perlu menggerakkan tetikus untuk mula menyeret objek. Nilai diberikan dalam piksel.

Petua: Cubalah tetapan baharu anda pada ikon Ujian.

Di bawah **Kesan apung** anda boleh menukar toleransi pergerakan dan masa apung kursor tetikus untuk paparan kesan apung. Ini berkesan sebaik sahaja kursor terapung atas item untuk tempoh masa tertentu.

Petua: Anda juga boleh mencuba tetapan pada ikon Ujian. Ia menyala sebaik sahaja penuding tetikus berada di atasnya.

Pengesanan Tetingkap Aktif

Di sini, anda boleh mendayakan fungsi Windows yang kurang dikenali yang boleh menukar sepenuhnya cara anda bekerja dengan Windows: **Pengesanan Tetingkap Aktif**.

Jika anda mendayakan ciri ini, apa yang anda perlukan ialah mengalih penuding tetikus di atas tetingkap tidak aktif untuk mengaktifkannya supaya anda boleh bekerja dengan program tersebut. Kemudian, anda tidak lagi perlu mengklik pada tetingkap untuk mendayakannya.

Anda boleh menghidupkan pilihan dalam bahagian **Latar Depan** untuk menarik tetingkap aktif ke atas dengan segera.

Papan kekunci

Di bawah **Kursor berkelip**, anda boleh menetapkan cara kursor berkelip sewaktu data dimasukkan (misalnya dalam program pemprosesan kata).

Petua: Lihat pratonton kecil di sebelah kanan tetapan semasa anda untuk melihat perubahan yang dilakukan.



Gunakan kawalan luncur untuk menentukan kekerapan berkelip. Jika dikehendaki, anda juga boleh menetapkan **kelebaran kursor** mengikut kesukaan anda dan masukkan nilai dalam piksel.

Papan kekunci moden dibuat dengan kekunci Windows khas dengan logo Windows dicetak di atasnya. Kekunci ini digunakan untuk membuka menu Mula Windows dan ia juga boleh digunakan dalam kombinasi dengan kekunci lain untuk memulakan fungsi khas, misalnya memaksimumkan semua tettingkap (Windows + M) atau menunjukkan Desktop atau sejak Windows Vista, Computer (Windows + E).

Jika anda tidak memerlukan kombinasi kekunci ini atau kadang-kadang tertekan secara tidak sengaja kerana tataletak papan kekunci anda, anda seharusnya mematikan pilihan ini.

Menu Mula (tidak tersedia dalam Windows 8)

Umum

Di bawah **Kelajuan menu**, anda menentukan sama ada submenu perlu dibuka secara automatik sebaik sahaja tetikus menuding ke entri menu atau sama ada klik juga diperlukan. Terdapat perbezaan yang besar di sini antara pelbagai sistem pengendalian, yang kami ingin terangkan dengan lebih terperinci.

Windows XP:

Jika anda memilih Paparan apabila dituding, anda boleh menetapkan berapa lama penuding tetikus diletakkan atas item sebelum menu terbuka.

Di bawah **Pengguna** anda boleh menentukan sama ada nama pengguna anda perlu dipaparkan dalam kawasan atas menu Mula. Selain butang **Tutup**, anda juga boleh memaparkan atau mengalih keluar butang **Log keluar** untuk menukar pengguna.

Windows 7:

Di bawah **Keluar sesi**, anda boleh menentukan tindakan yang perlu diambil apabila anda mengklik butang Keluar sesi. Secara lalainya, komputer **ditutup**.

Untuk mod **Hibernasi** dan **Jimat kuasa**, status semasa, termasuk semua dokumen dan program yang dibuka, dikekalkan supaya selepas menghidupkan kembali komputer, anda boleh terus bekerja di mana anda berhenti. Sementara mod penjimatan kuasa masih memerlukan sejumlah kecil kuasa, dalam mod hibernasi, komputer boleh diputuskan sambungan sepenuhnya daripada bekalan kuasa. Walau bagaimanapun, meletakkan komputer dalam mod hibernasi dan kemudian "membangkitkannya" akan mengambil masa lebih lama.

Sebagai alternatif, anda boleh menentukan di sini sama ada butang ini menyebabkan komputer dimulakan semula, komputer dikunci, pengguna semasa dilog keluar atau pengguna harus ditukar. Hanya tentukan berdasarkan keutamaan anda.

Ambil perhatian bahawa apabila kemas kini sedia untuk dipasang, butang ini ditugaskan sementara kepada fungsi **Tutup komputer** (sehingga kemas kini dipasang). Ini memastikan kemas kini penting untuk program tidak dilupakan secara tidak sengaja.

Windows Vista:



Di bawah **butang Matikan kuasa** anda boleh menetapkan tindakan yang akan dijalankan apabila anda mengklik pada butang Matikan kuasa. Secara lalainya, komputer diletakkan dalam **Mod jimat kuasa**.

Jika anda lebih suka menutup komputer anda dengan pantas (atau anda kehilangan fungsi ini seluruhnya dalam Windows Vista), anda dinasihatkan untuk memilih **Tutup komputer**. Ini menjimatkan masa anda daripada perlu membuka submenu dan memilih **Tutup** di sana. Pilihan ketiga ialah meletakkan PC anda dalam mod hibernasi.

Untuk mod **Hibernasi** dan **Jimat kuasa**, status semasa, termasuk semua dokumen dan program yang dibuka, dikekalkan supaya selepas menghidupkan kembali komputer, anda boleh terus bekerja di mana anda berhenti. Sementara mod penjimatan kuasa masih memerlukan sejumlah kecil kuasa, dalam mod hibernasi, komputer boleh diputuskan sambungan sepenuhnya daripada bekalan kuasa. Walau bagaimanapun, meletakkan komputer dalam mod hibernasi dan kemudian "membangkitkannya" akan mengambil masa lebih lama.

Digunakan Baru-baru Ini

Guna butang **Tetapan lalai** untuk memulihkan tetapan lalai Windows.

Windows XP:

Di bawah **Fail digunakan baru-baru ini** anda boleh menetapkan sama ada fail yang digunakan baru-baru ini akan muncul di bawah **Documents** dalam Menu Mula. Anda juga boleh menentukan bilangan tepat dokumen yang akan dipaparkan. Apabila melog keluar, anda juga boleh mengosongkan senarai secara automatik.

Windows Vista dan Windows 7:

Di bawah **Fail digunakan baru-baru ini**, anda boleh menetapkan sama ada fail yang digunakan baru-baru ini muncul dalam menu Mula di bawah **Digunakan baru-baru ini**. Anda juga boleh menghapuskan kandungan senarai.

Di bawah **Program digunakan baru-baru ini**, anda boleh menentukan sama ada program yang digunakan baru-baru ini perlu muncul dalam menu Mula. Pada Windows Vista, anda juga boleh menggunakan **Tetapan** untuk menentukan program yang anda ingin paparkan dalam menu Mula. Tetapan lalai adalah untuk Windows menunjukkan semua program yang digunakan baru-baru ini di sini.

Pintasan

Di bawah **Alih dan sunting pintasan**, anda boleh menetapkan sama ada pengalihan pintasan dibenarkan.

Dari sini, anda juga boleh memulakan **AVG Shortcut Cleaner**.

Lanjutan (Windows XP sahaja)

Di sini, anda boleh membuka modul **AVG Styler** dalam tettingkap baharu dan seterusnya memperibadikan penampilan Windows untuk disesuaikan dengan anda, misalnya tukar ikon untuk folder dan item menu.



Bar Tugas

Butang Berkelip

Semasa memasukkan teks dan kandungan lain, pengaktifan tettingkap lain dilarang. Ikon berkelip dalam bar tugas mengingatkan anda bahawa perisian lain sedang cuba untuk berkomunikasi dengan anda. Jika kelipan ini perlu dikekalkan, opsiyen **Dayakan butang bar tugas berkelip** mesti dihidupkan.

Di bawah **Kelajuan kelipan**, anda menentukan sepantas mana butang pada bar tugas perlu berkelip. Anda mempunyai dua opsiyen untuk dipilih: Opsiyen pertama membolehkan butang tettingkap dalam bar tugas berkelip sehingga ia diklik sekali lagi. Opsiyen kedua menyekat kelipan kepada bilangan tertentu yang anda tetapkan. Tetapan lalai ialah 7.

Di bawah **Umum**, anda boleh menentukan berapa lama Windows perlu tunggu selepas kali terakhir anda menekan kekunci sebelum tettingkap daripada program lain dibenarkan untuk muncul sekali lagi.

Paparan Butang

Di sini, anda boleh menentukan sama ada dan bagaimana tettingkap perlu diwakili oleh butang pada bar tugas.

Di bawah **Paparan**, anda menentukan lebar maksimum butang yang dikehendaki dalam piksel. Nilai lalai ialah 154 piksel. Jika anda menyahaktifkan opsiyen **Tunjukkan butang beranimasi**, Windows tidak akan menganimasi butang bar tugas yang sepadan apabila tettingkap dibuka. Ini memberikan lebih banyak kuasa pengkomputeran yang tersedia untuk tugas lain.

Di bawah **Pengelompokan**, anda boleh menentukan sama ada dan dalam keadaan mana beberapa tettingkap program akan diwakili dengan butang kongsi pada bar tugas.

Tettingkap Diminimumkan

Kadang-kadang, selepas tettingkap program diminimumkan, hanya bar tajuk kekal, kemudian secara automatik diletakkan di bawah skrin.

Di bawah **Kedudukan dan penjajaran**, anda menentukan kedudukan sasaran sebenar bar ini. Tetapan lalai ialah **kiri bawah**, di mana beberapa bar dipaparkan **bersebelahan**.

Di bawah **Jarak**, anda boleh menentukan jumlah piksel yang perlu ada antara bar tajuk individu.

Lanjutan

Pemberitahuan kerap ditunjukkan dalam bar tugas (bersebelahan jam) untuk memberitahu anda tentang acara penting atau meminta anda melaksanakan pelbagai tugas, seperti mengalih keluar pintasan yang tidak digunakan daripada desktop. Di sini anda boleh menentukan pilihan berbeza untuk peringatan ini.

11.7.3. Komunikasi

Rangkaian

Tempat Rangkaian Saya



Di sini, anda boleh mengkonfigurasi bilangan tetapan yang menjejaskan paparan perkongsian di bawah Tempat Rangkaian Saya. Antara perkara lain, anda boleh menghalang komputer daripada dipaparkan dalam Tempat Rangkaian Saya pada komputer lain dan (menggunakan kata laluan anda) semua pemacu pada komputer anda boleh diakses, walaupun anda tidak menetapkan sebarang perkongsian.

Lanjutan

Dalam bahagian **Pasang & Main Universal** anda boleh mematikan perkhidmatan Windows untuk mengesan peranti rangkaian secara automatik. Fungsi ini adalah potensi risiko keselamatan dan hendaklah dilumpuhkan jika anda tidak memerlukannya.

Di bawah **perkhidmatan Kualiti Servis (QoS)**, anda boleh menghalang Windows daripada menyimpan sebahagian lebar jalur sambungan Internet anda untuk paket penting. Lumpuhkan **Simpan lebar jalur** jika anda sentiasa mahu lebar jalur penuh untuk pelayaran.

Kata laluan (Windows XP sahaja)

Menyimpan kata laluan anda bermakna anda tidak perlu memasukkan kata laluan anda setiap kali anda mendail ke Internet, mengakses perkongsian dilindungi, dsb. Walau bagaimanapun, penggadam mungkin mampu mengakses dan menyalahgunakan kata laluan ini. Oleh itu, anda boleh melumpuhkan penyimpanan kata laluan automatik di sini.

Masa Internet

Di sini anda boleh menetapkan jam pada komputer anda untuk disegerakkan secara kerap dengan jam atom melalui Internet, bagi memastikan komputer anda sentiasa menunjukkan waktu yang betul. Opsyen berikut mesti didayakan dahulu: **Segerakkan secara automatik dengan pelayan masa Internet**.

Bahagian **Pelayan masa tersedia** menyenaraikan beberapa jam rujukan popular. Jika anda mengetahui pelayan lain, anda boleh memasukkan alamat dalam taliannya ke dalam senarai dengan mengklik **Tambah**.

Internet

Di sini anda boleh menentukan cara sambungan dailan sedia ada perlu dikendalikan apabila pengguna log keluar dan anda boleh menyahaktifkan Windows Firewall yang disepadukan.

Dalam Windows XP anda turut boleh mengklik butang **Tetapan** untuk menetapkan pelbagai opsyen lanjutan untuk sambungan Internet anda.

Internet Explorer

Bar Explorer

Di sini anda boleh menetapkan cara bar alat dalam Internet Explorer perlu bertindak. Contohnya, bar carian boleh sentiasa melaksanakan carian menggunakan Google™ dan anda boleh menukar tetapan untuk ciri Autolengkap dalam bar alamat.

Lihat

Dalam bahagian **Bar tajuk**, masukkan teks yang ingin dipaparkan dalam bar tajuk Internet Explorer.



Kegemaran

Di sini anda boleh menunjukkan dan menyembunyikan folder kegemaran dan kandungannya serta seterusnya menyembunyikan folder yang tidak dikehendaki. Sila ambil perhatian bahawa kandungan folder kegemaran tidak ditunjukkan di sini dan hanya folder tersedia yang disenaraikan. Anda juga boleh mengisih folder mengikut nama.

Menu

Di sini anda boleh menyesuaikan bar menu Internet Explorer dan menggunakan butang **Tetapan** untuk menambahkan banyak perintah berguna pada menu konteks yang dipanggil apabila anda mengklik kanan pada mana-mana halaman web.

Di bawah **Tunjukkan kod sumber** anda boleh menentukan sama ada, apabila anda memilih **Tunjukkan kod sumber**, tapak web perlu dibuka dengan Internet Explorer atau dengan program lain, misalnya penyunting Windows (notepad.exe).

Navigasi

Dalam bahagian **Tingkah laku tapak web**, anda boleh menentukan cara Internet Explorer perlu bertindak apabila pautan dipanggil. Contohnya, anda boleh menentukan bahawa timbul atau pautan yang dibuka dalam program lain sentiasa dibuka dalam tab baharu dalam tettingkap semasa.

Dalam bahagian **Laman mula**, tentukan tapak web yang perlu dibuka secara automatik apabila Internet Explorer dilancarkan. Beberapa tapak boleh dipilih untuk ini. Gunakan butang **Atas** dan **Bawah** untuk menukar susunan laman ini.

Keselamatan

Bahagian ini berkenaan tetapan keselamatan dalam Internet Explorer.

Dalam bahagian **Rentetan Ejen Pengguna**, tentukan cara Internet Explorer mengenal pasti tapak web yang anda lawati.

Di bawah **Pengesahan muat turun**, anda boleh menentukan sama ada Internet Explorer dibenarkan untuk memuat turun jenis fail tertentu seperti fail video atau muzik tanpa pengesahan. Jika anda ingin ditanya sebelum fail tersebut dimuat turun, anda mesti memilih **Sentiasa sahkan sebelum memuat turun fail**.

Prestasi

Di sini anda menentukan profil sepadan yang paling rapat dengan lebar jalur sambungan Internet anda. Dalam bahagian **Bilangan maksimum sambungan**, anda boleh menentukan jumlah sambungan pelayan yang boleh diwujudkan.

Mozilla Firefox

Umum

Di sinilah anda boleh membuat tetapan umum berikut untuk pelayar Internet Mozilla Firefox.



Di bawah **Animasi teks**, anda boleh mematikan kesan teks yang mengganggu, misalnya berkelip berterusan atau menatal teks secara mendatar (marki). Jika kesan ini mengganggu, anda boleh melumpuhkannya dengan memilih opsiyen **Lumpuhkan teks berkelip** dan **Lumpuhkan menatal teks (marki)**.

Di bawah **Mesej ralat** anda boleh menentukan sama ada mesej ralat berkenaan kegagalan cubaan sambungan ke pelayan web perlu ditunjukkan sebagai tettingkap (dialog) atau sebagai laman web dalam tettingkap pelayar.

Di bawah **Kedudukan bar sisi**, anda boleh menentukan sama ada bar sisi perlu muncul di sebelah kanan atau kiri tettingkap pelayar. Bar sisi boleh mengandungi penanda halaman, sejarah dan muat turun anda secara lalai.

Operasi

Di sinilah anda boleh membuat perubahan berkenaan penggunaan Mozilla Firefox.

Di bawah **Bar alamat** anda boleh menentukan alamat yang akan dilengkapkan dalam bar alamat secara automatik, misalnya alamat Internet muncul secara automatik dalam bar alamat selepas anda memasukkan beberapa huruf pertama alamat (dengan syarat anda pernah melawati tapak web ini).

Untuk Mozilla Firefox 2 dan versi yang lebih baharu, anda juga boleh menentukan sama ada butang **Muatkan alamat** perlu muncul di sebelah bar alamat.

Di bawah **Buka submenu** anda boleh menentukan masa sebelum submenu terbuka secara automatik apabila anda mengapung di atasnya dengan kursor.

Windows

Di sini anda boleh menentukan cara tettingkap timbul dan pautan harus dipaparkan dalam Mozilla Firefox dan sejauh mana tapak web boleh mempengaruhi paparan tettingkap timbul.

Dalam bahagian **Membuka pautan**, anda boleh menentukan sama ada, selepas mengklik pada pautan, kandungan perlu dipaparkan dalam tettingkap semasa atau baharu.

Dalam bahagian **JavaScript**, di bawah **Manipulasi tettingkap dibenarkan**, anda boleh mengehadkan perubahan yang boleh dibuat oleh tapak web pada tettingkap timbul. Sesetengah tapak web cuba untuk menyembunyikan bar navigasi dalam tettingkap timbul supaya ia kelihatan seperti dialog mesej Windows. Anda boleh menghalangnya di sini.

Tab (Mozilla Firefox 2 atau versi lebih baharu)

Di sini anda boleh membuat tetapan untuk tab Mozilla Firefox.

Dalam bahagian **butang "Tutup"**, anda boleh menentukan tempat butang **Tutup** untuk tab perlu muncul. Anda boleh memilih daripada empat kedudukan berbeza.

Dalam bahagian **Lebar minimum**, anda boleh menentukan lebar minimum tab, daripada Mozilla Firefox 2 dan seterusnya. Jika lebih daripada satu tab dibuka, lebar setiap tab akan dikurangkan secara automatik sehingga lebar minimum ditetapkan di sini dicapai. Jika tab seterusnya dibuka, bar tatal akan ditunjukkan di bahagian kanan skrin yang anda boleh guna untuk menatal ke tab yang tidak boleh dilihat.



Di bawah **Warna tab aktif** anda boleh menggunakan opsiyen **Serlahkan dengan warna** untuk menentukan warna yang perlu digunakan untuk menyerlahkan tab yang sedang aktif dalam pelayar. Klik pada butang **Tukar** bagi menukarkan warna yang digunakan untuk menyerlahkan sempadan atas dan bawah tab aktif.

Prestasi

Di sini anda boleh mendayakan ciri saluran maklumat Mozilla Firefox. Saluran maklumat ialah fungsi eksperimen di mana pelayar web menghantar beberapa permintaan muat turun ke pelayan web melalui satu sambungan. Fungsi ini tidak disokong oleh semua pelayan web.

Opera

Bar Tajuk

Di sini anda boleh mengkonfigurasi tetapan untuk memaparkan tajuk dan logo Opera.

Di bawah **Tajuk tetingkap**, masukkan dalam medan **Tajuk** teks yang anda ingin paparkan dalam bar tajuk Opera. Jika anda membiarkan medan itu kosong dan klik pada **Terima** atau **OK**, medan ini diisi secara automatik dengan entri lalai **Opera**.

Dalam bahagian **Ikon Opera**, di tempat ikon opera "O" berwarna merah, anda boleh memilih ikon lain daripada cakera keras anda. Kemudian, ikon yang dipilih dipaparkan dalam bar tugas Windows dalam tetingkap Opera.

Jika fail ikon yang anda pilih sah, ikon dipaparkan dengan segera. Jika fail ikon yang anda pilih tidak sah, ikon Opera standard digunakan semula.

Operasi

Di sini anda boleh membuat perubahan berkenaan penggunaan Opera.

Di bawah **Autolengkap untuk alamat web**, anda boleh menentukan alamat yang akan dilengkapkan dalam bar alamat secara automatik, misalnya alamat Internet muncul secara automatik dalam bar alamat selepas anda memasukkan beberapa huruf pertama alamat. Contohnya, jika anda hanya memasukkan satu perkataan, kemudian akhiran domain tahap atas seperti ".net" dan ".com" ditambahkan pada hujung dan awalan "www." pada permulaan dilengkapkan. Melumpuhkan fungsi ini boleh melajukan sedikit Opera.

Di bawah **Tunjukkan kod sumber**, anda boleh menentukan sama ada, apabila **Tunjukkan kod sumber** dipilih dalam menu konteks tapak web, penyunting dalaman dalam Opera hendaklah digunakan atau program lain, misalnya penyunting Windows (notepad.exe).

Prestasi

Anda boleh menghidupkan navigasi pantas sekali lagi di sini, yang ditetapkan kepada mod automatik secara lalai dalam Opera 9 dan seterusnya.

Dengan memilih **Mod automatik**, anda boleh menentukan supaya tetapan pelayan web hendaklah diambil kira apabila anda menavigasi melalui sejarah pelayar, yang memberitahu pelayar sama ada tapak boleh dimuatkan daripada cache menggunakan "Undur" atau "Maju" atau sama ada tapak web perlu dimuat turun semula setiap kali. Muat turun kedua adalah perlu untuk laman kedai tertentu



berfungsi dengan betul. Walau bagaimanapun, pelayan kerap meminta laman dimuat turun sekali lagi daripada pelayan web apabila ia tidak perlu.

Dengan memilih **Mod keserasian** anda boleh menentukan bahawa, tanpa mengambil kira bagaimana pelayan ditetapkan, tapak tidak pernah dimuat turun daripada cache pelayar semasa anda menavigasi melalui sejarah pelayar, tetapi sentiasa dimuat turun semula daripada tapak web. Tetapan ini secara umumnya tidak diperlukan dan tidak dicadangkan untuk pelayaran pantas.

Dengan memilih **Mod pantas**, anda boleh menentukan supaya tapak web pada komputer anda sentiasa dimuatkan daripada cache. Ini bukan sahaja memberi kelebihan kepada fungsi undur dan maju yang akan menjadi sangat pantas semula dengan tiba-tiba, tetapi juga volum data lebih rendah perlu dimuat turun melalui sambungan Internet. Tambahan pula, entri yang anda lakukan dalam medan borang secara umumnya dikekalkan semasa navigasi dalam pelayar. Bagi membolehkan tapak web berfungsi dengan betul dengan kandungan tapak yang aktif, anda mungkin perlu kerap memuat semula tapak web secara manual (iaitu menggunakan F5).

Carian

Di sini anda boleh menetapkan enjin carian yang perlu digunakan oleh Opera secara umumnya serta untuk dail laju dan cara dail laju perlu dipaparkan.

Di bawah **Enjin carian lalai** anda boleh menentukan enjin carian yang Opera gunakan. Ini dipilih secara automatik dalam medan carian, dalam bar alamat, apabila "Carian" dipilih dalam menu konteks teks yang dipilih dan apabila memasukkan beberapa perkataan dalam bar alamat.

Di bawah **Enjin carian lalai dail laju**, anda boleh menukar enjin carian yang dipaparkan secara lalai di halaman dail laju dalam tab kosong baharu.

E-mel dan Sembang

Outlook Express (Windows XP sahaja)

Anda boleh menukar fon yang dipaparkan dalam bar tajuk aplikasi di sini. Anda juga boleh menentukan sama ada aplikasi perlu menunjukkan skrin percikan apabila bermula.

Di sini anda juga boleh mengkonfigurasi fungsi keselamatan yang menyekat lampiran e-mel boleh laksana. Jika anda tidak ingin lampiran sedemikian disekat, anda boleh melumpuhkan fungsi ini. Tetapi, sila ambil perhatian bahawa lampiran sedemikian mungkin juga mengandungi malware seperti virus yang berjalan apabila anda mengkliknya.

Windows Mail (Windows Vista sahaja)

Anda boleh menukar fon yang dipaparkan dalam bar tajuk aplikasi di sini. Anda juga boleh menentukan sama ada aplikasi perlu menunjukkan skrin percikan apabila bermula.

Di sini anda juga boleh mengkonfigurasi fungsi keselamatan yang menyekat lampiran e-mel boleh laksana. Jika anda tidak ingin lampiran sedemikian disekat, anda boleh melumpuhkan fungsi ini. Tetapi, sila ambil perhatian bahawa lampiran sedemikian mungkin juga mengandungi malware seperti virus yang berjalan apabila anda mengkliknya.



Office Outlook (Windows 7 sahaja)

Di bawah **Minimumkan Outlook** anda boleh memilih sama ada Outlook 2003/XP perlu mencipta ikon sama ada dalam bar tugas atau kawasan pemberitahuan bar tugas semasa meminimumkan tetingkap (sebelah jam). Jika anda memilih kawasan pemberitahuan, hidupkan opsyen **Minimumkan Outlook ke kawasan pemberitahuan**.

Di bawah **Keselamatan Lampiran E-mel** klik butang **Tetapan** untuk membuka tetingkap di mana anda boleh menentukan jenis lampiran fail yang disekat secara automatik.

Windows Messenger (Windows XP sahaja)

Di bawah **Jalan**, anda boleh menentukan sama ada dan untuk acara mana Windows Messenger perlu buka secara automatik. Jika anda mahu menghalang Windows Messenger daripada berjalan sepenuhnya, pilih **Lumpuhkan Windows Messenger**.

Jika anda tidak menggunakan Windows Messenger langsung, anda juga boleh mengalihnya keluar daripada sistem anda. Hanya gunakan opsyen **Pembuangan** untuk ini.

Privasi

Umum

Di sini anda boleh mengkonfigurasi tetapan untuk privasi dan keselamatan anda semasa bekerja dengan komputer anda.

Di bawah **Kemas Kini Windows Automatik** anda boleh menentukan sama ada Windows perlu mewujudkan sambungan dengan Microsoft secara automatik atau tidak. Jika **Dayakan Kemas Kini Windows automatik** diaktifkan, Windows kemudiannya boleh mewujudkan hubungan automatik dengan pelayan Microsoft sebaik sahaja terdapat sambungan Internet, untuk menyemak sama ada terdapat sebarang kemas kini untuk sistem anda.

Opsyen **Maklumkan sebelum memuat turun kemas kini** hendaklah didayakan jika anda mahu diminta kebenaran sebelum Windows memuat turun kemas kini yang tersedia daripada Internet.

Lindungi Jejak

Di sini anda boleh mengkonfigurasi tetapan untuk melindungi jejak anda semasa bekerja dengan dokumen dan melayari Internet.

Di bawah **Hapuskan senarai sejarah** anda boleh mengklik **Hapuskan sekarang** untuk mengosongkan senarai fail dibuka baru-baru ini dalam menu Mula.

Di bawah **Kosongkan cache Internet Explorer** dayakan opsyen **Kosongkan cache Internet Explorer semasa menutup** jika pelayar web perlu mengosongkan cache sebaik sahaja ia tutup. Anda hendaklah memilih pilihan ini hanya apabila keselamatan maksimum adalah penting bagi anda dan anda tidak ingin orang lain mengetahui tapak yang anda lawati di Internet dengan melihat cache.

Internet Explorer

Di sini anda menentukan tetapan keselamatan privasi anda.



Di bawah **Penapis SmartScreen Bersepadu** anda boleh mendayakan **Penapis SmartScreen** untuk memastikan supaya Internet Explorer menyemak tapak web yang diakses bagi mengesan tapak web yang mencurigakan dan dikenali kerana penipuan.

Di bawah **Pengesahan Windows bersepadu**, anda boleh mendayakan opsiyen **Lumpuhkan pengesahan Windows bersepadu** untuk memastikan supaya Internet Explorer tidak lagi cuba melog masuk ke tapak web secara automatik menggunakan pengesahan Windows.

Pemain Media Windows

Di sini anda boleh mengkonfigurasi tetapan privasi anda untuk Pemain Media Windows.

Pemain Media Windows kerap berkomunikasi dengan Internet. Di bawah **Tetapan**, anda boleh menentukan sama ada senarai fail media yang dimainkan baru-baru ini mahupun maklumat mengenai fail media atau muzik yang dimainkan semula tidak perlu disimpan. Klik **Keselamatan tertinggi** untuk menghidupkan semua opsiyen serentak.

Klik **Lanjutan** untuk meneruskan tetapan perlindungan data untuk Pemain Media Windows. Di sini anda boleh menyekat perintah skrip daripada berjalan, menghalang pembelian lesen automatik, melumpuhkan muat turun kodek automatik dan menyekat tapak Internet daripada mengenal pasti pemain.

Lanjutan

Di sini anda boleh membuat tetapan privasi tambahan.

Di bawah **Fail laman**, anda boleh mengklik **Pergi ke "Pengurusan memori"** untuk menentukan bahawa fail laman Windows perlu dihapuskan secara automatik apabila sistem ditutup.

Di bawah **Masa Internet** anda boleh melumpuhkan penyegerakan automatik jam sistem Windows dengan jam rujukan Internet.

Di bawah **Pelaporan ralat** anda boleh menentukan sama ada Windows perlu menghantar laporan ralat dengan konfigurasi sistem anda kepada Microsoft berikutan ranap. Gunakan butang **Pelaporan ralat** untuk membuka pelbagai laporan dan melumpuhkannya dengan sekali klik tetikus.

11.7.4. Pentadbiran

Log Masuk Pengguna

Umum

Windows XP:

Di sini anda boleh memilih antara skrin Alu-aluan dan gesaan log masuk. Tetapan lalai dalam Windows XP ialah skrin Alu-aluan. Ini menunjukkan senarai semua nama pengguna yang tersedia, yang boleh dipilih dengan mengklik tetikus. Selain itu, anda boleh memilih opsiyen **Gunakan dialog log masuk lama**. Ini memaparkan gesaan log masuk yang selamat, di mana anda diperlukan untuk memasukkan butiran log masuk anda secara manual.

Anda turut boleh menentukan di sini tetapan tambahan yang melibatkan tingkah laku dan penampilan skrin log masuk.



Windows Vista dan Windows 7:

Anda boleh melaraskan tingkah laku dan penampilan skrin log masuk serta gesaan log masuk anda di sini. Klik pada butang **Laras** untuk menetapkan opsyen individu.

Log masuk automatik

Untuk melangkaui log masuk ke sistem, pengguna boleh dilog masuk ke sistem secara automatik. Jika anda ingin melakukannya, pilih opsyen **Dayakan log masuk automatik** dan masukkan data log masuk anda dalam pemegang tempat di bawah.

Di bawah **Keselamatan** anda tentukan sama ada log masuk boleh dilangkaui atau tidak menggunakan kekunci Shift. Anda turut boleh membuatkan sistem menjalankan log masuk serta-merta selepas log keluar.

Mesej

Di bawah **Pemberitahuan sebelum log masuk**, anda boleh menetapkan pemberitahuan yang dipratarkrif yang dipaparkan kepada semua pengguna sebelum log masuk - sebagai contoh, amaran daripada majikan supaya tidak melayari Internet semasa waktu kerja. Untuk melakukannya, dayakan opsyen **Tunjukkan mesej sebelum log masuk** dahulu dan kemudian masukkan tajuk serta teks sebenar pemberitahuan dalam medan input.

Di bawah **Carian ralat semasa log masuk dan log keluar**, anda boleh menentukan bahawa mesej status terperinci hendaklah ditunjukkan semasa proses log masuk dan log keluar.

Jelajah (Windows XP)

Pengguna kali pertama boleh dijemput untuk menjelajah Windows XP berikutan permulaan sistem. Semasa jelajah ini, pengguna ditunjukkan semua modul Windows XP yang penting. Nyahpilih opsyen **Tunjukkan Jelajah Windows selepas log masuk** jika anda tidak ingin jelajah diaktifkan selepas sistem bermula. Di bawah Skop, anda boleh menyatakan sama ada opsyen ini hanya terpakai kepada pengguna semasa atau semua pengguna.

Pusat Selamat Datang (Windows Vista)/Bermula (Windows 7)

Pengguna baru boleh ditunjukkan tettingkap **Pusat Selamat Datang** (dalam Vista) atau **Bermula** apabila sistem dimulakan, yang direka bentuk untuk menyediakan sistem dengan lebih mudah dan menunjukkan pautan ke maklumat lanjut dan tawaran di Internet. Anda boleh menghidupkan atau mematikan paparan ini di sini.

Pemacu

Umum (Windows XP sahaja)

Di sini anda membuat tetapan tertentu berkenaan pemacu keras anda. Contohnya, anda boleh mendayakan sokongan UDMA66, yang boleh melajukan akses ke pemacu anda.

Di bawah **Sistem fail NTFS**, anda boleh menetapkan dua opsyen yang berkaitan dengan sistem fail NTFS Windows yang baharu: **Simpan tarikh akses terakhir ke fail** dan **Simpan nama fail pendek (DOS)**. Kami mengesyorkan supaya anda membiarkan kedua-dua pilihan didayakan kerana



melumpuhkannya mungkin memberi kesan sampingan negatif terhadap kecekapan nyahfragmentasi cakera keras dan keserasian perisian yang lebih lama.

Ruang memori

Windows membunyikan penggera secara automatik jika terdapat hanya sejumlah kecil baki ruang cakera pada pemacu. Jika amaran ini mengganggu anda, anda boleh melumpuhkan pilihan **Paparkan amaran mengenai ruang cakera rendah**.

AutoMain

Di bawah **Pemantauan perubahan media**, anda boleh menghidupkan opsyen **Pantau perubahan pemacu CD untuk media**. Jika anda berbuat demikian, Windows memantau pemacu CD. Sebaik sahaja pembawa data baharu dimasukkan, Windows membacanya dan cuba melancarkan kandungannya secara automatik.

Di bawah **AutoMain**, anda boleh mengklik pada **Lanjutan** untuk membuka tettingkap di mana anda boleh menetapkan tetapan automain untuk pelbagai pembawa data, seperti CD muzik.

Lanjutan

Di bawah **AVG Styler**, anda boleh mengklik pada **Mulakan AVG Styler** untuk memanggil modul dan menggunakannya untuk menukar ikon pemacu individu.

Di bawah **AVG Drive Defrag**, anda boleh mengklik pada **Mulakan AVG Drive Defrag** bagi membuka modul untuk menyahfragmen pemacu dan untuk mengatur fail pada pemacu secara optimum.

Di bawah "**Computer**" (atau "**My Computer**" dalam Windows XP), anda boleh mengklik pada "**Settings**" untuk menentukan pemacu yang dipaparkan dalam Windows "(My) Computer".

Memori dan Cache

Pengurusan Memori

Ini termasuk tetapan untuk mengurus memori fizikal dan maya.

Di bawah **Memori maya**, anda boleh menentukan bahawa pemacu dan teras sistem Windows boleh digantikan jika perlu atau sentiasa disimpan dalam RAM.

Di bawah **Fail halaman**, anda boleh menentukan bahawa **AVG PC TuneUp** sentiasa menulis ganti kandungan fail halaman Windows dengan sifar, seterusnya menghapuskannya apabila sistem ditutup.

Mengklik pada **Disyorkan** menerima tetapan yang disyorkan oleh **AVG PC TuneUp**.

Penggunaan Memori

Di sini anda boleh menetapkan sama ada komputer perlu menyimpan lebih RAM untuk program atau untuk cache sistem.



Lanjutan

Mengklik butang yang sepadan di sini, membawa anda ke modul **AVG StartUp Manager** dan **AVG Process Manager**, yang boleh digunakan untuk mengkonfigurasi permulaan sistem dan mengurus program yang berjalan.

Permulaan dan Penyelenggaraan

Permulaan sistem

Di sini anda boleh membuat tetapan umum mengenai cara Windows perlu diteruskan apabila memulakan sistem.

Di bawah **Defragmentasi but**, anda boleh mendayakan opsiyen **Dayakan defragmentasi but** untuk menentukan fail yang diperlukan untuk but perlu diatur pada cakera keras supaya ia boleh ditemui dengan agak pantas.

Di bawah **Logo but dan mesej ralat**, anda boleh mendayakan opsiyen **Jangan paparkan logo but dan mesej ralat** untuk menentukan supaya Windows bukan sahaja menyekat paparan logo but tetapi juga paparan mesej ralat semasa permulaan.

Di bawah **Masa menunggu untuk semakan pemacu**, anda boleh menentukan berapa lama pengguna perlu diberi masa bagi membuat keputusan untuk menjalankan program imbasan CHKDSK. Program ini dilancarkan secara automatik jika komputer tidak dimatikan dengan betul dan menyemak integriti data pada cakera keras.

Keluar (Windows XP sahaja)

Di sini, anda menentukan apa yang Windows perlu lakukan jika program individu telah ranap.

Di bawah **Masa menunggu tanpa respons**, anda boleh menentukan masa dalam milisaat yang diberikan oleh sistem kepada program untuk menunjukkan respons. Kemudian, ia akan ditamatkan dalam Pengurus Tugas atau apabila komputer dimatikan.

Di bawah **Tamatkan program secara automatik**, anda boleh menetapkan sama ada aplikasi perlu ditutup secara automatik atau sama ada dialog **Tamatkan program** perlu ditunjukkan.

Desktop dan Bar Tugas

Di sini anda boleh membuat tetapan berkenaan kestabilan desktop dan bar tugas.

Di bawah **Desktop dan bar tugas dalam proses berasingan**, anda boleh mendayakan opsiyen **Lakukan desktop dan bar tugas dalam proses berasingan** untuk meningkatkan kestabilan sistem jika Explorer ranap. Ini meningkatkan kestabilan, tetapi memerlukan 8 MB ruang cakera tambahan.

Di bawah **Mulakan semula desktop dan bar tugas secara automatik**, anda boleh mendayakan opsiyen bagi memastikan supaya kedua-dua desktop dan bar tugas dimulakan semula sekali lagi secara automatik jika ia ranap. Ini bermakna bahawa sistem kekal beroperasi.

Ralat

Di sini anda boleh menentukan cara sistem perlu bertindak jika berlaku ralat.



Di bawah **Isyarat boleh dengar**, anda boleh mendayakan opsiyen **Mainkan isyarat akustik apabila ralat berlaku** untuk menentukan supaya sistem perlu berbunyi jika terdapat mesej ralat atau entri salah.

Di bawah **Ralat sistem**, anda boleh memilih daripada senarai jantai bawah mengenai apa yang perlu berlaku jika sistem telah dihentikan kerana ralat mesej kritikal. Anda juga boleh menentukan bahawa acara hendaklah dimasukkan dalam log sistem.

Di bawah **Pelaporan ralat**, anda boleh menentukan sama ada Windows perlu menghantar laporan ralat kepada Microsoft berikutan ranap. Komunikasi ini bukan sahaja menghantar maklumat mengenai ralat, tetapi juga maklumat mengenai sistem anda.

Sistem

Umum

Di bawah **Pendaftaran Windows**, anda boleh menukar nama dan syarikat pengguna yang telah mendaftarkan versi Windows semasa. Di sini anda juga boleh melihat nombor siri dan ID produk lesen Windows anda.

Di bawah **Windows Installer - data pengguna**, masukkan nama dan nama syarikat yang perlu dimasukkan secara automatik ke dalam maklumat pengguna apabila perisian baharu dipasang.

Di bawah **Maklumat sokongan**, anda boleh menggunakan butang **Tetapan** untuk membuka tettingkap konfigurasi tempat anda boleh mengubah suai maklumat yang ditunjukkan dalam sifat sistem.

Dialog Biasa

Di sini anda menentukan penampilan dialog biasa untuk membuka dan menyimpan fail.

Di bawah **Nama fail**, anda boleh menentukan sama ada, dalam dialog biasa, medan pemilihan mengandungi fail yang terbaharu digunakan perlu dipaparkan dan bukannya medan input tunggal.

Dalam Windows XP, **Navigasi folder** turut tersedia, di mana anda boleh menentukan elemen navigasi yang perlu ditunjukkan untuk operasi yang dipermudahkan dalam dialog biasa. Anda juga boleh menentukan sama ada butang "Kembali" perlu dipaparkan dan jika bar navigasi perlu dipaparkan di bahagian kiri dialog biasa.

Cari (Windows XP sahaja)

Di sini anda boleh mentakrifkan penampilan dan tingkah laku dialog carian.

Pilihan **Lumpuhkan perkhidmatan pengindeksan** menghalang sistem daripada mengindeks kandungan fail anda secara automatik apabila komputer melahu.

Opsiyen **Guna carian klasik dalam Explorer** menggantikan dialog carian gaya moden dengan gaya klasik.

Di bawah **Jenis fail yang dicari**, anda boleh mengklik **Jenis fail** untuk menentukan jenis fail teks yang boleh dicari untuk kandungan tertentu.



Folder Khas

Di sini anda menentukan laluan fizikal ke folder khas seperti "My Documents" yang perlu dipautkan. Serlahkan laluan yang dipraktifik dan klik pada **Sunting** untuk menukarnya mengikut keperluan anda.

Gesaan perintah

Anda boleh mengkonfigurasi penampilan dan tingkah laku gesaan perintah di sini.

Di bawah **Pelengkapan**, anda boleh menentukan kombinasi kunci yang akan digunakan untuk melengkapkan nama fail dan folder.

Di bawah **Tetapan lanjutan**, anda boleh klik pada butang **Lanjutan** untuk membuka tettingkap di mana anda boleh menentukan penampilan visual dan folder mula gesaan perintah.

Keselamatan

Kawalan Akaun Pengguna (Windows Vista dan Windows 7 sahaja)

Ciri Kawalan Akaun Pengguna memastikan tiada perubahan tanpa kebenaran dilakukan pada komputer. Ciri ini melakukannya dengan bertanya sama ada pengguna mempunyai hak pentadbir untuk membenarkan sebarang perubahan dilakukan kepada sistem. Jika Kawalan Akaun Pengguna didayakan, pengguna standard akan sentiasa diminta untuk memasukkan kata laluan pentadbir untuk membuat perubahan tersebut.

Anda boleh menentukan di sini cara pengguna yang dilog masuk sebagai pentadbir akan dimaklumkan mengenai potensi perubahan kepada komputer dan digesa untuk memberikan pengesahan.

Beginilah Windows membezakan antara perubahan yang dibuat oleh pengguna itu sendiri (misalnya tetapan berkaitan keselamatan) dan permulaan program yang boleh menjalankan perubahan. Anda boleh menetapkan di sini secara terperinci, perubahan yang mesti memerlukan pengesahan dahulu dan sama ada kata laluan mesti dimasukkan terlebih dahulu.

Oleh sebab tetapan ini berkaitan dengan keselamatan, anda dinasihatkan supaya kawalan akaun pengguna dibiarkan aktif dan pilih sekurang-kurangnya **Gesaan untuk mengesahkan tanpa memasukkan kata laluan** (untuk Windows Vista) atau **Untuk perubahan oleh program, tanpa kata laluan** (untuk Windows 7).

Satu sasaran Kawalan Akaun Pengguna adalah untuk memastikan bahawa tiada program yang bermula di latar belakang tanpa pengetahuan pengguna. Pada setiap permulaan program, Windows menentukan sama ada program ini akan membuat perubahan kepada komputer. Jika hal ini berlaku dan Kawalan Akaun Pengguna didayakan, pengguna akan digesa untuk memastikan pentadbir mengesahkan permulaan program. Ciri ini ialah langkah keselamatan utama sekiranya aplikasi yang tidak diketahui (dan berpotensi tidak dikehendaki) dimulakan tanpa pengguna memulakannya sendiri.

Pusat Keselamatan (Windows Vista)/Pusat Penyelenggaraan (Windows 7)

Pusat Keselamatan atau Pusat Penyelenggaraan, seperti yang dikenali dalam Windows 7, berjalan secara kerap di latar belakang untuk menyemak status keselamatan komputer anda dan memaparkan amaran jika terdapat masalah keselamatan yang mungkin berlaku ditentukan.



Jika amaran ini dipaparkan secara salah pada komputer anda atau anda tidak mahu amaran ini ditunjukkan daripada Pusat Keselamatan/Penyelenggaraan, anda boleh mematikan amaran di sini.

Lanjutan

Di bawah **Gesaan kata laluan penyelamat skrin**, anda boleh menentukan berapa lama penyelamat skrin perlu berjalan sebelum perlindungan kata laluan diaktifkan (jika pilihan ini didayakan). Nilai lalai ialah 5 saat.

11.7.5. Wizard

Dalam kategori ini, anda akan menemui wizard **Salin tetapan**. Ia menyalin tetapan anda ke akaun pengguna lain dan skrin log masuk Windows.

Salin tetapan

Anda boleh menggunakan **AVG System Control** untuk membuat beberapa tetapan yang akan digunakan untuk menukar penampilan dan tingkah laku sistem supaya sesuai dengan keperluan anda. Walau bagaimanapun, tetapan ini biasanya hanya sah untuk akaun pengguna semasa anda.

Gunakan wizard **Salin Tetapan** untuk menyalin tetapan anda ke akaun pengguna lain dan skrin log masuk Windows.

Wizard menunjukkan kepada anda senarai tetapan yang boleh disalin. Buat pilihan anda dan klik **Seterusnya**.

Sekarang anda boleh memilih ke mana tetapan yang dipilih harus disalin. Kemungkinan sasaran (bergantung pada tetapan yang dipilih) ialah skrin log masuk. Jika anda menyediakan beberapa pengguna, semua pengguna lain juga ditunjukkan sebagai kemungkinan destinasi. Pilih destinasi yang anda mahu dan klik **Seterusnya** untuk memulakan proses salin.

Selepas berjaya melengkapkan proses penyalinan, tutup wizard dengan mengklik **Selesai**.

11.8. Mengalih Keluar Pintasan Rosak

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **mengapa penting untuk anda melakukannya** dan **cara** anda boleh membersihkan sistem anda dengan modul **AVG Shortcut Cleaner** dengan mengalih keluar rujukan dan pintasan yang tidak sah.

Modul **AVG Shortcut Cleaner** membantu anda "memulihkan kawalan" ke komputer anda dengan pantas dan mudah. Modul ini menyemak semua pintasan pada Desktop anda, dalam menu mula dan dalam bar Lancar Pantas. Jika pintasan merujuk program yang tidak lagi wujud atau fail yang telah dihapuskan, anda boleh mengalihnya keluar dengan mudah. Folder kosong dalam menu Mula juga dikenal pasti, yang kebanyakannya timbul selepas anda telah mengatur semula menu Mula secara manual.

Selain itu, **AVG Shortcut Cleaner** menganalisis senarai sejarah fail daripada program Microsoft Office, OpenOffice®, Windows Media Player dan Nero®. Senarai ini mengandungi rujukan ke fail yang diakses baru-baru ini dalam program. Entri ini juga akan disemak di sini. Jika terdapat beberapa akses ke fail yang tidak lagi wujud atau yang telah dialih, anda boleh menghapuskannya.

Ini bermaksud bahawa sistem anda bebas daripada beban yang tidak diperlukan, ia juga bermaksud bahawa anda tidak lagi perlu membazirkan masa cuba memanggil pautan rosak.



11.8.1. Cara Mengalih Keluar Pintasan Rosak

Cara Mengalih Keluar Pintasan Rosak

Mulakan modul **AVG Shortcut Cleaner** dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih entri **Alih keluar pintasan rosak** di bawah **Data penggunaan**.

Antara muka anda (Desktop, Menu Mula, bar Lancar Pantas) dan senarai sejarah bagi sesetengah atur cara disemak bagi mencari pintasan dan entri rosak. Analisis ini boleh mengambil masa beberapa minit.

Selepas analisis **AVG Shortcut Cleaner** menunjukkan kepada anda senarai semua pintasan dan rujukan rosak. Jika tiada entri rosak yang ditemui, anda akan hanya menerima satu senarai tempat yang telah dicari. Dalam kes ini, klik **Tutup** untuk keluar daripada fungsi ini.

Anda membuat keputusan sama ada menghapuskan semua pintasan rosak atau tidak. Kosongkan kotak semak rujukan tidak sah tersebut yang anda tidak ingin hapuskan. Tetap standard adalah untuk semua rujukan tidak sah yang akan dihapuskan.

Klik **Bersihkan**. Proses pembersihan biasanya mengambil masa hanya beberapa saat. Selepas itu, anda menerima laporan status pendek mengenai bilangan rujukan dan pintasan yang dialih keluar.

Klik **Selesai** untuk keluar daripada **AVG Shortcut Cleaner**.

11.9. Menunjukkan Laporan Pengoptimuman AVG

Dalam bab ini, anda akan mengetahui **cara** anda boleh menggunakan **AVG Laporan Pengoptimuman** untuk mengekalkan gambaran keseluruhan yang tetap bagi setakat mana anda telah mengoptimumkan komputer anda sehingga kini dengan **AVG PC TuneUp**.

AVG Laporan pengoptimuman meringkaskan semua langkah pengoptimuman yang sudah dilaksanakan oleh **AVG PC TuneUp**. Laporan ini berkaitan terutamanya jika anda menggunakan banyak pengoptimuman latar belakang automatik **AVG PC TuneUp**. Di sini anda boleh menyemak pada bila-bila masa setakat mana **AVG PC TuneUp** telah mengoptimumkan komputer anda setakat ini.

11.9.1. Cara Memaparkan Laporan Pengoptimuman AVG

Paparkan laporan pengoptimuman dengan pergi ke **Semua fungsi** dalam Papan Pemuka dan memilih **Paparkan laporan pengoptimuman** di bawah **AVG PC TuneUp**.

Ini membuka ringkasan jelas bagi pengoptimuman yang sudah dilaksanakan dengan **AVG PC TuneUp** dan manfaat yang telah disediakan.

Jika anda menahan kursor anda atas pengoptimuman, tettingkap maklumat kecil terbuka yang memaparkan butiran pada manfaat pengoptimuman atau butiran mengenai pengoptimuman individu.

Anda boleh memaparkan laporan pengoptimuman ini untuk tujuh hari yang terakhir, 30 hari yang terakhir atau untuk seluruh tempoh sejak pemasangan. Untuk melakukannya, hanya tukar ke tab yang berkaitan.



12. AVG PC TuneUp dalam Kawasan Pemberitahuan Bar Tugas

Kawasan pemberitahuan ialah kawasan pada bahagian kanan bar tugas Windows. Ini memaparkan, contohnya, masa, ikon status atau pintasan program. **AVG PC TuneUp** mempunyai ikon kawasan pemberitahuan yang menunjukkan kepada anda status semasa sistem anda dan menyediakan titik entri kepada **AVG PC TuneUp**.

Apabila anda dwiklik pada ikon kawasan pemberitahuan, **AVG PC TuneUp** bermula.

Apabila anda klik pada ikon dengan butang kiri tetikus, **tetingkap timbul** terbuka, membolehkan anda mengakses beberapa fungsi **AVG PC TuneUp** dengan cepat.

- **Buka**

Gunakan butang ini untuk membuka Papan Pemuka **AVG PC TuneUp**.

Untuk maklumat lanjut, lihat bab [Papan Pemuka](#).

- **Jalankan Penyelenggaraan**

Penyelenggaraan 1 Klik melaksanakan tugas penyelenggaraan paling penting pada sistem anda untuk memastikan Windows kekal pantas dan stabil. Mengklik butang ini akan memulakan penyelenggaraan sistem dengan serta-merta.

Untuk maklumat lanjut, lihat bab [Penyelenggaraan 1 Klik](#).

- **Mod PC**

Dalam bahagian ini, anda boleh melihat sama ada **Mod Turbo** atau **Mod Ekonomi** dihidupkan pada masa ini. Anda boleh menukar antara dua mod seperti yang diperlukan di sini, atau tukar ke **Mod Standard**.

Untuk mendapatkan cara mengkonfigurasi **Mod Turbo**, lihat [Tetapan Mod Turbo](#).

Untuk mendapatkan cara mengkonfigurasi **Mod Ekonomi**, lihat [Tetapan Mod Ekonomi](#).

Untuk mendapatkan maklumat umum mengenai mod, lihat [Mod PC](#).

- **Mod Pesawat**

Suis ini membenarkan anda untuk mematikan sebahagian aktiviti rangkaian wayarles pada komputer riba anda (ciri ini hanya tersedia pada komputer riba). Gunakan butang ini untuk menghidupkan (atau mematikan) Mod Pesawat.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut dalam bab [Mod Pesawat](#).